

**PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT DALAM
KALANGAN ATLET MURID SEKOLAH
SUKAN NEGERI PERAK**

FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT DALAM
KALANGAN ATLET MURID SEKOLAH
SUKAN NEGERI PERAK**

FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN

**DISERTASIINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

**PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT DALAM KALANGAN
ATLET MURID SEKOLAH SUKAN NEGERI PERAK**

ABSTRAK

Sekolah Sukan Negeri merupakan satu institusi pendidikan diwujudkan bagi melahirkan atlet murid yang cemerlang dari aspek akademik dan sukan elit serta seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek. Namun demikian, terdapat dalam kalangan atlet murid yang mendedahkan aurat serta meninggalkan solat meskipun telah diberi penekanan dalam silibus kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah. Kajian ini bertujuan mengetahui kefahaman, pengamalan, faktor-faktor yang mempengaruhi serta hubung kait di antara kefahaman dengan amalan melalui Kurikulum Pendidikan Islam dalam aspek aurat dan solat dalam kalangan atlet murid. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik mengandungi lima skala likert yang diproses menggunakan perisian *SPSS (Statistical Package for Social Science)* versi 23 di mana sampel kajian tersebut terdiri daripada 162 orang yang mewakili keseluruhan 260 atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak . Dapatan daripada soal selidik berkenaan mendapati bahawa min kefahaman atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak terhadap aurat dan solat berada pada tahap sangat tinggi. Faktor utama yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat adalah jati diri daripada didikan awal ibu bapa diikuti dengan guru, jurulatih dan persekitaran institusi pendidikan. Kefahaman terhadap aurat dan solat mempunyai hubungan yang signifikan terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat atlet murid.

Kata kunci : Penjagaan Aurat, Pengamalan Solat, Atlet Murid, Sekolah Sukan Negeri

PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT DALAM KALANGAN ATLET MURID SEKOLAH SUKAN NEGERI PERAK

ABSTRACT

The State Sports School is an educational institution created to produce outstanding athletes from academic and elite sports as well as balanced from physical, emotional, spiritual and intellectual aspects. However, there are among the student athletes who exposed the aurat and abandoned the solat despite being emphasized in the syllabus of Islamic primary and secondary education curriculum for primary and secondary schools. The purpose of this study is to find out the understanding, practice, influencing factors and relationship between understanding and practice through the Islamic Education Curriculum in the aspects of aurat and solat among the student athletes. The data obtained from the questionnaires consisted of five likert scales that were processed using the SPSS (Statistical Package for Social Science) version 23 where the sample of the study consisted of 162 representing the total of 260 students at the Perak State Sports School. The findings of the questionnaire found that the mean understanding of student athletes at the Perak State Sports School on aurat and solat was at a very high level. The main factor affecting the observing of aurat and solat practice is self awareness from parent's early education followed by teachers, trainers and the educational institutions environment. Understanding of aurat and solat has a significant relationship to the care of the aurat and practice of student athlete's solat.

Keywords : Aurat Concern, Solat Practice, Athletes Of The Students, State Sport School

PENGHARGAAN

Pertama sekali, penyelidik ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Saadan Bin Man dan Dr. Asyraf Isyrafi Bin Jamil di atas seliaan sepanjang penulisan disertasi ini. Hasil daripada bimbingan, tunjuk ajar, buah fikiran, penyelidik mampu menyiapkan kajian serta mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi dengan sempurna dan akhirnya berjaya menamatkan penulisan ini dengan baik.

Ucapan terima kasih dan penghargaan khasnya kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, dan amnya Kementerian Pendidikan Malaysia di atas peluang yang diberikan bagi diri saya untuk menyambung pengajian ke peringkat Sajana selama dua tahun. Ucapan terima kasih ini juga tidak lupa ditujukan kepada semua penyarah di Bahagian Pengajian Syariah khususnya di Jabatan Fiqh dan Usul yang tidak pernah jemu mencurahkan ilmu dan membimbang penyelidik menjadi insan yang lebih sempurna. Mudah-mudahan Allah memberi ganjaran dengan pulangan yang setimpal kelak.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan pejabat Ijazah Tinggi dan pejabat Jabatan Fiqh dan Usul yang telah banyak menyempurnakan urusan penyelidik sepanjang menjadi penuntut di jabatan ini dari permulaan pendaftaran pengajian sehingga kepada peringkat penyerahan disertasi kajian.

Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada seluruh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia khasnya dari Bahagian Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak khasnya dari Unit Sukan, pihak pengurusan, guru-guru, kakitangan SMK Gunung Rapat, Ipoh yang membantu secara langsung selama proses kajian dan pengumpulan maklumat berkaitan sekolah dan semua yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu penyelidik melengkapkan kajian di sekolah berkenaan.

Penyelidik juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih semua sahabat seperjuangan yang telah berkongsi dorongan semangat dan bantuan dalam menjayakan penulisan disertasi ini khasnya sahabat Ustaz Syed Mohd Bakri Bin Syed Ishak yang bersama sejak dari permulaan kursus persediaan pengajian Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan, sebelum memulakan pengajian, suka duka semasa pengajian dari Ipoh ke Kuala Lumpur sehingga akhir pengajian. Tidak lupa juga seorang sahabat yang sangat banyak membantu dari segi masa dan ilmu, Dr. Mohd Faiz

Bin Yaakub yang banyak membantu tunjuk ajar terutama aspek penyelidikan kuantitatif dan suka duka sebagai penyelidik. Terima kasih yang tidak terhingga sahabat.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan khusus untuk isteri tersayang Nor Azizah Binti Ibrahim yang sentiasa memberi sokongan positif sejak dari sebelum memulakan pengajian, semasa pengajian sehingga akhir pengajian. Buat ayah Abdul Muin Bin Long dan ibu Maz'ma Binti Adam yang tidak pernah putus memberikan sokongan moral dan pelbagai bentuk bantuan serta keperluan sepanjang pengajian peringkat Sarjana ini.

Buat anak-anak tersayang, Nur Izzatty Farhana yang akan melengkapkan Pengajian Perniagaan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Nur Ezzaty Elane yang baru sahaja memulakan pengajian Ijazah dan Sarjana Farmasi di King's Collage, London, semoga kejayaan ini menjadi pembakar semangat dan pendorong kepada kejayaan kalian kelak dan mempu menjadikan kalian insan yang cintakan ilmu. Juga anak-anak yang masih dalam pengajian sekolah rendah, Muhammad Aezzat Fadhlhan, Muhammad Aezzat Fauzan serta Nur Ezzaty Sofea, semoga kejayaan ini dapat merangsang ke arah menjadikan kalian insan berguna dan berjaya di dunia dan akhirat. Begitu juga kepada semua ahli keluarga yang berterusan membakar semangat penyelidik hingga berjaya. Sesungguhnya kalian permata yang tidak ternilai serta amat penting dan terutama dalam kehidupan serta kejayaan abad.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat secara tidak langsung dalam menjayakan disertasi ini. Mudah-mudahan segala bantuan yang dihulurkan mendapat perhatian daripada Allah SWT sebagai amalan yang ikhlas. Semoga

Sekian,

Salam hormat dari penyelidik,

Faiz Syahrin Bin Abdul Muin
No 106, Jalan Sepakat,
Taman Rapat Murni,
31350 Ipoh, Perak

DAFTAR ISI

	Halaman
Abstrak	iv
Abstract	v
Penghargaan / Dedikasi	vi
Jadual Isi Kandungan	viii
Senarai Jadual	xii
Senarai Rajah	xiv
Transliterasi	xv
Senarai Kependekan	xvi

BAB PERTAMA : PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Penyataan masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Hipotesis Kajian	12
1.7 Skop Kajian	13
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	13
1.9 Kajian Lepas	14
1.10 Kepentingan Kajian	24
1.11 Sistematika Penulisan	25

BAB KEDUA : AURAT DAN SOLAT DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM, SEKOLAH SUKAN DAN ATLET MURID

2.1	Pengenalan	26
2.2	Pendidikan Islam : Falsafah dan Objektifnya	27
2.2.1	Konsep Pendidikan Islam	28
2.2.2	Falsafah dan Matlamat Pendidikan Islam	30
2.3	Konsep Ibadah dalam Kurikulum Pendidikan Islam	36
2.4	Aurat dalam kurikulum Pendidikan Islam	40
2.4.1	Aurat Lelaki	46
2.4.2	Aurat Wanita	47
2.4.3	Mahram	49
2.5	Solat	52
2.6	Sekolah Sukan	57
2.7	Atlet Murid	62
2.8	Kesimpulan	63

BAB KETIGA : METHODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	65
3.2	Metodologi Kajian	65
3.3	Reka Bentuk Kajian	65
3.4	Metode Pengumpulan Data	65
3.4.1	Data Primer	66
3.4.1.1	Kajian Lapangan	66
a)	Kenal Pasti Sampel	66
b)	Populasi Dan Sampel Kajian	67
c)	Latar Belakang Responden	68
3.4.1.2	Kajian Kepustakaan	68
3.4.2	Data Sekunder	70

3.5	Instrumen Kajian	70
	a) Soal Selidik	71
3.6	Prosedur Kajian	73
	3.6.1 Kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia	74
3.7	Ujian Rintis	80
3.8	Metode Analisis Data	78
	3.8.1 Metode Induktif	78
	3.8.2 Metode Deduktif	78
	3.8.3 Metode Komparatif	78
	3.8.4 Analisis SPSS	79
	3.8.5 Analisis Statistik Inferensi	80

**BAB KEEMPAT : ANALISIS KEFAHAMAN, PENGAMALAN SERTA
FAKTOR MEMPENGARUHI SERTA HUBUNGKAIT KEFAHAMAN
DENGAN PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT ATLET
MURID**

4.1	Pengenalan	82
4.2	Demografi Responden	83
4.3	Kefahaman Atlet Murid Terhadap Aurat dan Solat	85
	4.3.1 Kefahaman para atlet murid terhadap aurat	85
	4.3.2 Kefahaman para atlet murid terhadap ibadah solat	88
	4.3.3 Perbezaan kefahaman atlet murid berkenaan aurat dan solat berdasarkan faktor demografi	90
	4.3.3.1 Perbezaan kefahaman atlet murid mengikut jantina	93
	4.3.3.2 Perbezaan kefahaman atlet murid mengikut aras tingkatan	96
	4.3.3.3 Perbandingan kefahaman atlet murid terhadap aurat dan solat	101

4.4	Faktor-faktor yang mempengaruhi amalan penjagaan aurat dan pengamalan solat atlet murid	103
4.4.1	Faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat	103
4.4.2	Faktor yang mempengaruhi pengamalan solat	110
4.4.3	Faktor jati diri	113
4.4.4	Faktor didikan awal dari ibu bapa	115
4.4.5	Faktor guru dan persekitaran sekolah	118
4.5	Penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid	121
4.5.1	Penjagaan aurat berdasarkan kefahaman atlet murid terhadap aurat	121
4.5.2	Pengamalan solat berdasarkan kefahaman atlet murid terhadap solat	127
4.6	Hubung kait kefahaman dengan penjagaan aurat dan pengamalan solat	131
4.7	Kesimpulan	134

BAB KELIMA : PENUTUP

5.1	Pengenalan	136
5.2	Dapatan Kajian	136
5.3	Kesimpulan	139
5.4	Saranan	140
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	143
5.5	Penutup	143

BIBLIOGRAFI 144

LAMPIRAN 152

SENARAI JADUAL

- 1.1 Analisa keseluruhan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMK Gunung Rapat mata pelajaran Pendidikan Islam bagi tahun 2012, 2013 dan 2014
 - 3.1 Bilangan populasi
 - 3.2 Taburan sampel mengikut tingkatan
 - 3.3 Ujian *Homogeneity of Variances* bagi menentukan tahap signifikan homogen antara kumpulan atlet murid Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Bukit Jalil dengan Sekolah Sukan Negeri (SSN) Perak.
 - 3.4 Dapatan data daripada *Cronbach's Alpha*
 - 3.5 Nilai kekuatan hubungan korelasi seperti dicadangkan Cohen
- 4.1 Purata keseluruhan bagi item kefahaman aurat
- 4.2 Tahap kefahaman atlet murid terhadap ibadah aurat
- 4.3 Interpretasi min bagi lima skala likert
- 4.4 Purata keseluruhan bagi item kefahaman solat
- 4.5 Tahap kefahaman atlet murid terhadap ibadah solat
- 4.6 Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan jantina terhadap kefahaman aurat
- 4.7 Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan jantina terhadap kefahaman solat
- 4.8 Perbezaan kefahaman responden mengikut kumpulan jantina
- 4.9 Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan aras tingkatan terhadap kefahaman aurat
- 4.10 Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan aras tingkatan terhadap kefahaman solat
- 4.11 Perbezaan kefahaman responden mengikut bidang sukan

- 4.12 Analisis ujian *non-parametric Kruskal-Wallist* bidang sukan terhadap kefahaman aurat
- 4.13 Analisis ujian *non-parametric Kruskal-Wallist* bidang sukan terhadap kefahaman aurat
- 4.14 Keputusan hipotesis melalui ujian yang telah dilaksanakan
- 4.15 Perbandingan purata (min) keseluruhan bagi item kefahaman aurat dan solat
- 4.16 Nilai keseluruhan bagi soal selidik bahagian D item D1 hingga D10 berkaitan faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat atlet murid
- 4.17 Menunjukkan min bagi faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan aurat
- 4.18 Menunjukkan kumulatif min bagi pecahan faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan aurat
- 4.19 Nilai keseluruhan bagi soal selidik bahagian D item D11 hingga D20 berkaitan faktor yang mempengaruhi pengamalan solat atlet murid
- 4.20 Min bagi faktor-faktor mempengaruhi terhadap pengamalan ibadah solat
- 4.21 Menunjukkan kumulatif min bagi pecahan faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan solat
- 4.22 Purata keseluruhan bagi item amalan penjagaan aurat
- 4.23 Dapatan min bagi bahagian C1 hingga C10 berkaitan amalan aurat
- 4.24 Purata keseluruhan bagi item amalan penjagaan aurat
- 4.25 Dapatan min bagi bahagian C11 hingga C20 berkaitan ibadah solat
- 4.26 Korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* antara Kefahaman Aurat dengan Amalan Aurat
- 4.27 Nilai kekuatan hubungan korelasi seperti dicadangkan Cohen (1988)
- 4.28 Korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* antara Kefahaman Solat dengan Amalan Solat

SENARAI RAJAH

- 1.1 Kerangka konsep kajian
- 4.1 Pecahan responden lelaki dan perempuan
- 4.2 Peratus bidang sukan responden
- 4.3 Kumpulan disiplin sukan

JADUAL TRANSLITERASI

Bagi penulisan di dalam disertasi ini penulis menggunakan kaedah transliterasi yang ditetapkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

KONSONAN					
Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab
b = ب	ب	Z = ز	ز	f = ف	ف
t = ت	ت	s = س	س	q = ق	ق
th = ث	ث	sh = ش	ش	k = ك	ك
J = ج	ج	š = ص	ص	l = ل	ل
h = ح	ح	đ = ض	ض	m = م	م
kh = خ	خ	ť = ط	ط	n = ن	ن
d = د	د	ڙ = ظ	ظ	w = و	و
dh = ذ	ذ	‘ = ع	ع	h = ه	ه
r = ر	ر	gh = غ	غ	y = ي	ي

Vokal Pendek : a = ا i = إ u = ۿ

Vokal Panjang : ā = ۏ ī = ۏۿ ū = ۿۿ

Diftong : ay = ای aw = او

Pengecualian:-

Perkataan-perkataan Arab yang telah dimelayukan melalui Kamus Dewan tidak akan ditransliterasikan. Contoh; syariah, syarak, Rasulullah, ulama, hadis, dan lain-lain.

Namun, apabila perkataan-perkataan tersebut digunakan di dalam frasa Arab ia akan ditransliterasikan. Semua perkataan yang ditransliterasikan ditulis secara condong kecuali nama orang.

RUJUKAN KEPENDEKAN

a.s.	:	'alaihi salam
Dr.	:	Doktor
H	:	Hijrah
hlmn.	:	halaman
ibid	:	ibidem (latin) – pada rujukan yang sama.
j.	:	Jilid
JPN	:	Jabatan Pendidikan Negeri
KBSM	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	:	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPLI	:	Kursus Perguruan Lepasan Ijazah
KPM	:	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	:	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	:	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
M.	:	Masehi
MSSM	:	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
No.	:	Nombor
Op.Cit	:	Opera Citato (Latin) - dalam rujukan yang telah disebutkan
PMR	:	Penilaian Menengah Rendah
Prof.	:	Professor
PT3	:	Penilaian Tingkatan Tiga
r.a.	:	radhiallahu 'anhu
RMK-5	:	Rancangan Malaysia Kelima
SAW	:	Sallallahu 'Alaihi Wasallam

SKK	: Sekolah Kluster Kecemerlangan
SMK	: Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKGR	: Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat
SPM	: Sijil Pelajaran Malaysia
SSBJ	: Sekolah Sukan Bukit Jalil
SSM	: Sekolah Sukan Malaysia
SSN	: Sekolah Sukan Negeri
SWT	: Subhanu Wa Ta'ala
Terj.	: Terjemahan
UM	: Universiti Malaya

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sekolah merupakan satu institusi pengajian tempat di mana proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pendidikan merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia untuk menimba ilmu yang berperanan penting sebagai panduan hidup untuk kebaikan diri dan orang. Kajian ini dilaksanakan di Sekolah Sukan Negeri Perak iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat, Ipoh yang merupakan satu-satunya Sekolah Sukan Negeri di Negeri Perak yang juga Sekolah Kluster Kecemerlangan bagi murid harian. Ia antara sekolah pilihan utama bagi ibubapa menghantar anak mengikuti program pembangunan sukan peringkat menengah di Negeri Perak dan pengajian akademik di peringkat daerah Kinta Utara, Perak. Kajian ini penting bagi melihat penghayatan ibadah solat dan aurat melalui kurikulum Pendidikan Islam dalam menyediakan atlet serta modal insan yang bakal memajukan Negara kelak.

Kurikulum Pendidikan Islam merupakan silibus yang terkandung dalam pembelajaran di semua Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. Pendidikan Islam adalah matapelajaran yang wajib diambil oleh semua Pelajar beragama Islam dan boleh diambil oleh pelajar bukan Islam dan merupakan matapelajaran wajib dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat menengah dan terkandung dalam peperiksaan awam seperti Penilaian Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia(SPM).

Pendidikan Islam terkandung bahagian Ayat Kefahaman, Ayat Hafazan, Hadith kefahaman, Ibadah, Akidah dan Akhlak. Bagi Pendidikan Islam pula, disyaratkan perlu ada sekurang-kurangnya dua masa seminggu untuk amali Pendidikan Islam merangkumi praktikal terhadap bahagial-bahagian tertentu terutamanya bahagian

Ibadah. Hal ini bertujuan bagi menyeimbangi kelas pembelajaran di antara teori dan praktikal terhadap ibadah-ibadah khusus.

Atlet murid pula merupakan murid yang masih dalam sesi pembelajaran formal di Sekolah Menengah Kebangsaan, berkecimpung dalam salah satu disiplin sukan serta menjalani latihan intensif secara bersistematik oleh jurulatih bertauliah. Lazimnya atlet murid ini melalui sesi pembelajaran di Sekolah Sukan sama ada SSM (Sekolah Sukan Malaysia) atau SSN (Sekolah Sukan Negeri).

Namun demikian, seringkali kita melihat bahawa pengamalan ibadah dalam kalangan atlet murid ini menjadi satu perkara yang sering dibincangkan terutama dari aspek kesempurnaan rukun solat, perlaksanaan solat fardu lima waktu dan aspek menjaga aurat terutama ketika menjalani latihan sukan mahupun dalam pertandingan yang mereka ceburi.

Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 menyatakan bahawa mutu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam masih belum mencapai satu anjakan yang diharapkan serta kurang menitikberatkan aspek amali¹.

Laporan berkenaan menyebut :

“Mutu pengajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan...”

(Perkara 129)

“Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurangmenitikberatkan aspek-aspek amali sebagaimana yang dijangka dandikehendaki...”

(Perkara 348.3).

Ini disimpulkan bahawa amalan dan penghayatan Islam tidak diberi penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Agama Islam serta kurang diberi perhatian secara

¹Zainal Abidin Abdul Kadir, “Ke Arah Amalan Dan Penghayatan Nilai Islam : Satu Pendekatan Bersepadu”, dalam Abd Halim El-Muhammady (ed.), *Pendidikan Islam : Peranannya Dalam Pembangunan Ummahlnn* (Bangi: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1994), 107-108.

amali atau praktikal. Keadaan ini menujukkan bahawa kurikulum pendidikan islam bukan sahaja bertujuan untuk mendidik murid terhadap pengetahuan asas dalam Pendidikan Islam, bahkan ia lebih dari itu dengan penerapan amali agar murid-murid bukan sahaja faham tentang amalan ibadah berkenaan, tetapi mampu untuk melaksanakan sebagai amalan harian sama ada dalam bentuk Fardu Ain mahupun Fardu Kifayah.

Hal ini turut ditegaskan oleh Azman Wan Chik² (1987) dalam Kaedah Hayati Amali mengenai peranan utama dalam Pendidikan Islam iaitu :

- i. Memberi pengetahuan agama Islam kepada pelajar sebagai satu pelajaran untuk tujuan peperiksaan
- ii. Membimbing pelajar menghayati Agama Islam untuk tujuan amalan dan penghayatan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam adalah agama yang selari dengan fitrah semula jadi manusia yang mengajar penganutnya bukan hanya dalam aspek ketuhanan, ibadah dan akhlak, namun ia lebih kepada satu sistem kehidupan yang bersistematis merangkumi seluruh aspek kehidupan serta cara hidup manusia. Sukan merupakan segala kegiatan yg memerlukan ketangkasian atau kemahiran serta tenaga seperti berenang, permainan bola sepak, tenis, lumba lari, dan lain-lain yang dilakukan sbg acara hiburan (acara pertandingan, kegiatan utk menyihatkan badan, dan lain-lain)³

Setiap daripada manusia dilahirkan dengan kecenderungan pembelajaran yang berbeza. Borich dan Tombari menyatakan bahawa variasi yang boleh diperhatikan

²Azman Wan Chik, *Kaedah Hayati Amali : Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*, (Kuala Lumpur : Karya Bistari, 1987) Pendahuluan

³Kamus Dewan Edisi keempat hlmn 1535

dalam kalangan ahli kumpulan daripada ciri-ciri *temperamen* merangkumi personaliti, emosionaliti, dan pola tingkah laku yang sebahagian diawasi oleh ibu bapa dan penjaga. Perbezaan variasi tahap tenaga di mana ketahanan fizikal individu semasa keterlibatan dalam aktiviti, berstamina atau mudah penat, pola persahabatan dan sosial. Ia akan mempengaruhi perbezaan dalam konteks pembelajaran, kognitif, bakat dan juga minat⁴. Howard Gardner menghuraikan hingga lapan kecenderungan potensi seseorang untuk belajar. Potensi individu berdasarkan kecerdasan pelbagai menjadi maklumat dan membantu pendidik memberikan tugas kepada pelajar supaya bersesuaian dengan minat, bakat dan keupayaan mereka.⁵ Para atlet murid terdiri daripada murid-murid yang mempunyai kecerdasan kinestetik iaitu kebolehan menggunakan badan bagi menyatakan idea, perasaan dan penyelesaian masalah termasuk kemahiran fizikal seperti koordinasi, keanjalan, kepantasan dan keseimbangan.⁶

Dari perspektif Islam pula, bersukan adalah perkara yang sangat dituntut dalam Islam atas faktor menjaga kesihatan dan kekuatan fizikal bagi membentuk peribadi muslim yang unggul sepatimana tuntutan Hadith Rasulullah SAW

كُلُّ شَيْءٍ لَيْسَ فِيهِ ذِكْرُ اللَّهِ فَهُوَ لَهُوَ وَلَعْبٌ إِلَّا أَرْبَعُ مُلَائِكَةً
الرَّجُلِ امْرَأَتُهُ وَتَأْدِينُ الرَّجُلِ فَرَسَةً وَمَشِيهٌ بَيْنَ الْغَرَضَيْنِ وَتَعْلِيمُ
الرَّجُلِ السَّبَاكَةَ

“Segala sesuatu yang tidak mengandung dzikirullah padanya
maka itu adalah sia-sia kecuali empat perkara: iaitu senda gurau
suami dengan isterinya, melatih kuda, berlatih memanah, dan
mengajarkan renang.”⁷

⁴ Khadijah Yunus, Mahani Razali & Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*,(Kuala Lumpur:Open University Malaysia, 2008)

⁵Salhah Abdullah, “Kecerdasan Pelbagai Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran”, , (Kuala Lumpur: PTS Profesional, 2009), 8.

⁶Ibid, 10.

⁷ Hadith riwayat al-Nasaie no.8890. Al-Albani menyatakan bahwa hadith itu sahih (Shahih al-Jami' ash-Shaghir no.4534)

Dari aspek penjagaan aurat, jika mereka menjalani latihan formal bersama jurulatih yang menitik beratkan aurat murid berkenaan, mereka akan mematuhi sebagai salah satu daripada peraturan dan ketetapan dari jurulatih. Namun, jika mereka bersukan tanpa jurulatih, hanya sebahagian kecil sahaja dalam kalangan atlet murid berkenaan yang konsisten menjaga aurat sepanjang latihan mahupun pertandingan.

Manakala dari satu aspek pengamalan ibadah solat, atas faktor penglibatan dan latihan menyebabkan para atlet murid seringkali mengabaikan solat fardu lima waktu. Seringkali bersukan dan latihan dijadikan sebagai alasan untuk meninggalkan solat fardu terutamanya Subuh, Zohor dan Asar. Meskipun banyak didekah dalam kurikulum Pendidikan Islam sehingga kepada perlaksanaan amali dan dari perkongsian dari atlet-atlet muslim yang terkenal peringkat antarabangsa menyatakan bahawa perlaksanaan solat fardu yang sempurna serta amalan solat sangat signifikan dengan peningkatan prestasi sukan, namun ia masih lagi diabaikan.

Manakala dari satu aspek yang lain pula, atas faktor penglibatan dan latihan menyebabkan para atlet murid seringkali mengabaikan solat fardu lima waktu. Seringkali bersukan dan latihan dijadikan sebagai alasan untuk meninggalkan solat fardu terutamanya Subuh, Zohor dan Asar. Meskipun banyak didekah dalam kurikulum Pendidikan Islam sehingga kepada perlaksanaan amali dan dari perkongsian dari atlet-atlet muslim yang terkenal peringkat antarabangsa menyatakan bahawa perlaksanaan solat fardu yang sempurna serta amalan solat-solat sangat signifikan dengan peningkatan prestasi sukan, namun ia masih lagi diabaikan.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap atlet murid selama empat tahun secara langsung, situasi yang berlaku adalah masih terdapat sebilangan atlet murid yang tidak faham mengenai kewajipan perlaksanaan solat lima waktu. Begitu juga dengan tuntutan berkaitan soal aurat. Secara purata hanya 12% sahaja dalam kalangan atlet murid ini yang konsisten melaksanakan ibadah solat secara berjemaah ketika berada di

kampung (bukan di asrama) dan purata hanya 40% sahaja dalam kalangan atlet murid ini melaksanakan solat fardu lima waktu dengan sempurna. Daripada baki jumlah tersebut, secara purata 20% daripada atlet murid berkenaan tidak tahu untuk solat malahan termasuk juga perkara asas termasuk asas membaca al-Quran⁸.

Tahun	Calon	TH	A	B+C	D	E	D+E	LULUS	GAGAL	GPMP
2012	174	0	83	84	5	0	5	172	2	2.99
		%	47.7	48.3	2.9	0.0	2.9	99	1	
2013	103	0	47	56	0	0	0	103	0	2.79
		%	45.6	54.4	0.0	0.0	0.0	100	0	
2014	114	0	76	37	1	0	1	114	0	2.18
		%	66.7	32.5	0.9	0.0	0.9	100	0	

Jadual 1.1 : Analisis keseluruhan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) SMK Gunung Rapat mata pelajaran Pendidikan Islam bagi tahun 2012, 2013 dan 2014

Berdasarkan analisis statistik keputusan SPM selama tiga tahun dari 2012, 2013 dan 2014⁹ menunjukkan bahawa penguasaan dari sudut akademik dan kefahaman semua murid sama ada murid harian (kluster) mahupun atlet murid terhadap silibus serta kurikulum Pendidikan Islam SPM berada pada tahap yang cemerlang dengan peningkatan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP). Peningkatan GPMP adalah sebagai indikator petunjuk bahawa semakin kecil nombornya, maka semakin ramai murid yang beroleh keputusan cemerlang. Peningkatan ini juga menunjukkan kadar lulus adalah 99% untuk tahun 2012 dan 100% untuk 2013 dan 2014

1.3 PENYATAAN MASALAH

Kurikulum Pendidikan Islam sangat menitik beratkan soal ibadah atas Fardu Ain seperti solat fardu dan aurat. Bukan sahaja dalam bentuk teori, malahan dalam aspek

⁸ Penyelidik membuat tinjauan terhadap semua Atlet murid asrama dalam program Kem Ibadah pada tahun 2014

⁹ Analisa keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diperoleh dari Setiausaha Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2015

amali juga ditekankan dengan mengambil kira penilaian dalam Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) dari peringkat sekolah rendah sehingga kepada peringkat tertinggi iaitu Sijil Pelajaran Malaysia.

Berdasarkan pemerhatian oleh penyelidik sendiri yang terlibat secara langsung selama empat tahun dalam sebagai pendidik merangkap warden asrama atlet murid mendapati seolah-olah terdapat kepincangan dalam keberkesanan silibus kurikulum Pendidikan Islam berdasarkan amalan ibadah atlet murid itu sendiri.

Namun demikian, dewasa ini para atlet yang mengikuti pertandingan dan semasa menjalani rutin latihan seringkali dilihat berpakaian yang mendedahkan aurat dan berpakaian yang tidak mengikut keperluan syarak sama ada atlet lelaki mahupun perempuan. Bukan sahaja peringkat antarabangsa, namun peringkat yang lebih kecil dalam negara seperti SUKMA, MSSM sehingga kepada peringkat sekolah, aspek penjagaan aurat seperti dipandang remeh oleh pelajar muslim dan muslimah. Contohnya isu Farah Ann Abdul Hadi, atlet gimnastik Malaysia apabila menjadi perhatian media massa dan media sosial yang dikatakan telah memuat naik gambar dengan berpakaian mencolok mata selepas kemenangannya meraih pingat emas ketiga bagi acara gimnastik sukan SEA Singapura 2015 dalam kategori rutin lantai¹⁰. Beliau merupakan seorang bekas atlet murid yang lahir dari Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil.

Bagi pihak pengurusan KBS juga tidak menghalang mana-mana atlet wanita untuk berpakaian menutup aurat ketika meyertai sebarang pertandingan termasuk peringkat antarabangsa. Keadaan ini menjelaskan bahawa tiada paksaan terhadap atlet lelaki mahupun perempuan untuk berpakaian mendedahkan aurat mahupun sebaliknya, bahkan pihak KBS sendiri menggalakkan para atlet untuk berpakaian dengan pakaian

¹⁰ T K Letchumy Tamboo, *Biarlah Tuhan sahaja yang menghakimi Farah Ann - Khairy Jamaluddin.*, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/biarlah-tuhan-sahaja-yang-menghakimi-farah-ann-khairy-jamaluddin-62364>, 2015) Dicapai pada 10 September 2016.

yang baik kerana dalam keadaan menutup aurat dan bertudung telah membuktikan bahawa pakaian bukan penghalang kepada atlet Malaysia untuk berjaya.¹¹

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri tidak ada unsur paksaan atau tekanan dan melarang kepada pihak sekolah untuk mewajibkan pemakaian tudung atau mini telekung di sekolah sebagai keperluan peraturan pakaian seragam sekolah¹². Hal ini menunjukkan amalan berpakaian mini telekung atau menutup aurat khususnya bagi murid perempuan adalah sangat berkait rapat dengan penghayatan ibadah hasil daripada pengajaran dan pembelajaran di sekolah mahupun pendidikan tidak formal.

Juhaidah Ismail daripada kajiannya *Aurat Wanita Kefahaman dan Penghayatan di Kalangan Remaja di Mukim Jeneri* mendapati bahawa pengetahuan remaja terhadap penjagaan aurat berada pada tahap belum memuaskan. Meskipun demikian, program-program keagamaan yang dianjurkan mendapat sambutan yang dingin atas faktor kurang berminat. Ibu bapa dan penjaga juga tidak berperanan sepenuhnya terhadap penjagaan aurat anak-anaknya dari aspek teguran mahupun nasihat. Keadaan ini akan menyumbang kepada pengabaian dari aspek penjagaan aurat terutama kepada generasi yang akan datang.

Pengabaian solat fardu berlaku dalam kalangan murid seolah-olah mereka tidak mengetahui bahawa solat fardu merupakan satu kewajipan fardu ain mengakibatkan ramai pelajar-pelajar yang mengabaikannya¹³.

Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh pula mendapati pelajar SMK harian iaitu 34.5% responden tidak mengerjakan solat fardu lima waktu sehari semalam.¹⁴ Sebanyak 16.9%

¹¹ Bernama, *KBS Tidak Halang Atlet Wanita Islam Tutup Aurat Sertai Kejohanan*, dari : (<http://www.mstar.com.my/sukan/2011/07/07/kbs-tidak-halang-atlet-wanita-islam-tutup-aurat-sertai-kejohanan>, 2011), Dicapai pada 10 September 2016,

¹² *Pekeliling Ikhtisas bil 6/1993, Pakaian Seragam Sekolah*, (Kementerian Pendidikan Malaysia : 1993).

¹³ Muhammad Bin Zakaria, *Amalan Sembahyang Fardu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah di Kota Bharu*, (Kuala Lumpur :Kertas Projek, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1991), 63.

daripada responden melaksanakan 4 waktu dan 11.1% 3 waktu. Ahmad Sabri Osman pula mendapati hanya 52.7% daripadanya yang menunaikan solat fardu lima waktu daripada keseluruhan respondennya seramai 300 orang. Manakala seramai 58.3% daripada respondennya pula jarang melakukan solat sunat dan 1.7% langsung tidak melaksanakan solat fardu Jumaat dan 17.9% jarang-jarang melaksanakan solat Jumaat¹⁵.

Bukan sahaja dalam kalangan murid, bahkan dari kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia) Bangsar pula mendapati bahawa pekerja yang meninggalkan solat fardu adalah kerana malas, sibuk bekerja dan jahil tentang agama.¹⁶

Azizah Zakaria mendapati bahawa 42.8% daripada respondennya melaksanakan solat Fardu lima waktu secara tetap dalam waktunya, 38.8% pula adalah mereka yang sering mengerjakan solat pada akhir waktu dan 79.2% hanya mengerjakan solat fardu sesekali sahaja. Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan terdapat mereka yang meninggalkan solat, namun ia juga menunjukkan sikap dalam menjadikan solat fardu bukan sebagai keutamaan dalam kehidupan sehari-hari¹⁷.

Nor Azira Yusoff mendapati 67% daripada pelajarnya tidak pernah solat walaupun sekali sebelum masuk ke sekolah berkenaan. Namun sebanyak 87% daripadanya juga bersetuju bahawa dengan melaksanakan ibadah solat, hati akan menjadi

¹⁴ Mohd. Suhardi Bin Mat Jusoh, *Pengabaian Solat Fardu Di Kalangan Remaja; Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Daerah Pasir Putih, Kelantan* (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004), 176.

¹⁵ Ahmad Sabri Osman, *Sistem Pendidikan Islam : Satu Kajian Tentang Keberkesanan Penghayatan Di Kalangan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara Kampus Arau, Perlis*, (Kuala Lumpur : Dissertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002)

¹⁶ Che Ku Rahayu Bt. Che Ku Long, *Solat Fardu Di Kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Strait Time Press (Malaysia), Bangsar ; Satu Kajian Kefahaman dan Amalannya* (Kuala Lumpur : Kertas Projek, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1999),71.

¹⁷ Azizah Zakaria, *Penghayatan terhadap beberapa aspek dalam falsafah etika al-Ghazali: kajian di kalangan pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan*, (Kuala Lumpur : Dissertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004).

tenang¹⁸ dan 65% daripada responden mengabaikan solat atas faktor kawal-kawan atau rakan sebaya.¹⁹

Dapatkan kajian dari Walijah Ahmad Jamburi mendapati 19.3% daripada murid sahaja yang melaksanakan solat fardu lima waktu manakala 6.7% langsung tidak melaksanakan solat fardu. Baki daripada responden berkenaan menunjukkan bahawa mereka melaksanakan solat fardu antara dua hingga empat waktu sahaja, 70.9% setiap minggu pergi ke masjid untuk menunaikan solat fardu jumaat, 28.3% jarang-jarang dan 0.9% tidak pernah menunaikan solat fardu jumaat²⁰.

Hal ini menunjukkan bahawa pengabaian solat sering berlaku dalam masyarakat kita di mana secara kasarnya lebih daripada 50% daripada masyarakat Islam di Malaysia mengabaikan solat sama ada dengan hanya melaksanakan sebahagian darinya atau tidak melaksanakan keseluruhan darinya. Namun, apa yang pasti, kewajipan, penjelasan dan amali perlaksanaan solat fardu ini telah dinyatakan dengan jelas dan terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam. Adakah keadaan ini menunjukkan kurikulum Pendidikan Islam tidak memberi impak terhadap perlaksanaan amalan ibadah pelajar muslim di Malaysia?.

Berdasarkan dapatan kajian dan perbincangan, sebahagian besar pelajar mengetahui dan memahami asas penjagaan aurat, namun masih terdapat pelajar yang masih keliru dan kurang memahami konsep aurat menurut perspektif Islam dengan tepat. Lebih membimbangkan, mereka lebih terikut-ikut dengan tren berpakaian terkini yang tidak menepati syariah.²¹ Hal ini telah mendorong penyelidik untuk membuat

¹⁸ Nor Azira Binti Yusoff, *Hubung kait antara pengabaian solat dengan buruk laku individu: kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*, (Kuala Lumpur : DisertasiAkademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008),136.

¹⁹ Ibid., 143.

²⁰ Walijah Ahmad Jamburi, *Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Islam : Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Petaling Jaya, Selangor*, (Kuala Lumpur : Dissertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 101.

²¹ Asmawati Suhid, Mohd Faizal Mohd Zain, Abdul Muhsin Ahmad & Mohd Aderi Che Noh, Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Konsep Menutup Aurat : Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Pendidikan Islam*, Vol 1, 2013), 46.

kajian sejauh mana tahap penjagaan aurat dan pengamalan dalam kalangan atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak. Sejauh manakah kefahaman para atlet murid muslim ini terhadap perkara asas aurat dan solat seperti yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam dan hubung kait penghayatan ibadah mereka berdasarkan kefahaman terhadap amalan ibadah berkenaan serta apakah faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi terhadap amalan ibadah para atlet murid berkenaan. Penyelidik membuat kajian ini kerana ingin mengukur sejauhmanakah impak dari kurikulum Pendidikan Islam dapat mempengaruhi terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat atlet murid kerana ia memberi impak yang besar terhadap kehidupan setiap individu muslim mukallaf serta faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid.

Persoalannya, di manakah kepincangan proses pembelajaran ini yang memberi kesan terhadap kemenjadian murid terutama dalam melahirkan seorang atlet berkualiti yang cemerlang dari aspek Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial?

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat empat persoalan kajian yang dibincangkan oleh penyelidik iaitu,

- a) Sejauh manakah kefahaman atlet murid terhadap penjagaan aurat serta pengamalan solat melalui Kurikulum Pendidikan Islam dalam proses pembelajarannya?
- b) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat serta pengamalan solat atlet murid?
- c) Sejauhmanakah atlet murid dapat melaksanakan penjagaan aurat serta pengamalan solat berdasarkan kefahaman yang jelas dari proses pembelajaran secara formal?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmanakah penghayatan ibadah melalui Kurikulum Pendidikan Islam terhadap atlet murid. Di antara objektif kajian ini adalah :

1. Menganalisis kefahaman atlet murid terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat melalui kurikulum Pendidikan Islam
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat atlet murid
3. Menilai hubung kait di antara kefahaman atlet murid terhadap aurat dengan penjagaan aurat dan kefahaman atlet murid terhadap solat dengan pengamalan solat.

1.6 HIPOTESIS

Sebanyak enam hipotesis nol diusulkan dalam kajian ini

H_o 1 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dalam kefahaman aurat

H_o 2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dalam kefahaman solat

H_o 3 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dalam kefahaman aurat

H_o 4 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dalam kefahaman solat

H_o 5 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bidang sukan dalam kefahaman aurat


H_o 6 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bidang sukan dalam kefahaman solat

1.7 SKOP KAJIAN

Melihat kepada definisi dan skop Kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri kepada sesuatu yang sangat luas, semestinya pelbagai aspek boleh diteliti dan dikaji. Skop ibadah yang dikaji adalah dari aspek penjagaan aurat serta pengamalan solat yang terkandung dalam bahagian ibadah Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Kajian yang dilaksanakan ini hanya dilaksanakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat, Ipoh yang merupakan satu-satunya Sekolah Sukan Negeri Perak. Sampel Kajian hanya melibatkan 160 orang responden yang dipilih secara rawak daripada 260 populasi atlet murid.

1.8 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1.1 : Kerangka konseptual kajian

Berdasarkan daripada rajah 1.1, kefahaman atlet murid terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat diperoleh melalui kurikulum Pendidikan Islam KBSM yang akan mempengaruhi tindakan dari aspek penjagaan aurat serta pengamalan solat. Namun

demikian, terdapat juga faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat serta pengamalan solat para atlet murid berkenaan selain daripada kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri. Penyelidik membahagikan faktor berkenaan kepada 3 faktor iaitu faktor jati diri, faktor ibu bapa dan faktor guru dan persekitaran institusi pendidikan. Kajian ini akan menilai faktor-faktor yang akan mempengaruhi penjagaan aurat serta pengamalan solat selain dari kefahaman yang diperoleh melalui kurikulum Pendidikan Islam.

1.9 KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian lalu oleh para Sarjana dan ahli-ahli akademik yang berkaitan tentang Kurikulum Pendidikan Islam, penjagaan aurat, pengamalan solat fardu dan atlet murid.

a) PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH

Mohd Ali Hashim dalam *Pendidikan Islam KBSR : Asas pembentukan dan perlaksanaannya*²² menjelaskan mengenai pembentukan dan perlaksanaan Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) bagi tujuan dijadikan rekod yang boleh dibaca, dirujuk serta dinilai. Kajian ini lebih fokus kepada membincangkan sukan pelajaran Pendidikan Islam, proses penggubalannya, penyediaan bahan sehingga kepada implementasi, dasar perlaksanaannya yang selarai dengan Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Walaupun begitu, kajian tidak melihat kepada tahap penjagaan aurat serta pengamalan solat kepada murid kerana kajian ini berfokus kepada dasar kurikulum Pendidikan Islam sendiri.

²² Mohd Ali Hashim, *Pendidikan Islam KBSR : Asas Pembentukan dan Perlaksanaannya*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002)

Azizah Zakaria pula menyatakan dalam *Penghayatan Terhadap Beberapa Aspek Dalam Falsafah Etika al-Ghazali Di Kalangan Pelajar Universiti Teknologi Mara, Shah Alam* mendapati bahawa 107 daripada 250 orang respondennya melaksanakan solat fardu lima waktu secara tetap dalam waktunya. Keadaan ini bukan sahaja menunjukkan terdapat mereka yang meninggalkan solat, namun ia juga menunjukkan sikap dalam menjadikan solat fardu sebagai keutamaan dalam kehidupan sehari-hari. Responden yang dipilih merupakan dari Institusi Pengajian Tinggi Awam di mana usia mereka tidak berkait secara langsung dengan silibus Pendidikan Islam dan mereka merupakan mahasiswa yang datang dari pelbagai latar belakang Pendidikan.

Siti Fatimah Tasir dalam kajiannya *Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-Pelajar UiTM : Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan*²³ mengkaji tahap pengamalan akhlak pelajar UiTM dan halangan-halangan yang dihadapi oleh pendidik dalam usaha membentuk akhlak pelajar. Responden kajian ini adalah pelajar lepasan sekolah yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi dan terkhusus kepada pelajar UiTM kampus Machang, Kelantan sahaja dan skop kajian adalah terhadap akhlak, manakala penyelidik melihat kepada pengamalan ibadah atlet murid.

Azhar Yusuf dalam *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah Dalam Pembentukan Akhlak*²⁴ membincangkan sejauhmana implikasi matapelajaran Pendidikan Islam terhadap pembentukan sikap yang positif dalam kalangan pelajar dan sejauhmana tahap keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam dapat memberikan kefahaman terhadap isi pelajaran terhadap murid. Kajian yang dilaksanakan ini dilakukan terhadap 200

²³ Siti Fatimah Tasir, *Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-Pelajar UiTM : Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005).

²⁴ Azhar Yusuf, *Keberkesanan Pendidikan Islam Sekolah Menengah Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2006).

responden murid dari dua buah sekolah dalam daerah Machang, Kelantan iaitu SMK Hamzah dan SMK Machang yang merupakan sekolah harian biasa dan murid-muridnya adalah dari kalangan murid harian tingkatan 6 atas. Kajian ini melihat tahap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam serta kesan terhadap sikap positif murid. Skop kajian yang dilakukan oleh Azhar Yusuf berbeza dengan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik kerana kajian ini bertujuan bagi melihat kefahaman aurat dan solat, faktor-faktor serta hubung kait pengamalannya dalam kalangan atlet murid.

Lukman Hakimi dalam *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim : Kajian terhadap Pelajar Politeknik Pantai Timur*²⁵ membincangkan tentang pembentukan sahsiah pelajar muslim kesan setelah mengikuti Kurikulum Pendidikan Islam. Kajian ini dilaksanakan di enam buah politeknik sekitar zon pantai timur semenanjung Malaysia. Berbeza dengan kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik, iaitu fokus responden adalah terdiri daripada kalangan atlet murid yang berusia 13 hingga 17 tahun dan mengikuti pengajian formal Pendidikan Islam di Sekolah Sukan. Manakala pelajar politeknik adalah institusi pengajian tinggi lepasan sekolah di mana aras kognitif dan pembelajarannya berbeza. Kajian ini juga melihat kesan terhadap pembentukan sahsiah dan tingkah laku, manakala penyelidik melihat tahap pengamalan ibadah berdasarkan kefahaman responden terhadap kurikulum Pendidikan Islam yang diajar secara formal.

b) IBADAH

Walijah Ahmad Jamburi dalam *Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Islam : Kajian Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Petaling Jaya,*

²⁵ Lukman Hakimi Ahmad, *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Sahsiah Muslim : Kajian terhadap Pelajar Di Politeknik Pantai Timur*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014).

*Selangor*²⁶ menganalisis perlaksanaan solat fardu dan yang meninggalkan solat fardu lima waktu termasuk solat Jumaat. Kajian yang dilaksanakan ini hanya berfokus terhadap perlaksanaan ibadah solat manakala respondennya pula adalah dari pelajar sekolah harian dari beberapa sekolah di kawasan bandar Petaling Jaya. Responden yang bukan terdiri daripada atlet murid yang tinggal di asrama serta terikat dengan program latihan dan aktiviti terdedah dengan banyak faktor luaran yang akan mempengaruhi perlaksanaan ibadah solat. Faktor-faktor yang dilihat adalah berbeza kerana responden dari kumpulan murid yang berbeza serta kajian berkenaan tidak melihat hubung kait antara kefahaman dengan pengamalannya yang berbeza dengan yg dikaji oleh penyelidik.

Aerisuli Awang dalam *Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu*²⁷ melaksanakan kajian kepada sebuah sekolah yang cemerlang dari aspek pencapaian akademik serta menjadi pilihan dari kalangan ibu bapa dan penjaga di Terengganu amnya. Pada asasnya responden adalah dari kalangan murid yang mempunyai persekitaran pendidikan agama sebaik sahaja mereka memulakan pengajian di sekolah berkenaan. Kajian yang dilaksanakan ini juga bagi meneliti peningkatan terhadap penghayatan ibadah sepanjang mendapat pendidikan di sekolah berkenaan serta hubung kait antara ibadah dengan hubungan sosial murid. Antara dapatan kajian berkenaan menunjukkan bahawa 97.9% daripada responden mendapat pendidikan agama dari peringkat awal sebelum memulakan pengajian di sekolah berkenaan dan penguasaan terhadap pengajaran pendidikan Islam yang tinggi iaitu 91.5%. Perlaksanaan program kerohanian oleh pihak sekolah membentuk persekitaran yang sedikit sebanyak menyumbang terhadap

²⁶ Walijah Ahmad Jamburi, *Penghayatan Ibadah Dalam Kalangan Pelajar Islam : Kajian di Beberapa Buah Sekolah Menengah Kebangsaan Di Petaling Jaya, Selangor*, (Kuala Lumpur : Dissertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010), 101.

²⁷ Aerisuli Awang, *Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011)

pembentukan hubungan sosial yang baik. Kajian yang dilaksanakan ini juga mengkaji tahap kolerasi antara program ibadah di sekolah dengan hubungan sosial murid.

c) AURAT

Mohd Sopian Salleh dalam kajiannya *Aurat Wanita : Satu Kajian Khusus Mengenai Kefahaman Dan Sikap Beliawanis di FELDA Jerangau*²⁸ mendapati bahawa responden tidak mempunyai asas kefahaman aurat yang baik kerana gagal menjawab persoalan mengenai aurat dengan baik, tambahan pula sikap responden yang tiada inisiatif menghadiri kuliah keagamaan lantaran sikap kurang prihatin terhadap pendidikan agama anak-anak lebih-lebih lagi teguran dan nasihat terhadap responden. Kajian ini, melihat kepada kefahaman umum dan responden adalah daripada mereka yang tinggal dari kawasan persekitaran yang berbeza. Implikasi terhadap amalan adalah faktor daripada didikan ibu bapa dan kefahaman berada pada tahap rendah.

Juhaidah Ismail dalam kajiannya *Aurat Wanita : Kefahaman dan Penghayatan di Kalangan Remaja di Mukim Jeneri*²⁹ menyatakan berdasarkan hasil analisis terhadap kajiannya mendapati bahawa pengetahuan remaja terhadap aurat masih belum memuaskan kerana mereka hanya memahami secara umum sahaja tetapi gagal menghuraikan secara teperinci. Menurutnya lagi, terdapat pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh badan tertentu bertujuan memberi pengetahuan dan kesedaran terhadap golongan remaja ini, namun mereka menyambut dingin program yang dilaksanakan di samping tiada galakan daripada ibubapa. Kajian ini lebih menjurus terhadap responden remaja yang lebih dewasa serta tidak mengkaji secara khusus terhadap atlet murid dan Kurikulum Pendidikan Islam.

²⁸ Mohd Sopian Salleh, *Aurat Wanita : Satu Kajian Khusus Mengenai Kefahaman Dan Sikap Beliawanis di FELDA Jerangau*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1992)

²⁹ Juhaidah Ismail, *Aurat Wanita : Kefahaman dan Penghayatan di Kalangan Remaja Wanita Mukim Jeneri*, Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999)

Jasmin Jasman dalam *Amalan menutup aurat di kalangan remaja : Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di sekitar Zon Gombak*³⁰ pula melihat terhadap sejauhmana kesedaran dan amalan remaja Islam secara umumnya menghayati konsep menutup aurat serta faktor-faktor sampingan yang mempengaruhi keadaan tersebut. Namun begitu, kajian ini lebih umum terhadap tiga buah sekolah menengah dalam daerah Gombak di mana sampel yang dipilih dari populasi yang bersifat umum terhadap semua murid beragama Islam di tiga sekolah berkenaan. Kajian ini juga dilaksanakan dengan metodologi campuran dengan instrumen soal selidik, temubual dengan guru serta kaedah pemerhatian. Daripada keseluruhan sampel yang dipilih secara rawak, penglibatan tidak berfokus kepada kumpulan atlet murid sekolah sukan kerana respondennya adalah murid dari sekolah harian meskipun ada penglibatan dalam sukan dan permainan secara amnya. Hasil daripada kajian berkenaan mendapati bahawa kefahaman pelajar tentang aurat adalah pada tahap sederhana dan atas faktor persekitaran dan kurang pendedahan daripada keluarga. Hal ini berikutan faktor sosioekonomi keluarga yang sederhana serta murid hanya terdedah terhadap kefahamannya melalui kurikulum Pendidikan Islam di Sekolah.

d) SOLAT FARUDU

Muhammad Bin Zakaria telah mengkaji berkaitan tahap pengamalan solat fardu *Amalan sembahyang fardu di kalangan pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah di Kota Bharu*.³¹ Kajian yang dilaksanakan tahun 1991 hanya bertumpu dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah harian dan hanya melibatkan tahap pengamalan solat fardu dari aspek amalan, analisis meninggalkan solat dan faktor-faktor yang menyumbang terhadap amalan solat. Kajian ini tidak berfokus kepada kumpulan

³⁰ Jasmin Jasman, *Amalan menutup aurat di kalangan remaja : Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di sekitar Zon Gombak*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003)

³¹ Muhammad Bin Zakaria, “*Amalan Sembahyang Fardu di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah : Satu Kajian di Beberapa Buah Sekolah di Kota Bharu*” (Kuala Lumpur : Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1991), 63.

atlet murid yang tinggal di asrama serta terlibat secara langsung dengan latihan dan aktiviti sukan yang lebih terdedah kepada keadaan pengamalan solat dan penjagaan aurat.

Che Ku Rahayu pula dalam kajiannya mengenai kefahaman dan amalan Solat Fardu dalam kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Straits Time Press (Malaysia) Bangsar pula mendapati bahawa pekerja yang meninggalkan solat fardu adalah kerana malas, sibuk bekerja dan jahil tentang agama.³² Kajian yang dijalankan ini memilih daripada responden yang peringkat umur dewasa iaitu lapan belas tahun dan ke atas di mana bukan daripada responden yang terlibat secara langsung dengan kurikulum Pendidikan Islam, malahan responden telah lama meninggalkan alam persekolahan. Kajian berkenaan lebih terjurus kepada ibadah yang telah menjadi amalan harian mereka.

Isyah Radhiah Idris menyatakan dalam kajiannya *Pendidikan Solat Oleh Ibubapa Terhadap Anak-Anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan*³³ membincangkan tentang pendidikan solat oleh ibubapa di rumah tanpa melibatkan penguasaan amalan solat yang dilaksanakan melalui Kurikulum Pendidikan Islam sama ada Sekolah Rendah mahupun Sekolah Menengah

Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh pula dalam kajiannya *Pengabaian Solat Fardu Dalam Kalangan Remaja : Kajian Di Sekolah Menengah Sekitar Pasir Puteh, Kelantan*³⁴ membincangkan tentang pengabaian solat fardu dalam kalangan remaja dengan jurang perbandingan di antara pelajar SMK harian dan SMK Agama YIK. Kajian mendapati bahawa perbezaan dan pengaruh pendidikan asas keluarga serta

³² Che Ku Rahayu Bt. Che Ku Long “Solat Fardu Di Kalangan Kakitangan Syarikat Percetakan The New Strait Time Press (Malaysia), Bangsar ; Satu Kajian Kefahaman dan Amalannya “ (Kuala Lumpur : Kertas Projek, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1999), 71.

³³ Isyah Radhiah Idris, *Pendidikan Solat Oleh Ibubapa Terhadap Anak-Anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

³⁴ Mohd Suhardi Bin Mat Jusoh, *Pengabaian Solat Fardu Dalam Kalangan Remaja : Kajian Di Sekolah Menengah Sekitar Pasir Pteh, Kelantan*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004).

persekitaran sekolah yang membudayakan nilai ibadah dalam agama serta kurikulum khusus dalam pengajian agama Islam. Responden dari kajian berkenaan bukan dari kalangan atlet murid dan tidak terlibat secara langsung dengan latihan sukan secara intensif.

Hafidzah Md Shah dalam kajiannya *Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pelajar Meninggalkan Solat : Satu Kajian Di Daerah Segamat, Johor*³⁵ mendapati bahawa faktor diri dan faktor keluarga mempengaruhi pelajar pada tahap rendah manakala faktor masyarakat persekitaran, faktor rakan sebaya dan institusi pendidikan berada pada tahap sederhana dan faktor paling utama adalah faktor rakan sebaya. Berbeza dengan kajian penyelidik yang fokus terhadap pengamalan solat serta melihat faktor pengamalan solat berkenaan.

Siti Rokiah Abdul Ghani dalam kajiannya *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar : Kajian Di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan Ciast, Shah Alam, Selangor*³⁶ membincangkan tentang tahap amalan solat dan tahap akhlak pelajar. Kajian melihat hubung kait amalan solat berdasarkan pencapaian dalam mata pelajaran Pendidikan Islam bagi penilaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Responden dalam kajian ini adalah daripada pelajar lepasan Sekolah dan tahap pengamalan solat serta penilaian tahap akhlak pelajar.

Lokman Musa dalam kajiannya *Penguasaan Rukun Solat Menerusi Kem Bestari Solat (KBS) : Kajian Di Sekolah Rendah Daerah Gua Musang, Kelantan*³⁷ bertujuan mengenal pasti penguasaan murid terhadap rukun solat. Data berbentuk kuantitatif daripada borang soal selidik dan kualitatif daripada temubual berstruktur serta

³⁵ Hafidzah Md Shah, *Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pelajar Meninggalkan Solat : Satu Kajian Di Daerah Segamat, Johor*, (Bangi : Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004).

³⁶ Siti Rokiah Abdul Ghani, *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar : Kajian Di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan Ciast, Shah Alam, Selangor*, (Bangi : Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007)

³⁷ Lokman Musa, *Penguasaan Rukun Solat Menerusi Kem Bestari Solat (KBS) : Kajian Di Sekolah Rendah Daerah Gua Musang, Kelantan* (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014).

pemerhatian. Responden adalah daripada murid daripada enam buah sekolah rendah dalam daerah Gua Musang, Kelantan. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik melihat pemahaman dan amalan solat serta responden adalah daripada murid sekolah menengah dan terkhusus untuk atlet murid daripada Sekolah Sukan.

e) **ATLET MURID**

Annathurai Ranganathan dalam kajiannya *Pengalaman Persaraan Atlet Elit Malaysia Dari Perspektif Psikologi*³⁸ mengenal pasti serta menerangkan pengalaman persaraan atlet elit Malaysia. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dan temubual 51 orang atlet elit yang telah bersara dari bidang sukan mulai tahun 1984 hingga tahun 2000. Berbeza dengan kajian penyelidik yang mengkaji kefahaman dan pengamalan ibadah dalam kalangan atlet murid di mana responden adalah dalam kalangan atlet murid sekolah.

Mohd. Salleh Bin Aman dalam kajiannya bertajuk *Hubungan antara penglibatan dalam sukan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar Sekolah Menengah Negeri Sembilan* merumuskan terhadap respondennya yang berusia antara 13 hingga 16 tahun bahawa jika dilihat secara menyeluruh perbandingan keputusan pencapaian akademik antara atlet murid dengan bukan atlet murid mendapati tiada perbezaan yang ketara, namun jika dilihat dari aspek matapelajaran ia menunjukkan perbezaan. Hal ini jelas pada aliran sastera dan sains pilihan daripada murid yang akan mempengaruhi terhadap gaya pembelajaran dan kecenderungan mereka. Atlet murid lebih cenderung mendapat pencapaian yang lebih baik bagi matapelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah berbanding Matematik, Sains dan Geografi. Penguasaan Bahasa dan Sejarah amat berkait rapat dengan kemahiran komunikasi berbanding Matematik, Sains dan Geografi yang lebih kepada mengingat formula. Sejarah memainkan peranan yang amat penting sebagai alat

³⁸ Annathurai Ranganathan, *Pengalaman Persaraan Atlet Elit Malaysia Dari Perspektif Psikologi*, (Kuala Lumpur : Tesis Sarjana, Institut Pengajian Siswazah Dan Penyelidikan, Universiti Malaya, 2001).

perpaduan bangsa dan negara. Kita harap, sejarah akan dapat menyemai dan memupuk nilai-nilai keperibadian bangsa, kesetiaan kepada negara, perasaan bangga sebagai warganegara Malaysia dan kecintaan terhadap buminya³⁹. Kajian ini melihat hubungan antara pencapaian akademik dengan penglibatan sukan atlet murid berkenaan. Namun ia tidak melihat dari aspek perlaksanaan ibadah atlet murid berkenaan.

Fauziah Mail dalam *Sikap atlet pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral di Sebuah Sekolah Sukan*⁴⁰ menjelaskan bagaimana persepsi para atlet pelajar dari Sekolah Sukan Malaysia Bukit Jalil terhadap matapelajaran Pendidikan Moral dengan mengkaji dari aspek penerimaan atlet murid dan faktor sampingannya sama ada dari aspek teknik pengajaran, kandungan matapelajaran mahupun personaliti guru tersebut. Walaubagaimanapun, kajian berkenaan tertumpu terhadap atlet murid yang bukan Islam terhadap matapelajaran serta faktor-faktor yang mempengaruhi tahap minat atlet murid terhadap matapelajaran Pendidikan Moral.

Setelah diteliti dan dikaji dari beberapa kajian terdahulu, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan kajian bertumpu kepada amalan ibadah solat dan aurat itu sendiri, kefahaman terhadap aurat dan responden yang dipilih dari pelbagai bentuk latar belakang. Walaubagaimanapun masih belum lagi terdapat kajian khusus berkaitan penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet khususnya atlet murid di Sekolah Sukan. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji dengan lebih mendalam dari perspektif penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid itu sendiri selaras dengan keperluan dalam Kurikulum Pendidikan Islam serta aspirasi negara dalam melahirkan atlet yang bermutu serta modal insan yang cemerlang dari segala aspek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

³⁹ Omar Mohd. Hashim, *Laporan mengenai kedudukan disiplin murid*, (Kuala Lumpur : Jawatankuasa penasihat disiplin sekolah, 1987), 222.

⁴⁰ Fauziah Mail, *Sikap atlet pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral di Sebuah Sekolah Sukan*, (Kuala Lumpur : Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007)

1.10 KEPENTINGAN KAJIAN

Sekolah merupakan satu institusi yang penting dalam pembentukan keperibadian yang baik serta membina modal insan terhadap kecemerlangan dalam diri murid sama ada dari jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Pembentukan peribadi murid Muslim bermula dari aspek spiritual dalam diri dan semestinya ia melibatkan aspek Ibadah yang dilaksanakan dalam diri seseorang individu. Atlet murid adalah dalam kumpulan murid yang dianugerahi kepintaran berbentuk pergerakan atau *kynesthetic intelligence* dalam kepintaran pelbagai atau *multiple intelligence*. Kepentingan kajian ini diharap dapat membantu beberapa pihak dari segi :

- i. Dapatan kajian ini berguna kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Belia dan Sukan (KBES), Majlis Sukan Negara (MSN), Guru, Ibubapa dan penyelidik yang berminat untuk mengkaji sejauh mana keberkesanan kurikulum pendidikan Islam terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat terhadap atlet murid
- ii. Dapatan kajian ini penting bagi para atlet murid bahawa kecenderungan terhadap kemahiran dalam sukan tidak menghalang terhadap pengamalan dan penguasaan ibadah harian
- iii. Dapatan kajian ini penting bagi para guru-guru pendidikan Islam (GPI) untuk memberi pendekatan terbaik ke arah melahirkan atlet sukan yang cemerlang serta menjadikan ibadah sebagai keutamaan sebagai asas pendorong terhadap kejayaan sama ada ibadah khusus mahupun ibadah umum.
- iv. Dapatan kajian penting dan berguna kepada pihak pentadbiran sekolah sama ada Sekolah Sukan Malaysia, Sekolah Sukan Negeri mahupun sekolah-sekolah harian yang terdapat pelajar-pelajar yang cenderung dalam bidang sukan

v. Dapatan kajian boleh menjadi sumber rujukan terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menggubal dan memprogramkan aktiviti serta latihan kepada atlet tanpa mengabaikan aspek-aspek ibadah dalam diri atlet murid berkenaan.

1.11 SISTEMATIKA PENULISAN

Dalam penulisan disertasi ini, penyelidik membahagiakan kepada lima bab. Bab pertama adalah meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, hipotesis kajian, kajian lepas dan metodologi kajian. Bab yang kedua pula membincangkan kerangka teori berkaitan kajian merangkumi Pendidikan Islam, konsep ibadah, konsep aurat dan konsep solat.

Bab ketiga, membincangkan konsep Sekolah Sukan, Atlet Murid dan metodologi kajian secara terperinci. Bab keempat merupakan analisis terhadap kefahaman atlet murid terhadap aurat dan solat serta faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat. Bab ini juga menganalisi terhadap tahap penjagaan aurat dan pengamalan solat serta hubung kait dengan kefahaman atlet murid.

Bab terakhir iaitu bab kelima, merupakan rumusan daripada keseluruhan analisis, saranan kepada pihak berkenaan dan cadangan kajial-kajian yang berkaitan.

BAB KEDUA – AURAT DAN SOLAT DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM, SEKOLAH SUKAN DAN ATLET MURID

2.1 PENGENALAN

Pada asanya, kejadian manusia dan jin adalah bertujuan untuk beribadah kepada Allah. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Zariyat ayat 56

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥٦﴾

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku⁴¹,”

Berdasarkan tuntutan daripada ayat berkenaan, menunjukkan bahawa asas pada kejadian manusia dan jin sebagai mewujudkan sifat pengabdian kepada Allah SWT. Oleh yang demikian, ibadah merupakan satu medium pengabdian seperti yang telah digariskan oleh para ulamak mengikut kaedah dan syarat tertentu.

Menurut Prof. Hamka tujuan ibadah dilaksanakan antaranya ialah :

1. Sebagai tanda kesyukuran dan rasa terima kasih di atas segala nikmat kurniaan Allah yang tidak terhingga banyaknya
2. Selari dengan fitrah semulajadi manusia yang telah membuat perjanjian di alam roh iaitu hanya menyembah Allah yang Maha Esa sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-A'raf ayat 172,

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي إَادَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّهُمْ وَأَشَهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ
أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ

⁴¹ Al-Quran 51:56

“ Dan ingatlah Wahai Muhammad ketika tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam turun-temurun dari tulang belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, sambil ia bertanya dengan firmanNya "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar Engkaulah tuhan kami, kami menjadi saksi" yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya kami adalah lalai tidak diberi peringatan tentang (hakikat tauhid) ini" ⁴²”

Sifat keabdiyah terhadap suatu kuasa yang agung merupakan fitrah kejadian manusia yang berkehendak serta percaya terhadap suatu yang berkuasa atas penciptaanNya

3. Sebagai meunaikan hak Allah agar manusia tahu bahawa dirinya bersifat lemah dan memerlukan pertolongan serta pergantungan dari penciptanya.

2.2 PENDIDIKAN ISLAM : FALSAFAH DAN OBJEKTIFNYA

Perkataan “Pendidikan” adalah kata terbitan daripada perkataan didik iaitu pelihara, jaga (dengan hati-hati) dan ajar ⁴³. Perkataan “Islam” merujuk kepada *Ensiklopedia Islam* adalah berasal daripada perkataan *aslama yuslimu islaman* yang memberi beberapa pengertian iaitu melepaskan diri dari segala penyakit zahir dan batin, kedamaian dan keamanan, ketaatan dan kepatuhan ⁴⁴.

Pendidikan Islam menurut Hasan Langgulung terdapat dua pengertian. Pertama Pendidikan Islam yang bersifat umum dan meliputi pelbagai aspek, iaitu pendidikan jasmani, rohani, sosial, politik, budaya, sains dan lain-lain. Manakala pengertian kedua pula merujuk kepada makna yang terbatas, iaitu merangkumi pengajaran berbagai-bagai mata pelajaran yang bersangkutan paut dengan ilmu agama seperti fiqh, tauhid, dan lain-

⁴²Al-Quran 7:172

⁴³Hafizah Dasuki, *Ensiklopedia Islam*, j.2,(Jakarta : PT Ichtiar Baru Van Hoeve, 1994), 246

⁴⁴Ibid., 350.

lain berkaitan fardu ain serta fardu kifayah. Pendek kata merupakan sub-mata pelajaran yang diajar di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan (nasional)⁴⁵. Subjek Pendidikan Islam adalah subjek teras yang wajib diambil oleh semua murid beragama Islam yang mengikuti pengajian di semua institusi pengajian di Malaysia. Subjek Pendidikan Islam adalah subjek teras yang wajib diambil oleh semua murid beragama Islam.

Ghazali Basri pula menyatakan bahawa Pendidikan Islam merupakan pembinaan seluruh potensi yang ada pada manusia dengan nilai-nilai ketuhanan dan boleh berfungsi sebagai hamba Allah yang soleh⁴⁶. Asas kepada pembinaan ini iaitu Pendidikan Tauhid, Pendidikan Akliah, Pendidikan Akhlak dan Pendidikan Kesihatan.

2.2.1 KONSEP PENDIDIKAN ISLAM

Pendidikan Islam mempunyai definisi dan konsep yang tersendiri. Mencakupi dua perkara asas iaitu Pendidikan dan Islam. Konsep Pendidikan pada amnya dilihat sebagai proses pendidikan formal. Pendidikan didefinisikan sebagai perihal mendidik, dari kata akar didik yang membawa erti didikan, latihan⁴⁷.

Menurut Syed Naquib Al-Attas makna dan tujuan pendidikan merupakan dua unsur yang saling berkaitan antara satu sama lain. Terdapat dua pandangan *teoritis* mengenai tujuan pendidikan yang saling berhubung kait dengan dengan aras agamanya tersendiri. Pandangan pertama berorientasikan kemasyarakatan iaitu pandangan yang menganggap pendidikan sebagai sarana utama dalam melahirkan rakyat yang baik, baik untuk sistem pemerintahan mereka sama ada demokratis, oligarkis mahupun monarkis. Manakala pandangan kedua lebih bersifat individual yang lebih bertumpukan

⁴⁵ Hassan Langgulung, *Perubahan Paradigma Dalam Pendidikan Islam dan Sains Sosial*, (Jakarta : Gaya Media Pertama, 2002), 105.

⁴⁶ Basri Ghazali, *Jurnal Pendidikan Islam*, Bil 2. (Kuala Lumpur : ABIM, 1984).

⁴⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat, 350.

kepada keperluan, daya tumpuan dan minat pelajar. Lantaran itu, sistem pendidikan yang dibentuk di mana-mana negara adalah bertumpukan kepada kemasyarakatan dan kenegaraan.⁴⁸

Menurut Hasan Langgulung istilah pendidikan jika diterjemahkan ke dalam bahasa Arab ia membawa maksud yang lebih khusus dan spesifik iaitu *ta'lim*, *tarbiyah*, dan *ta'dib*. *Ta'lim* lebih khusus kepada proses pengajaran, *Tarbiah* lebih banyak digunakan di Malaysia dan negara Islam amnya. Manakala *ta'dib* pula lebih kepada definisi pengajaran adab dan akhlak. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa pendidikan itu adalah mengeluarkan akhlak yang buruk kepada yang baik. Jelaslah di sini, pendidikan dari kaca mata Islam adalah lebih kepada pembentukan peribadi dan akhlak yang mulia dan berperibadi tinggi.

Pendidikan Islam adalah pendidikan rabbani yang sesuai dengan fitrah manusia. Berkonsepkan mengajar dan mendidik individu memahami Al-Quran dan As-Sunnah secara mendalam, meluas, betul dan tepat serta berpegang teguh dengannya. Menjadikan sirah Rasulullah SAW sebagai teladan yang perlu dicontohi, para sahabat dan tokoh tersohor dalam Islam sebagai panduan hidup⁴⁹

Menurut Abd Halim Mat Diah, Pendidikan Islam ialah proses yang dilalui anak didik dengan bimbingan yang dilakukan secara sengaja oleh pendidik untuk tujuan membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam. Beliau berpendapat bahawa umat Islam, sesuai dengan falsafah hidup mereka bersumberkan kepada al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Rasulullah S.A.W yang mempunyai tujuan pendidikan mereka yang tersendiri. Selari dengan pandangan para cendekiawan Islam yang telah merumuskan

⁴⁸ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas, Satu Huraian konsep asli Islamisasi*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2005).

⁴⁹ Mohd Ali Hashim, *Pendidikan Islam dan elektif Pengajian Islam dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) : Kajian terhadap pembentukan dan pencapaian objektifnya*, (Kuala Lumpur : Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011)

tentang tujuan Pendidikan Islam dengan ungkapan bahasa mereka sendiri mempunyai maksud dan arah yang sama serta tidak bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah.

Pendapat mereka adalah tentang tujuan umum Pendidikan Islam itu sendiri bahawa ia bertujuan untuk membentuk peribadi Muslim yang seutuhnya serta sempurna dalam segala aspek sama ada individual dan sosial, aspek intelektual dan moral dan aspek meterial dan spiritual.⁵⁰

Burlian Somad menyatakan Pendidikan Islam dalam skop yang lebih luas sebagai aktiviti atau kegiatan yang bertujuan membentuk individu menjadi seorang yang mempunyai personaliti yang baik dan bernilai tinggi menurut kaca mata Islam. Pendidikan Islam juga membentuk rasa anak didik menjadi halus dan tajam sehingga mampu mencintai Allah yang ghaib serta merasa takut dengan azab Allah, merasa takut mendapat azab Allah, merasa tanggungjawab untuk mengangkat darjat hidup kaum melarat dan anak-anak yatim serta perasaan bertanggungjawab untuk membela agama Allah dengan rela mengorbankan apa sahaja yang memiliki untuk keperluan perjuangan kerana Allah.

2.2.2 FALSAFAH DAN MATLAMAT PENDIDIKAN ISLAM

Asas kepada wujudnya Falsafah Pendidikan Islam ini adalah bertunjang dari asas Falsafah Islam itu sendiri. Falsafah Islam merupakan perbincangan yang mendalam terhadap perkara asas Tauhid dan Akidah Islam dengan mengenal Allah sebagai tuhan maha kuasa yang mencipta, mengurus serta mentadbir sekalian alam.⁵¹

Falsafah Pendidikan Islam merupakan rangkaian daripada falsafah, pendidikan dan Islam. Ia diertikan sebagai menyediakan manusia dengan pengalaman ilmu

⁵⁰ Abd Halim Mat Diah, *Tujuan Pendidikan Islam*, Jurnal Usuluddin, (1989).

⁵¹ Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2002), 25.

pengetahuan yang cukup agar kenal dirinya serta tugas dan tanggungjawabnya serta mengetahui cara untuk melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah⁵²

Abd. Halim Mat Diah menyatakan pengertian falsafah ialah “berfikir secara sistematis dengan bebas dan sedalam-dalamnya untuk mendapatkan hakikat pada diri manusia, alam semesta dan di balik alam semesta dengan tujuan untuk mendapatkan kebenaran dan kebijakan sejati”.⁵³

Falsafah Pendidikan Islam dilihat sebagai proses mendidik dan menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah supaya dapat mengenal Allah serta mengetahui tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah. Ini termasuklah kurikulum, kaedah pengajaran, tujuan serta matlamat dalam melahirkan insan kamil serta bertamadun yang membawa kebahagiaan serta kejayaan di dunia dan akhirat⁵⁴.

Falsafah Pendidikan Islam adalah refleksi daripada falsafah Islam yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah, namun Falsafah Pendidikan Islam adalah lebih sempit daripada falsafah Islam merangkumi seluruh alam semesta, manusia dan yang di balik alam. Manakala Falsafah Pendidikan Islam membicarakan soal manusia sebagai makhluk Allah, peribadi dan anggota masyarakat⁵⁵

Menurut Mohd Kamal Hassan, Pendidikan Islam menyatukan kesemua ilmu pengetahuan di bawah *authority* dan pengendalian Al-Quran dan Sunnah yang merupakan teras dalam sistem pendidikan dan kebudayaan Islam keseluruhannya.

Pendidikan Islam dilihat mencakupi *formal* dan *informal*. Pendidikan *formal* merupakan satu bentuk responsif kepada perubahan zaman dan tingkatan kemajuan,

⁵² *Ibid.*, 16.

⁵³ Abdul Halim Mat Diah, *Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*, (Yogyakarta : Tesis Kedoktoran, Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga,1986), 41-42.

⁵⁴ *Ibid.*, 26.

⁵⁵ Soegarda Pubakawatja, *Pendidikan dalam Alam Indonesia Merdeka*, (Jakarta : Gunung Agung, 1970), 125.

sosipolitik tanpa mengorbankan prinsip asal. Pendidikan *informal* pula ialah rumah tangga dan masyarakat. Keseluruuhannya bertujuan untuk memenuhi keperluan insan sebagai hamba dan khalifah serta mengambil manfaat daripada alam bagi melahirkan manusia berilmu.⁵⁶

Pendidikan Islam bukan hanya sekadar memenuhi keperluan sebagai memenuhi keperluan matapelajaran dan peperiksaan semata-mata. Menurut Al-Ibrashy tujuan sebenar Pendidikan Islam adalah bagi mendidik supaya berakh�ak mulia, mendidik roh supaya halus dan sempurna, mengasuh mereka melakukan yang baik, terhormat dan mulia dalam aspek kebersihan, kesucian, keikhlasan serta amalal-amalan yang berfaedah.

Menurut Siti Rohana Abd Majid menyatakan bahawa Pendidikan Islam dibahagikan kepada dua iaitu matlamat umum dan matlamat khusus. Matlamat umum telah dibincangkan oleh para sarjana, antaranya pandangan dari Hassan Langgulung yang menggariskan bahawa matlamat Pendidikan Islam terbahagi kepada tiga bahagian iaitu tujuan khusus khas, tujuan am dan tujuan akhir⁵⁷. Tujuan am adalah membentuk akhlak mulia, membuat persiapan untuk bekalan di dunia dan akhirat, melahirkan semangan ilmiah dan rasa ingin tahu serta melengkapkan pengetahuan para pelajar dalam bidang professional, teknikal dan pertukangan. Tujuan khas pula antaranya untuk memperkenalkan akidah Islam, menimbulkan kesedaran yang betul terhadap pelajar mengenai agama dan menanamkan keimanan kepada Pencipta alam serta kesemua perkara asas rukun Iman berdasarkan keikhlasan dan kesedaran diri sendiri. Manakala tujuan akhir adalah berbakti kepada Allah serta mencari kesempurnaan diri.

Matlamat khusus adalah seperti yang tertera di dalam Falsafah Pendidikan Islam iaitu :

⁵⁶Yusuf Ahmad, *Op.Cit.*, 34.

⁵⁷Hassan Langgulung, *Pengenalan Tamadun Islam Dalam Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986) 1-6.

“Satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pegangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

Menurut Ghazali Darussalam melalui Siti Rohana Abd Majid matlamat pengajaran Pendidikan Islam ini boleh dibahagikan kepada tiga perkara kognitif, efektif dan psikomotor yang berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan Ijtihad. Ketiga-tiga domain ini terlibat serentak dalam sesuatu proses Pengajaran dan Pembelajaran contohnya dalam bab solat, di mana murid perlu mengingat dan menghafal setiap bacaan (rukun qauli) yang terkandung dalam rukun solat (kognitif), memberikan tumpuan yang penuh serta melakukan perkara yang melibatkan amali (rukun fi’li) seperti qiyam, rukuk, sujud dan sebagainya⁵⁸.

Selain itu, Pendidikan Islam bermatlamat dalam pembentukan generasi rabbani agar dapat berperanan sebagai hamba Allah di muka bumi, bertanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat, alam sekitar dan Negara. Selain dari melahirkan insan berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia, ia bermatlamat lebih besar daripada itu ke arah melahirkan generasi yang berfikiran kreatif dan kritis serta berinovasi selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara⁵⁹

Pada tahun 2000, semakan semula kurikulum Pendidikan Islam bagi tujuan penambah baikan kandungan buku teks, silibus dan kaedah perlaksanaan dilakukan agar

⁵⁸ Siti Rohana Abd Majid, *Strategi Pengajaran Pembelajaran Ibadah Dalam Pendidikan Islam : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Di Daerah Petaling, Selangor*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007).

⁵⁹ Bahagian Pendidikan Islam, (Kuala Lumpur : Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988).

impak daripadanya lebih baik bagi murid-murid⁶⁰. Dalam kurikulum Pendidikan Islam berkenaan, terkandung tiga bidang utama iaitu:

- i) Al-Quran dan Hadith, merangkumi kefahaman, kemahiran Al-Quran dan Hadith
- ii) Ulum Syariah, merangkumi kefahaman dalam bidang Akidah, Ibadah, Sirah serta Tamadun Islam
- iii) Akhlak, merangkumi penerapan nilai-nilai murni serta cara hidup seorang muslim serta muslimah yang baik

Jika dilihat dari kacamata yang lebih luas, matlamat sistem Pendidikan adalah bagi tujuan melahirkan masyarakat dan insan yang baik. Namun, persepsi dan konseptual terhadap nilai baik itu menjadi sangat subjektif berkait rapat dengan falsafah negara itu sendiri. Dari perspektif negara yang berfahaman komunis dan berjuang untuknya, pasti warganegara yang dilahirkan dengan jiwa komunis dianggap berjaya melahirkan insan yang baik. Begitu juga bagi negara yang berfahaman kapitalis, secular dan sebagainya.

Bagi perpektif Islam yang melihat panduan utama terhadap pegangan umat Islam terhadap Al-Quran dan As-Sunnah, semestinya matlamat pendidikannya terarah kepada membentuk insan yang baik, sempurna yang mencakupi nilai-nilai sebenar muslim berkualiti bagi memenuhi matlamat kejayaan hidup sama ada di dunia maupun di akhirat dengan berasaskan kepada Iman dan taqwa kepada Allah SWT⁶¹

Seperti mana firman Allah SWT dari Surah Al-Hujurat ayat 13

⁶⁰Adnan Yusopp, “Kurikulum baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Menghadapi Era Globalisasi” dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1), (Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002)

⁶¹Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, (Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam, 1991), 15.

يَتَّكَبُّ الْنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّن ذَرَّرٍ وَأُثْنَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا
وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ



“ Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”⁶²

Menurut Abd Halim El-Muhammady lagi, Pendidikan Islam meletakkan matlamatnya kepada kesempurnaan kemanusiaan yang sebenarnya, mengatasi batas sempadan negara, keturunan dan kebudayaan sesuatu bangsa, tetapi ia meletakkan ketinggian martabat manusia mengikut hubungan hatinya dengan Yang Maha Kuasa, membina dan melatih diri dengan disiplin yang bersumberkan Al-Quran dan Sunnah yang memberi bahan untuk peringatan akal, badan dan roh, sedangkan bahan-bahan yang diberikan dalam Pendidikan lain adalah untuk peningkatan akal dan fizikal manusia semata-mata.⁶³

Matlamat Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhhlak mulia, dan berketerampilan berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan

⁶² Al-Quran 49:13

⁶³ Abdul Halim El-Muhammady, *Op.cit.*, 17.

tamadun bangsa dan Negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.⁶⁴

2.3 KONSEP IBADAH DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Ibadah merupakan daripada perkataan Arab membawa maksud bakti (khidmat) kepada Tuhan, perbuatan dan amalan yg dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan (seperti sembahyang, berdoa, bersedekah, berbuat baik sesama manusia, dan lain-lain)⁶⁵. Menurut Abdul Halim El-Muhammady bahawa di dalam Al-Quran pengertian ibadah digunakan dalam dua bentuk iaitu pertama kepatuhan dan tunduk makhluk-makhluk yang tidak berakal secara tabie kepada ketentuan hukum Allah sepetimana firmanNya dari Surah Ar-Ra“d ayat 15

وَلِلّٰهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظِلَّتْ لَهُمْ

بِالْغُدُوِّ وَالْأَصَالِ ﴿١٥﴾

“ Dan kepada Allah jualah sekalian makhluk yang ada di langit dan di bumi tunduk menurut, sama ada dengan sukarela atau dengan terpaksa dan (demikian juga) bayang-bayang mereka pada waktu pagi dan petang.”⁶⁶

Ayat berkenaan menjelaskan bahawa setiap makhluk ciptaanNya yang berada di langit dan bumi bergerak mematuhi ketetapan yang ditentukan oleh Allah SWT (Sunnatullah). Kesemua makhluk Allah itu terdiri daripada hidupan yang berada di muka bumi dan juga di langit tidak terkecuali daripada aturan ketetapan berkenaan.

⁶⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. (Putrajaya : Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2015).

⁶⁵ Kamus Dewan, 556.

⁶⁶ Al-Quran 13:15

Ibadah juga dieertikan sebagai

عبد يعبد عبدا عبادة عبد الله أو غيره تقييد بشرائعه و خضع له

yang membawa maksud menyembah Allah, mematuhi syariatnya, tunduk, patuh merendah diri kepadanya. Ia juga disebut sebagai الخضوع لله iaitu ketundukan dan kepatuhan di atas sebab mengagungkannya. Hamba disebut kerana ketundukan dan kepatuhan kepada Allah yang Maha Esa⁶⁷

Kedua adalah merujuk kepada kepatuhan dan kuasa yang berhak untuk diibadati ditujukan khas untuk makhluk berakal ciptaan Allah iaitu manusia dan jin seperti firman Allah dalam Surah al-Dzariyat ayat 56

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٥٦﴾

“ Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu. ”⁶⁸

Pengibadatan yang dimaksudkan adalah lebih sinonim kepada kepatuhan dan ketataan dalam segala bidang kepada Allah SWT bertujuan adalah untuk kebersihan jiwa dan kemurnian hati, menimbulkan kemesraan hubungan dan kecintaan kepada Allah serta membina ketinggian budi dan kelurusinan amal.⁶⁹

Menurut Prof. Dr. HAMKA, tuntutan beribadah akan mudah dilaksanakan seandainya manusia menerima hakikat ini dengan penuh keinsafan dan kesedaran.⁷⁰

⁶⁷ Jibrīl Mas'ūd, al-Raid, Jld 2, (Beirut : Dar al-ilmi, 1990), 999.

⁶⁸ Al-Quran 51:56

⁶⁹ Abdul Halim Muhammady, *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, (Petaling Jaya : Dewan Pustaka Islam, 1991), 101.

⁷⁰ HAMKA, *Tafsir Al-Azhar*, jil.9 (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd., 1990), 6927.

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ وَأَشَدَّهُمْ عَلَىٰ
 أَنفُسِهِمْ أَلَّسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهَدْنَا أَنْ تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ
 إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧﴾

“ Dan (ingatlah Wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka, dan ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil ia bertanya Dengan firmanNya): "Bukankah Aku Tuhan kamu?" mereka semua menjawab: "Benar (Engkaulah Tuhan kami), Kami menjadi saksi". Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: "Sesungguhnya Kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini".⁷¹

Beribadah merupakan fitrah semula jadi pada diri manusia seperti yang dinyatakan dalam firman Allah dalam ayat berkenaan. Di sisi Islam, konsep ibadah mempunyai erti yang sangat luas dan mendalam. Ia merangkumi ibadah-ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. Manakala ibadah umum mencakupi segala aktiviti harian selagi mana tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. bagi tujuan mencapai keredaanNya.

Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Menengah digubal bagi mencapai objektif yang selari dengan Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri. Dari aspek ibadah Sekolah Rendah, matlamatnya adalah bagi tujuan merumus dan mengamalkan konsep asas ibadat sebagai memenuhi tuntutan fardu ain dan fardu kifayah untuk diamalkan secara istiqamah dalam kehidupan harian. Manakala bagi Sekolah Menengah pula Menilai, mengamalkan dan menghayati ilmu feqah dalam kehidupan seharian di samping Memahami dan menghayati tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah S.W.T.⁷²

⁷¹ Al-Quran 7:172

⁷² Kementerian Pendidikan Malaysia, *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah*, (Putrajaya : Jemaah Nazir dan Kualiti, 2015)

Dari segi aspek kurikulum KBSM dan KSSM pula, berteraskan kepada lima perkara iaitu: Pertama, dari aspek ilmu iaitu kandungan atau perkara yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam yang berkait dengan fakta disampaikan secara teoritikal kepada murid. Kedua dari segi amali iaitu dengan melaksanakan secara praktikal terhadap teori-teori yang telah dipelajari bertujuan memastikan kefahaman yang betul terhadap teori yang dipelajari. Ketiga dari segi amalan iaitu dengan mengamalkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan harian dengan bimbingan dari guru dan diingatkan agar sentiasa melaksanakan perintah kewajipan dari Allah. Keempat dari aspek penghayatan dengan menghayati bentuk ilmu yang dipelajari dari amalan-amalan yang dilaksanakan. Contohnya matlamat pensyariatan ibadah solat adalah untuk mencegah perbuatan keji dan mungkar. Murid sentiasa diberi peringatan untuk meninggalkan perbuatan keji dan mungkar kerana mereka telah melaksanakan ibadah solat berkenaan. Kelima adalah dari aspek pembudayaan iaitu amalan yang dilaksanakan individu dapat dilaksanakan secara kumpulan atau jemaah.⁷³ Diselaraskan dengan penerapan elemen KBAT atau Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam kurikulum pendidikan Islam.

Ibadah bukan sahaja memberi impak terhadap pendidikan, bahkan ia lebih kepada implikasi terhadap pemikiran, iaitu dapat mendidik insan mempunyai kesedaran berterusan, berfikir dalam setiap amalan bertujuan mendapat redha Allah SWT. Prinsip ibadah ini juga dapat mendidik manusia agar mendidik hati menjadi ikhlas dan sentiasa meyakini Allah SWT sebagai pencipta dan mentaati perintahNya di samping menjadi seorang insan yang sentiasa berakhhlak mulia serta istiqamah dalam perlaksanaan ibadahnya⁷⁴

⁷³ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Op.cit.*, 5.

⁷⁴ Zahiah Haris, *Op.Cit.* 44.

Kesimpulannya, Falsafah Pendidikan Islam menjadi paksi dan hala tuju perlaksanaan Pendidikan Islam dan Pengajian Islam. Perananannya adalah untuk memperkasa dan memartabatkan pendidikan agama di peringkat kebangsaan dan antara bangsa serta membentuk masyarakat Malaysia maju berasaskan sains dan teknologi moden beridentiti sendiri. Justeru, ia perlu dilaksanakan dengan efisyen sehingga dapat melahirkan masyarakat yang mencerminkan falsafah berkenaan.⁷⁵

Oleh kerana kajian yang dilaksanakan ini berfokus kepada penjagaan aurat dan pengamalan solat sahaja seperti yang terkandung di dalam kurikulum Pendidikan Islam, maka penyelidik hanya akan membincangkan dua item utama yang tersebut.

2.4 AURAT DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM

Aurat dari segi bahasa pula عورة berasal dari perkataan عوار bererti anggota badan malu membukanya⁷⁶. Aurat didefinisikan kepada tiga makna; Bahagian tubuh yang tidak boleh kelihatan atau wajib ditutup menurut hukum Islam, kemaluan dan telanjang⁷⁷. Kamus Istilah Fiqh pula mendefinisikan aurat sebagai bahagian badan yang harus ditutupi baik ketika solat maupun luar solat. Ia juga bererti; cacat, cela atau sesuatu yang harus ditutupi⁷⁸. Dari segi bahasa , dapat disimpulkan bahawa aurat merupakan sesuatu yang memalukan, yang mesti dijaga, dikawal dan disembunyi supaya tidak terbuka sehingga boleh menyebabkan seseorang berasa malu atau dimalukan apabila terbuka.⁷⁹

⁷⁵ Mohd Ali Bin Hashim, *Op. Cit.*, 128.

⁷⁶ Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd Ra'uf , *Kamus al-Marbawi*, Juz'1. (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, 1350), 90.

⁷⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat, 74.

⁷⁸ M. Abdul Mujieb, Mabruri Tholhah, Syafia'h Am, *Kamus Istilah Fiqh* (Selangor : Advance Publication, 1997), 30

⁷⁹ Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin, *Aurat, Kod Pakaian Islam*,(Kuala Lumpur : Utusan Publication, 2004) 3.

Menurut Sayyid Sabiq aurat ialah bahagian anggota badan yang wajib ditutup secara ijmak ketika bersolat sama ada pada bahagian hadapan atau belakang bagi lelaki atau perempuan.⁸⁰ Aurat juga didefinisikan sebagai sesuatu yang tidak dibenarkan kepada perempuan memperlihatkannya di hadapan lelaki ajnabi atau sebaliknya.⁸¹

Aurat juga didefinisikan sebagai setiap sesuatu yang wajib ditutup atau yang haram dilihat padanya⁸². Menurut definisi ini, aurat tidak hanya tertumpu kepada mendedahkan anggota badan kepada golongan yang tidak berhak baginya sahaja, malahan ia merangkumi segala bentuk perhiasan dalaman, fesyen pakaian tertentu, suara dan beberapa perkara lain.

Aurat juga didefinisikan sebagai perlindungan seperti dinyatakan dalam Surah al-Ahzab ayat 13.

وَإِذْ قَالَتْ طَّابِقَةٌ مِّنْهُمْ يَتَأَهَّلُ يَثْرِبَ لَا مُقَامَ لَكُمْ فَارْجِعُوْا وَيَسْتَعْذِنُ
فَرِيقٌ مِّنْهُمُ الْنَّبِيَّ يَقُولُونَ إِنَّ بُيُوتَنَا عَوْرَةٌ وَمَا هِيَ بِعَوْرَةٍ إِنْ يُرِيدُونَ إِلَّا

فراراً

“ Dan juga masa itu ialah masa segolongan di antara mereka berkata: “Wahai penduduk Yathrib, tempat ini bukan tempat bagi kamu (untuk berjuang di sini), oleh itu baliklah” dan sebahagian dari mereka pula meminta izin kepada Nabi (hendak balik) sambil berkata: Sesungguhnya rumah-rumah kami memerlukan perlindungan”, pada hal ia tidak memerlukan perlindungan. mereka hanya bertujuan hendak melarikan diri (dari berjuang menegakkan Islam)⁸³”

Tuntutan menutup aurat telah diperintahkan oleh Allah sejak dari zaman Nabi Adam A.S. seperti mana yang dinyatakan dalam Surah al-A’raf ayat 26-27

⁸⁰ Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, (Beirut : Dar al-Fikr, 1990).

⁸¹ Mamduh Mahmud, *Al-Zinah Wa al-Jamal Fi Mizan al-Islam*, (Kaherah : Maktabah az-Zahra, 1996).

⁸² Mustafa Al-Khin dan Mustafa Al-Bugha”, *Al-Fiqh Al-Manhaji A’la Mazhab Imam Asy-Syafie Rahimahullah*, (Damsyik : Dar Al-qalam, 2000)

⁸³ Al-Quran 33:13

يَبْنَىٰ إِذَا دَخَلَكُمْ لِبَاسًا يُوَارِي سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِبَاسٌ
 الْتَّقَوَىٰ ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ إِيمَانِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ ﴿٢٦﴾ يَبْنَىٰ
 إِذَا دَخَلَكُمْ الشَّيْطَانُ كَمَا أَخْرَجَ أَبْوَيْكُمْ مِّنَ الْجَنَّةِ يَنْزَعُ عَنْهُمَا
 لِبَاسَهُمَا لِيُرِيهِمَا سَوْءَاتِهِمَا إِنَّهُوَ يَرَنُكُمْ هُوَ وَقَبِيلُهُ مِنْ حَيْثُ لَا تَرَوْهُمْ
 إِنَّا جَعَلْنَا الشَّيْطَانَ أُولَئِكَ لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢٧﴾

“(26) Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahal-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya. Oleh yang demikian itu adalah dari tanda-tanda (limpah kurnia) Allah (dan rahmatNya kepada hamba-hambaNya) supaya mereka mengenangnya (dan bersyukur).

(27). Wahai anak-anak Adam! janganlah kamu diperdayakan oleh Syaitan sebagaimana ia telah mengeluarkan kedua ibu bapa kamu dari surga, sambil ia menyebabkan terlucutnya pakaian mereka berdua untuk memperlihatkan kepada mereka: aurat mereka (yang sebelum itu tertutup). Sesungguhnya syaitan dan kaumnya melihat kamu dengan keadaan yang kamu tidak dapat melihat mereka. Sesungguhnya Kami telah menjadikan syaital-syaitan itu teman rapat bagi orang-orang yang tidak beriman.⁸⁴“

Kesimpulannya, definisi aurat yang dikaji dalam kajian ini adalah bahagian anggota tubuh badan yang wajib dilindungi dari pandangan mata sama ada semasa mengerjakan solat maupun di luar solat. Secara asasnya, penjagaan aurat atau pemeliharaan aurat adalah pemeliharaan keaiban diri sendiri dari diperlihat oleh orang lain yang tidak mempunyai hak ke atas diri kita dari perpektif hukum syarak.

Seperti juga ditegaskan oleh Allah SWT melalui FirmanNya dari Surah al-Nur ayat 30-31

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَكْرَىٰ
 هُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣١﴾ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ

⁸⁴ Al-Quran 7:26-27

أَبْصِرُهُنَّ وَتَحْفَظُنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَلَيَضِرُّنَ بَخْمُرَهُنَ عَلَى جُيُوْهِنَ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَ إِلَّا
 لِبُعْلَتِهِنَ أَوْ إَبَاءِهِنَ أَوْ إَبَاءَهِنَ بُعْلَتِهِنَ أَوْ
 أَبْنَاءِ بُعْلَتِهِنَ أَوْ إِخْوَانِهِنَ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَ أَوْ بَنِي أَخْوَاتِهِنَ أَوْ
 نِسَاءِهِنَ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَ أَوِ الْتَّبِعِيْنَ غَيْرُ أُولَي الْأَرْبَةِ مِنْ
 الرِّجَالِ أَوِ الْطِّفْلِ الْذِيْنَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا
 يَضِرُّنَ بِأَرْجُلِهِنَ لِيُعْلَمَ مَا تُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا
 أَيُّهَا الْمُؤْمِنُوْنَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

“(30). Katakanlah (*Wahai Muhammad*) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan.

(31). Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang Yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu Berjaya”⁸⁵.

⁸⁵ Al-Quran 24:30-31

Ayat berkenaan menyeru kepada para wanita agar tidak memperlihatkan perhiasan pada pakaian dan juga perhiasan pada badan terhadap lelaki yang tidak berhak ke atas dirinya serta kepada wanita yang bukan Islam. Allah juga melarang daripada wanita-wanita sengaja berlebihan dalam perhiasan sehingga menarik perhatian orang lain (tabaruj). Keadaan ini adalah demi menjaga martabat serta maruah diri seseorang individu muslim.

Ayat 30 dari Surah Al-Nur menjelaskan berkenaan hukum secara umum manakala ayat sebelumnya iaitu ayat ke 29 membicarakan mengenai adab dalam meminta izin untuk masuk ke dalam rumah yang sangat signifikan dengan budaya hidup dalam masyarakat bagi tujuan menjaga keaiban tuan rumah dari dilihat oleh orang lain.

Allah SWT juga memerintahkan kepada para orang-orang yang beriman, bahawa ciri-ciri mukmin yang berjaya adalah mereka yang menjaga maruah diri dengan menjaga kemaluan dari diperlihat dan disentuh oleh orang yang tidak berhak ke atasnya seperti dalam surah Al-Mu'minun ayat 5-6

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَفِظُونَ ﴿٦﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتُ
أَيْمَانُهُمْ فَلِهِمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٥﴾

“(5.) Dan mereka yang menjaga kehormatannya. (6.) Kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka sesungguhnya mereka tidak tercela”⁸⁶

Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa Islam cukup memberi penegasan terhadap menjaga kehormatan diri kerana ia sangat mencerminkan keterampilan yang baik. Sesuatu tuntutan yang telah disyariatkan oleh Allah SWT tidak ada yang sia-sia, kesemuanya terkandung pelbagai hikmah yang jelas mahupun yang tersembunyi.

⁸⁶ Al-Quran 23:5-6

Dalam firman Allah SWT yang lain dari Surah Al-Ahzab ayat 59

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لَا زَوْجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِيْنَ مِنْ
جَلَبِبِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْذِنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

“ Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”⁸⁷

Berdasarkan ayat berkenaan, Allah memerintahkan kepada para Nabi untuk menyuruh dan memastikan bahawa pakian yang dipakai wanita-wanita dari isteri dan anak-anak perempuannya dalam keadaan pakaian yang labuh dan menutup keseluruhan tubuh badannya atas tuntutan syarak seperti berikut⁸⁸ :

- i. Pakaian yang longgar. Bukan pakaian yang sempit sehingga menampakkan susuk tubuh.
- ii. Pakaian yang labuh menutupi seluruh anggota. Bukan pakaian yang pendek, singkat atau terbelah sehingga mendedahkan perut, dada, leher, tangan, kaki dan punggung
- iii. Pakaian yang menutup warna kulit anggota aurat dari kelihatan. Bukan pakaian yang nipis atau jarang yang menampakkan warna kulit dan baying-bayang tubuh dari luar.

Pada kebanyakan kitab-kitab fiqh menjelaskan bab aurat ini dalam dua keadaan iaitu aurat ketika di dalam solat serta aurat di luar solat. Namun demikian, penyelidik lebih tertumpu kepada fokus perbincangan aurat di luar solat memandangkan ia lebih melibatkan praktikal terhadap para atlet murid.

⁸⁷ Al-Quran 33:59

⁸⁸ Lotfiah Zainal Abidin, *Aurat : Kod Pakaian Islam* (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors 2004)

2.4.1 AURAT LELAKI

Aurat lelaki tidak begitu kompleks untuk dibincangkan kerana tidak terdapat perbezaan yang sangat ketara daripada pendapat ulama berkenaan aurat lelaki kecuali hanya perselisihan kecil di antara pusat hingga ke lutut atau dua kemaluannya, qubul dan dubur sahaja.

Terdapat perbezaan pandangan ulama berkaitan had dan batasan aurat bagi lelaki. Maliki dan Syafie berpandangan bahawa aurat lelaki di luar solat jika dilihat oleh wanita mahram adalah di antara pusat hingga lutut, manakala jika bersama wanita ajnabi adalah perlu menutup keseluruhan tubuh badan kecuali bagi pandangan Imam Malik terdapat pengecualian pada badan, kepala dan kedua kakinya. Harus bagi ajnabi untuk melihatnya bertentangan dengan pandangan Imam Syafie haram mutlak baginya⁸⁹.

Mustafa Al-Bugha dan Mustafa Al-Khin dalam Fiqh Manhaji menyatakan bahawa aurat lelaki di luar solat adalah dari pusat hingga lutut apabila berhadapan dengan wanita bukan mahram. Jika lelaki berhadapan dengan mahramnya pula, perlu menutup di antara pusat hingga ke lutut selagi mana aman dari fitnah.⁹⁰ Seperti yang disebut dalam Surah Al-Nur 24 : 30

Terdapat perbezaan pendapat ulama berkaitan batasan aurat di antara lelaki dengan lelaki iaitu di antara pusat hingga ke lutut dan kemaluan sahaja iaitu qubul dan dubur. Dalam firman Allah dari Surah al-Nur ayat 29 menyatakan bahawa

قُلْ لِلّمُؤْمِنِينَ كَيْفُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَتَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى

⁸⁹ Abd Rahman Al-Jaziri, *Al-Fiqh A'la Madzahib Arba'ah*, (Kaherah : Darul Fajr, 2004), 195-196.

⁹⁰ Mustafa Al-Khin dan Mustafa Al-Bugha", *Op.Cit.*, 126.

هُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

“ Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan.”⁹¹

Seperti juga dinyatakan dalam Surah al-Mâ’arij ayat 29-30

وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكُتْ
أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ

“ (29) dan mereka Yang menjaga kehormatannya, (30) kecuali kepada isterinya atau kepada hambaNya, maka Sesungguhnya mereka tidak tercela.”⁹²

2.4.2 AURAT WANITA

Para ulama berpandangan bahawa had batasan aurat wanita dengan lelaki bukan mahramnya ialah seluruh tubuh kecuali muka dan kedua tapak tangan sepermima dijelaskan dalam Al-Quran daripada Surah Al-Nur ayat ke 31, Al-Ahzab ayat 53 dan 59 serta riwayat beberapa buah hadith. Antaranya adalah seperti Rasulullah SAW pernah menegur Asma binti Abu Bakar RA ketika beliau datang ke rumah Nabi SAW dengan mengenakan pakian yang agak nipis. Rasulullah SAW pun memalingkan mukanya sambil bersabda:

يَا امْسَاءُ ابْنَاءِ لَهُنَّ أَةٌ إِذْلِلَةٌ لَوْجِي ضَلَّقِي صَلْحُ لَوْجِي سَيِّي فِهَا إِلَّا وَهَا
وَهَا

“ Wahai Asma ! Sesungguhnya wanita jika sudah baligh maka tidak boleh nampak dari anggota badannya kecuali ini dan ini (beliau mengisyaratkan ke muka dan telapak tangan)”⁹³

⁹¹ Al-Quran 24:29

⁹² Al-Quran 70:29-30

⁹³ Hadith Riwayat Abu Dawud. no. 4104 dan al-Baihaqi, no. 3218.

Al-Syafie berpandangan bahawa aurat bagi wanita adalah seluruh tubuh sama ada yang bersambung ataupun yang terpisah. Pendapat yang lain pula oleh Imam Syafie adalah menutup keseluruhan tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan terhadap lelaki ajnabi dan juga wanita bukan Islam selagi mana tidak menimbulkan fitnah. Imam Syafie juga menjelaskan bahawa aurat di antara wanita muslim sesama wanita muslim juga perlu dipelihara terhadap wanita yang buruk akhlaknya. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa meskipun batasan aurat terdapat kelonggaran, tetapi perempuan yang buruk akhlaknya ini akan menyebabkan fitnah serta keaiban akan tersebar. Manakala aurat bagi wanita sesama wanita muslim ataupun ketika bersendirian adalah di antara pusat hingga ke lutut. Imam Malik berpandangan bahawa aurat wanita bersama mahramnya adalah keseluruhan bahagian badan kecuali muka, dua tangan dan juga termasuk kepala, leher, dua tangan hingga pergelangan serta dua kaki hingga buku lali sama seperti mana pendapat Imam Hanabilah. Mustafa Al-Khin & Mustafa Al-Bugha⁹⁴ menyatakan bahawa aurat wanita muslimah bersama wanita muslimah adalah di antara pusat hingga lutut, manakala had batasan aurat di antara wanita mulimah dengan wanita bukan islam adalah tiada bahagian yang dizahirkan seperti aurat dengan lelaki ajnabi.⁹⁴

Manakala suara bagi wanita tidak dianggap sebagai aurat. Manakala bagi Imam Ahmad, anggota yang terpisah tidak dianggap sebagai aurat. namun, bagi Imam Malik, anggota yang terpisah masih lagi dianggap sebagai aurat dan perlu dipelihara seperti sewaktu jasad masih hidup. Bagi aurat kanak-kanak yang belum baligh di dalam solat adalah sama seperti orang dewasa di dalam solat namun terdapat kelonggaran bagi aurat kanak-kanak di luar solat seperti aurat dewasa dengan mahram tanpa sebab menimbulkan syahwat jika melihatnya.⁹⁵

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa pengecualian dalam membuka aurat.

⁹⁴ Mustafa Al-Khin dan Mustafa Al-Bugha⁹⁴, *Op.Cit.*, 126.

⁹⁵ *Ibid.*, 195-196.

1. Ketika dalam hendak meminang. Harus untuk melihat muka dan kedua tapak tangan seperti yang diperjelaskan dalam bab nikah
2. Ketika dalam urusan kesaksian atau muamalah, harus melihat wajah sebagai tujuan pengenalan bagi mengelakkan penipuan
3. Ketika dalam tujuan perubatan, harus melihat hanya sekadar keperluan untuk perubatan dan rawatan sahaja dengan syarat ditemani oleh mahram atau suaminya dalam keadaan tiada doktor muslimah yang boleh merawatnya.⁹⁶

2.4.3 MAHRAM

Mahram adalah golongan yang haram dinikahi berdasarkan ayat Al-Quran dari Surah al-Nur ayat 31

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضِضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا
 يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبَنَّ بِخُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جِيُوْهِنَّ
 وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبَاءِهِنَّ أَوْ أَبَاءِ
 بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانَهُنَّ أَوْ بَنِي
 إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي أَخَوَاتِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ أَوْ
 الْتَّبَاعِيْنَ غَيْرِ أُولَئِكَ الْأَرْبَةِ مِنَ الْرِّجَالِ أَوِ الْطِّفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهِرُوا
 عَلَىٰ عَوَرَاتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبَنَّ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا تُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ
 وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ حَمِيْعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُوْنَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ

“ Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami

⁹⁶ Lotfiah Zainal Abidin, *Op.Cit.*, 128.

*mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*⁹⁷

Berdasarkan daripada ayat berkenaan, golongan yang dibolehkan melihat aurat wanita ialah

- i. Suami
- ii. Bapa Kandung
- iii. Bapa Suami (Bapa mertua)
- iv. Anak Lelaki
- v. Anak Lelaki Suami (anak tiri)
- vi. Menantu Lelaki
- vii. Saudara lelaki (abang atau adik lelaki kandung) seibu sebapa, sebapa atau seibu
- viii. Anak lelaki kepada saudara lelaki (anak saudara)
- ix. Anak lelaki kepada saudara perempuan (anak saudara)
- x. Wanita Islam
- xi. Hamba lelaki yang dimiliki
- xii. Lelaki tua yang sudah tiada syahwat kepada wanita
- xiii. Kanak-kanak lelaki yang belum mumayyiz (mengerti tentang aurat wanita)

Dalam satu hadith yang lain,

⁹⁷ Al-Quran 24:31

اَللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ اَللّٰهُ اَكْبَرُ

“Mereka yang haram dikahwini kerana keturunan, haram juga dikahwini dengan susuan.”⁹⁸

Riwayat al-Bukhari dan Muslim

Ia menunjukkan bahawa keturunan hasil daripada susuan adalah sama seperti nasab sepermama dalam tafsir yang dinyatakan dalam At-Tahrir wa A-Tanwir⁹⁹. Hasil daripada perbincangan ulama menjelaskan bahawa golongan mahram berkaitan susuan adalah

- i. Anak Lelaki Susuan
- ii. Bapa Susuan
- iii. Saudara Lelaki susuan
- iv. Bapa saudara susuan
- v. Datuk susuan ke atas
- vi. Anak saudara lelaki susuan ke bawah

Kenyataan ini seperti dinyatakan dalam Surah Al-Nisa“ ayat 23

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ وَعَمَّتُكُمْ وَخَلَاتُكُمْ
وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ وَأُمَّهَتُكُمْ الَّتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخْوَاتُكُمْ
مِّنْ الْرَّضَعَةِ وَأُمَّهَتْ نِسَاءِكُمْ وَرَبِّيْبُكُمْ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ
نِسَاءِكُمْ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْكُمْ وَحَلَّلَ أَبْنَاءِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَبِكُمْ وَأَنْ تَجْمِعُوا بَيْنَ
الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا



⁹⁸ Hadith Sahih Riwayat Bukhari dari Fathul Bari (5/203), Kitab Asy-Syahadat No. 2645, Kitab Ar-Ridho“ Riwayat Muslim No. (2/1071), Hadith No. 1447

⁹⁹ Muhammad At-Tohir A“syur, *At-Tahrir wa At-Tanwir*, Tafsir Surah Annur Ayat 31, (Tunisia : Dar-Tunisi Lin Nasyr, 2008), 213.

“ Diharamkan kepada kamu berkahwin dengan (perempuan-perempuan yang berikut): ibu-ibu kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan saudara-saudara bapa kamu, dan saudara-saudara ibu kamu dan anak-anak saudara kamu yang lelaki, dan anak-anak saudara kamu yang perempuan, dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu, dan ibu-ibu isteri kamu, dan anak-anak tiri yang dalam pemuliharaan kamu dari isteri-isteri yang kamu telah campuri; tetapi kalau kamu belum campuri mereka (isteri kamu) itu (dan kamu telahpun menceraikan mereka), maka tiadalah salah kamu (berkahwin dengannya). dan (haram juga kamu berkahwin dengan) bekas isteri anak-anak kamu sendiri yang berasal dari benih kamu. dan diharamkan kamu menghimpunkan dua beradik sekali (untuk menjadi isteri-isteri kamu), kecuali yang telah berlaku pada masa yang lalu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.”¹⁰⁰

Ayat ini menjelaskan bahawa susuan merupakan satu faktor mahram, di mana saudara susuan adalah sama seperti saudara kandung.¹⁰¹

2.5 SOLAT

Solat dari segi bahasa adalah doa, atau mengemukakan permohonan kepada Allah manakala dari istilah syarak merupakan beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat yang tertentu¹⁰². Solat merupakan ibadah utama yang terkandung di dalam rukun Islam yang menjadi asas serta tunjang kepada ibadah-ibadah yang lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadithnya,

عَيْ بِلْيٰ عُوْسَنْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْ مُوَاقَالَقَ الْمَسْرُوفُ لِلَّهِ تَعَالَى هِ وَرَبِّنَقْ
بِلْيٰ إِلَيْنَ لَامْ تَعَالَى حَوْسَشَ هَادَةً أَيْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا يَحْوَدُ دَارَسْرُوفُ لِلَّهِ
وَقَيْ أَمَ الصَّلَاةِ وَلَيْلَ أَوْلَ حَوْصَمْ زَهَ أَيْ

رواه بخاري و مسلم

“ Dari Ibnu Umar RA, Rasulullah Sallallahu’alaihiwasallam bersabda: Islam itu didirikan atas lima (pekerja) – menyaksikan bahawa tiada Ilah melainkan Allah, dan bahwasanya Muhammad itu Rasulullah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji ke Baitullah dan puasa sebulan Ramadan”.

¹⁰⁰ Al-Quran 4:23

¹⁰¹ Abdullah Abd Aziz, *Al-Bad'u Hawliyah*, (Riyadh : Darul Fadhilah, 2000), 166.

¹⁰² Rohidzir Rais, Fuad Ismail & Mohd. Wahid Abd Hanif, *Ensiklopedia Solat*, (Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2011).

Ibadah solat fardu lima waktu diwajibkan keatas setiap mukallaf lima waktu sehari semalam dalam ketetapan dan ketentuan waktunya seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Nisa ayat 103

فَإِذَا قَضَيْتُمُ الصَّلَاةَ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِكُمْ فَإِذَا
أَطْمَأْنَتُمْ فَاقِمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا

مَوْقُوتًا

“ Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan solat, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya.”¹⁰³

Solat juga merupakan kayu ukur terhadap penerimaan amalan ibadah yang lain di akhirat. Jika amalan solat dilaksanakan dengan sempurna, amalan lain juga akan diterima, namun jika amalan solat ditolak, begitu jugalah amalan ibadah yang lain. Keadaan ini menunjukkan solat fardu lima waktu merupakan ibadah terpenting berbanding semua ibadah yang lain.

Oleh kerana solat merupakan ibadah yang wajib serta ibadah paling utama, maka keseluruhan ibadah solat dijelaskan secara terperinci dari semua aspek dari taharah, syarah wajib, syarat sah, rukun-rukun, perkara-perkara yang membatalkan solat serta kaifiyat perlaksanaannya sama ada dalam keadaan sakit, perang dan sebagainya. Begitu juga dijelaskan tentang solat-solat dalam suasana tertentu seumpama solat hajat, jenazah dan kepentingannya¹⁰⁴.

¹⁰³ Al-Quran 4:103

¹⁰⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam*, (Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka,1988)

Daripadauraian yang amat lengkap tentang solat, syarat-syarat dan jenis-jenisnya membuktikan bahawa penekanan Pendidikan Islam terhadap ibadah solat ini sangat terperinci, bukan sahaja sebagai sibus keperluan untuk lulus dalam semua bentuk penilaian, tetapi juga lebih kepada penerapan sebagai tuntutan amalan kewajipan terhadap setiap individu muslim¹⁰⁵

Ibadah solat bukan sahaja dijelaskan dalam bahagian ibadah Kurikulum Pendidikan Islam, namun penekanan ibadah solat juga turut diberi penekanan tentang kewajipan perlaksanaannya sebagai ibadah prioriti yang perlu dipelihara. Dalam Jurnal Usuluddin tulisan Abdul Rashid Ahmad bertajuk Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM): Satu analisis dari perspektif Pendidikan Luqman yang menjelaskan konsep Pendidikan Luqmanul Hakim berdasarkan ayat al-Quran dari Surah Luqman ayat 12-19. Antara intipati daripada ayat berkenaan adalah penekanan nasihat Luqmanul Hakim terhadap anaknya bukan sahaja perkara asas akidah mengesakan Allah, tetapi tuntutan untuk melaksanakan ibadah solat berkenaan.

Tujuan pengajaran ibadah solat dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam bukan sahaja untuk membentuk insan kamil dan patuh kepada penciptaNya, namun lebih kepada dapat memupuk pengetahuan ibadah menerusi pengetahuan serta pemahaman terhadap disiplin serta hikmah perlaksanaan perintah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT¹⁰⁶ di samping penghayatan ibadah solat di harap mampu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar seperti firman Allah SWT dalam Surah al-Ankabut ayat 45

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابٍ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ

¹⁰⁵ Abdul Rasyid Ahmad, *Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) : Satu analisis dari perspektif Pendidikan Luqman*, Jurnal Usuluddin Jil. 4, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1996)

¹⁰⁶ Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid, *Pendekatan dan kaedah pengajaran Ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid*, Online Jurnal Islamic Education, Jil. 4 Bil 2. (Kuala Lumpur : Universiti Malaya. 2016)

عَنْ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

“ Bacalah serta ikutlah (*Wahai Muhammad*) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); Sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.”¹⁰⁷

Oleh kerana itu, penyelidik melihat bahawa perlaksanaan solat fardu lima waktu sebagai ibadah wajib paling asas dan utama yang perlu diberikan penekanan terhadap semua murid Islam selari dengan tuntutan perintah daripada Allah dan juga sebagai tuntutan ibadah pengabdian diri kepada Allah SWT. Ibadah solat adalah ibadah khusus yang utama serta sering diperbincang dan dikaji oleh para penyelidik. Namun demikian, penyelidik lebih melihat kepada fokus terhadap ibadah solat yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Islam. Di antara kandungan yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Islam adalah seperti berikut :

a) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)¹⁰⁸

Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> • Pengertian Solat • Bacaan dalam solat • Perlakuan Solat
Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> • Bacaan dalam solat serta terjemahan
Tahun 3	<ul style="list-style-type: none"> • Bacaan dalam solat serta terjemahan • Perkara yang membatalkan Solat
Tahun 4	<ul style="list-style-type: none"> • Rukun-rukun Solat • Syarat Wajib Solat

¹⁰⁷ Al-Quran 29:45

¹⁰⁸ Huraian Sukatan Pendidikan Islam Sekolah Rendah

	<ul style="list-style-type: none"> • Syarat Sah Solat
Tahun 5	<ul style="list-style-type: none"> • Sunat Ab“ad dan Hai“at • Solat berjemaah • Solat Jumaat
Tahun 6	<ul style="list-style-type: none"> • Solat Sunat Aidil Fitri dan Aidil Adha • Solat Jenazah

b) Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) / Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)¹⁰⁹

Tingkatan 1 (KSSM)	<ul style="list-style-type: none"> • Definisi Solat • Dalil pensyariatan • Syarat Wajib, Syarat Sah, Rukun • Perbezaan sunat ab“ad dan hai“at • Perkara yang membatalkan solat • Hikmah solat dan bukti saintifik • Maksud khusyuk dalam solat • Melakukan amali solat
Tingkatan 2	<ul style="list-style-type: none"> • Solat Jamak dan Qasar
Tingkatan 3	<ul style="list-style-type: none"> • Solat sunat hajat • Solat Sunat Aidil Fitri dan Aidil Adha

¹⁰⁹ Huraian Sukatan Pendidikan Islam Sekolah Menengah

	<ul style="list-style-type: none"> • Solat ketika sakit dan cara-caranya • Solat Sunat Tahajjud
Tingkatan 4	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tajuk khusus kecuali amali (PAFA)
Tingkatan 5	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada tajuk khusus kecuali amali (PAFA)

Jika dilihat daripada kandungan ibadah dalam subtopik solat dalam kurikulum yang terkandung dalam Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, solat adalah bab yang sangat diberi penekanan khusus sejak dari tahun satu sehingga tingkatan lima sama ada dari aspek teori sehingga kepada aspek amali. Penekanan ibadah solat ini menunjukkan perhatian dari pihak Kementerian Pendidikan tentang kefahaman, amali serta penghayatan yang konsisten serta berterusan terhadap ibadah solat.

2.6 SEKOLAH SUKAN

Sekolah Sukan merupakan tempat para atlet menjalani kehidupan sehari-hari termasuk menghadiri kelas akademik, menjalani latihan sukan serta tempat melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Ia merupakan tempat terbaik bagi melahirkan golongan atlet yang mahir bersukan, patriotik dan berilmu pengetahuan yang tinggi. Sekolah Sukan dilihat mampu melahirkan jaguh sukan yang bertaraf dunia seiring dengan proses pembangunan sukan sebagai sebuah Negara industri¹¹⁰.

Bagi meningkatkan pembangunan sukan negara, kerajaan Malaysia telah membelanjakan jutaan ringgit melalui perancangan lima tahun. Melalui RMK-9 iaitu tahun 2006 hingga 2010 berjumlah RM620.8 juta. RM299.9 juta bagi membina

¹¹⁰ Fauziah Mail, *Semangat patriotisme dalam kalangan atlet sekolah sukan Malaysia*. (Kuala Lumpur : Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2015), 4.

kompleks sukan pelbagai guna, RM280.9 juta bagi menaiktaraf serta menyelenggara pembangunan sukan dan RM40 juta bagi program pembangunan sukan¹¹¹.

Sekolah Sukan pula ialah sekolah untuk mengumpul atlet murid yang berpotensi supaya bakat cemerlang sukan dan akademik mereka dapat dipupuk serta dipertingkatkan di bawah bimbingan jurulatih yang berdedikasi serta guru-guru akademik yang terpilih. Melalui pengawasan yang lebih tersusun dan cekap, peningkatan prestasi akademik dan sukan dapat diseimbang dan disepadukan. Manakala dari aspek pengurusan dan pentadbiran, sekolah ini keseluruhannya mengikut konsep Sekolah Berasrama Penuh yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan sukan dan akademik.

Sekolah Sukan Negeri yang digunakan dalam kajian ini merupakan salah satu institusi yang dibina oleh kerajaan Malaysia, merupakan satu persekitaran yang melibatkan aktiviti sukan pelbagai peringkat seperti peringkat antarabangsa, bertaraf amatur mahupun profesional. Terdapat beberapa misi penubuhan sekolah sukan seperti menjana atlet dan pelajaran, berdisiplin, berhemah tinggi, bersemangat patriotik, memupuk keyakinan terhadap industri sukan dan membudayakan sukan dalam kehidupan seharian¹¹².

Perancangan penubuhan Sekolah Sukan Malaysia telah diluluskan dalam RMK-5 (1991 hingga 1995). Cetusan idea bermula dari hasil lawatan mengenal pasti konsep dan pelaksanaan acuan Malaysia ke Bahagian Sukan ke Sekolah Sukan Ecole De Mortagne, Kanada dan Sekolah Sukan Ragunan, Indonesia. Hasil daripada idea berkenaan, maka projek pembangunan Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) telah dimulakan pada tahun 1994 dengan kos RM23 juta . Ia mula beroperasi pada 1 Januari 1995 dengan pengambilan atlet murid dari tingkatan 1 hingga 4 dalam 12 jenis sukan.

¹¹¹ Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-9) 2006-2010*. (Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, 2006)

¹¹² Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010* (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005)

Para atlet menjalani latihan dengan kemudahan fasiliti sukan dari sekolah dan juga Kompleks Sukan Negara sekitarnya¹¹³.

Sekolah Sukan Negeri adalah sekolah kawalan dari segi kecemerlangan sukan dan akademik yang ditentukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Setiap negeri akan hanya mempunyai sebuah Sekolah Sukan Negeri dan menempatkan atlet sukan sahaja. Pemilihan Sekolah Sukan Negeri adalah berdasarkan keupayaan kemudahan prasarana sukan, lokasi yang strategik dan mempunyai kemudahan asrama untuk menempatkan semua 600 orang murid lelaki dan perempuan. Murid-murid tersebut akan mengikuti program akademik dan sukan berdasarkan jadual yang fleksibel. Sekolah Sukan Negeri hanya fokus kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi sekolah. Ruang dan peluang ini dapat menggilap bakat sukan dalam kalangan murid agar mendapat latihan yang lebih bersistematik dan berjadual. Sekolah Sukan Negeri merupakan usaha KPM bersama Jabatan dan Bahagian yang lain dalam membangunkan sukan prestasi tinggi sekolah. Di antara objektif Sekolah Sukan Negeri adalah¹¹⁴

1. Untuk menyediakan peluang dan kemudahan yang memenuhi keperluan asasi sosial, psikologi dan fisiologi kepada atlet yang berpotensi melalui sukan.
2. Untuk mencapai kecemerlangan ke tahap tertinggi dengan semangat kesukaran yang tulen di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa
3. Untuk meningkatkan tahap pengetahuan, pengalaman dan kemahiran atlet dalam bidang sukan berkenaan tanpa mengabaikan pencapaian akademik
4. Untuk menjadi pusat kecemerlangan sukan yang dilaksanakan secara bersistematik dan berterusan ke arah pencapaian atlet bertaraf dunia.

¹¹³ Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sekolah Sukan Malaysia*. Dalam (<http://www.moe.gov.my/v/sekolah-sukan-malaysia>), 2015)

¹¹⁴ Kementerian Pendidikan Malaysia, *Kertas Dasar Perlaksanaan Sekolah Sukan Negeri, Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum*, (Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia, 2008).

5. Untuk menjadi pusat penyebaran pengetahuan dan kemahiran yang dapat memenuhi syarat-syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi di dalam dan luar Negara
6. Untuk memupuk dan menggalakkan perkembangan nilai-nilai kepimpinan, semangat kesukanan dan setiaikawan di kalangan atlet dan pegawai sukan.

Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat (SMKGR), terletak kira-kira 8km dari pusat Bandaraya Ipoh. Sekolah ini mula ditubuhkan pada tahun 1984. Di antara pencapaian dari aspek kecemerlangan akademiknya pada tahun 1998 dengan pencapaian cemerlang dalam keputusan PMR dan SPM. Pada tahun 2002, SMKGR sekali lagi mengekalkan pencapaian cemerlang dalam akademik dengan menerima anugerah Gemilang Akademik Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi kategori Sekolah Menengah Bandar. Tiga tahun berikutnya iaitu 2005, SMKGR sekali lagi dianugerahkan “Anugerah Sekolah Lima Bintang” dan dicalonkan sebagai Sekolah Harapan Negara 2005 dan 2006 dan diiktiraf sebagai salah sebuah sekolah yang “TOP-10” oleh Jabatan Pelajaran Perak pada tahun 2006 dalam peperikasaan awam PMR dan SPM dari segi kualiti dan kuantiti.

Pada bulan Mac 2007, SMKGR telah diiktiraf sebagai salah sebuah Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekolah Kluster Kecemerlang (SKK) adalah satu jenama yang diberi kepada sekolah yang telah dikenal pasti cemerlang dalam klusternya daripada aspek pengurusan sekolah dan kemajuan murid.

Pada penghujung tahun 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat (SMKGR) telah menaik taraf fasiliti sekolah seperti padang sekolah menjadi stadium mini, gelanggang serba guna, stadium hoki dengan kemudahan *turf* dan dinobatkan

sebagai Sekolah Sukan Negeri Perak. Pada tahun yang sama juga, sekolah telah menerima kemasukan atlet murid pelbagai jenis sukan dari seluruh negeri Perak. Program ini telah menggantikan Kelas Rancangan Khas walaupun kelas rancangan khas di SMKGR adalah antara yang terbaik dalam kelompok sekolah harian. Selain itu, banyak program pembangunan sekolah telah dijalankan bagi meningkatkan prestasi atlet. Lebih membanggakan apabila SMKGR telah melahirkan ramai atlet yang berjaya di peringkat daerah, negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa. Di samping itu, Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat juga telah menjadi sekolah angkat kepada Rosebud Secondary High School di Australia dan telah menjayakan program pertukaran pelajar. Selain itu, SMKGR juga telah menjalankan program SMKGR GO GLOBAL dan SMKGR UNITE. Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan dengan sekolah-sekolah di luar negara dan seterusnya SMKGR di mata dunia¹¹⁵.

Di atas faktor kecemerlangan dalam bidang akademik dan sukan, SMKGR terdiri dari dua kumpulan murid iaitu dari Sekolah Sukan Negeri dan Sekolah Kluster Kecemerlangan. Keadaan ini jelas dilihat daripada jurang pencapaian akademik, disiplin serta kecenderungan murid berkenaan.

Pengurusan program di Sekolah Sukan Negeri adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Manakala Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia akan bertindak sebagai penyelaras program pembangunan sukan termasuk peruntukan kewangan, bantuan peralatan dan kemudahan sukan, kejurulatihan, pertandingan dan pemilihan atlet. Pentadbiran SSN diketuai oleh seorang pengetua yang dilantik oleh KPM yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam pentadbiran sekolah serta pengurusan sukan. Jenis-jenis sukan yang di tawarkan di Sekolah Sukan Perak adalah :

- i. Bola Sepak (Lelaki)

¹¹⁵ Profil Sekolah melalui <http://smkgunungrapat.weebly.com/> dicapai pada 19 Mei 2017

- ii. Sepak Takraw (Lelaki)
- iii. Bola Jaring (Perempuan)
- iv. Hoki (Lelaki dan Perempuan)
- v. Balapan dan Padang (Lelaki dan Perempuan)
- vi. Memanah (Lelaki dan Perempuan)

2.7 ATLET MURID

Atlet didefinisikan sebagai seseorang yang bergiat dalam lapangan sukan atau ahli sukan¹¹⁶. Manakala murid atau pelajar pula berdasarkan bermaksud orang atau anak yang sedang belajar atau penuntut¹¹⁷. Dalam konteks di Malaysia, istilah pelajar lebih khusus kepada penuntut di peringkat sekolah menengah dan pengajian lepasan sekolah antara yang berumur 13 tahun dan ke atas.

Atlet Elit pula merupakan ahli sukan yang banyak berkorban dari segi masa, tenaga dan wang dalam meningkatkan imej sukan di peringkat antarabangsa. Ahli sukan ini telah mewakili negara dalam sukan bertaraf antarabangsa seperti sukan SEA, Asia, Asian Track and Field atau ATF, Komanwel, Olimpik dan lain-lain¹¹⁸.

Atlet murid adalah terdiri daripada murid-murid yang masih di bangku sekolah dan terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan serta perlu menduduki peperiksaan awam apabila berada di tingkatan tiga atau lima.¹¹⁹

Atlet murid adalah berumur 13 hingga 17 tahun, masih berada di bangku sekolah, tingkatan satu hingga lima, mendapat pendidikan formal, menjalani bentuk

¹¹⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat, 88.

¹¹⁷ Ibid., 1057.

¹¹⁸ Annathurai Ranganathan, *Pengalaman Persaraan Atlet Elit Malaysia Dari Perspektif Psikologi*, Kuala Lumpur : Tesis Sarjana, Institut Pengajian Siswazah Dan Penyelidikan, Universiti Malaya, 2001), 19.

¹¹⁹ Fauziah Mail, 2015 *Op.Cit.*, 42.

latihan secara intensif dan terdiri daripada atlet pelbagai jenis sukan seperti bola sepak, bola jarring, sepak takraw, balapan dan padang dan lain-lain¹²⁰.

Golongan atlet ini menjalani program latihan secara teratur, menyertai kejohanan sukan pelbagai peringkat seperti MSSM, Sukma, Sekolah-sekolah Asean, Sukan Sea, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik. Atlet menjalani latihan secara intensif di bawah pengawasan jurulatih professional dan mendapat tajaan daripada kerajaan Malaysia, Persatuan Sukan Kebangsaan dan pihak swasta¹²¹.

2.8 KESIMPULAN

Terdapat pelbagai pandangan dan perbahasan ulama berkaitan dengan soal aurat, namun dalam kajian ini, penyelidik hanya bertumpu kepada konsep aurat yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam. Kandungan aurat dalam kurikulum ini tidak terlalu terperinci membincangkan soal aurat serta batas-batas aurat. Berdasarkan daripadanya penyelidik membuat kesimpulan bahawa pertama; aurat lelaki yang telah baligh adalah di antara pusat hingga lutut sama ada ketika solat mahupun di luar solat. Kedua; aurat wanita Islam dengan mahram adalah di antara pusat hingga lutut. Ketiga; aurat wanita Islam dengan lelaki bukan mahram dan aurat wanita Islam dengan wanita bukan Islam adalah menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan. Keempat; bentuk tubuh dan warna kulit dianggap sebagai aurat yang perlu dipelihara daripada dilihat oleh lelaki ajnabi. Golongan mahram pula adalah golongan yang haram dinikahi oleh wanita sama ada dengan faktor hubungan darah, pernikahan dan juga susuan.

Penjagaan aurat di dalam solat dengan penjagaan aurat di luar solat merupakan dua konteks yang berbeza. Aurat di dalam solat melibatkan syarat sah solat yang tertentu kepada had yang telah ditetapkan. Manakala aurat di luar solat terdapat

¹²⁰ Fauziah Mail, *Sikap atlet pelajar terhadap matapelajaran pendidikan moral di sebuah sekolah sukan*. (Kuala Lumpur : Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2005), 20.

¹²¹ *Ibid.*, 35

perbezaan kerana terdapat kelonggaran mengikut keadaan tertentu. Had dan batasan aurat juga berbeza mengikut keperluan dan hukum yang telah ditentukan oleh syariah serta digariskan oleh para ulama”.

Walaubagaimanapun, isu pemakaian yang sesuai perlu dipatuhi sebagai muslim dan muslimah mengikut kesesuaian pemakaian dan aktiviti yang dilakukan terutama aktiviti sukan bagi tujuan menjaga maruah serta mencerminkan akhlak yang terpuji. Sebagai atlet yang seringkali melakukan aktiviti fizikal yang agak lasak dengan tambahan keadaan cuaca serta faktor persekitaran yang tidak selesa, ia bukan sesuatu yang menjadi penghalang terhadap pemakaian patuh syariah yang memberikan impak terhadap prestasi sukan.

Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan aurat dan solat adalah penting bagi menjadikan penjagaan aurat dan pengamalan solat dalam kehidupan sehari-hari. Atas kepentingan ini, penerapan nilai dan pemahaman mengenainya diperjelaskan secara teori dan praktikal melalui kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.

BAB KETIGA –METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penyelidik menjelaskan dengan lebih terperinci dari aspek metodologi penyelidikan. Penyelidik akan menghurai dengan terperinci mengenai kaedah-kaedah serta perlaksanaan kajian yang dilaksanakan.

3.2 METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan tentang kaedah-kaedah atau metodologi yang digunakan penyelidik bagi menjalankan kajian ini. Antaranya mengenai reka bentuk kajian, metode pengumpulan data, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian dan metode analisis data yang akan digunakan penyelidik dalam kajian ini.

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik mengaplikasi kaedah penyelidikan kuantitatif. Penyelidikan kuantitatif ialah data yang diperolehi berbentuk angka atau bilangan dan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu.¹²² Rekabentuk kajian adalah berbentuk kuantitatif dengan metode tinjauan. Dapatan data adalah melalui kajian lapangan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Borang soal selidik diedarkan kepada responden yang dipilih dengan kaedah Rawak Mudah.

3.4 METODE PENGUMPULAN DATA

Metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.¹²³ Berhubung dengan usaha

¹²² Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 6.

¹²³ Kamus Dewan, Edisi Keempat, 887.

untuk mendapatkan fakta dan juga maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, penyelidik telah menggunakan beberapa metode penyelidikan sebagai kaedah untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. Secara amnya kajian ini terletak di bawah penyelidikan lapangan. Antara metode pengumpulan data yang digunakan untuk menyiapkan latihan ilmiah ini ialah:

3.4.1. DATA PRIMER

Data primer adalah data yang diperolehi dari sumber utama kajian. Dalam kajian ini, data primer adalah dapatan daripada kajian lapangan yang dilaksanakan iaitu penyelidik bertemu sendiri dengan responden kajian, dalam pengumpulan data primer ini penyelidik menggunakan dua metode iaitu:

3.4.1.1 KAJIAN LAPANGAN

Kajian Lapangan dalam penyelidikan kuantitatif adalah satu kajian di mana penyelidik menemui sendiri para responden atau sampel kajian. Dalam kajian ini, penyelidik bertemu dengan responden iaitu atlet murid dari Sekolah Sukan Negeri Perak dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada pihak yang berautoriti iaitu dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara serta pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat, Ipoh sendiri.

a) Kenal pasti sampel

Peringkat pertama sebelum penyelidik membuat kajian lapangan, terlebih dahulu penyelidik mengenal pasti sampel kajian. Atlet murid dari Sekolah Sukan Negeri Perak telah dikenal pasti sebagai sampel kajian. Daripada data enrolmen sekolah pada bulan Februari 2017, sebanyak 264 orang atlet murid terdapat di Sekolah Sukan Negeri

Perak.¹²⁴ Namun, 4 daripadanya adalah atlet murid bukan beragama Islam, maka penyelidik mengenal pasti hanya 260 orang atlet murid sebagai populasi. Penyelidik mengenal pasti kaedah persampelan dengan kaedah Rawak Mudah. Disebabkan sampel adalah hanya dari kalangan atlet murid sahaja, kaedah ini lebih efisyen.

b) Populasi dan sampel kajian

Populasi adalah sekumpulan besar individu yang hendak dikaji. Ia juga merupakan objek atau peristiwa yang dikaji.¹²⁵ Dalam mengedarkan soal selidik, penyelidik memilih atlet murid sebagai sampel secara rawak.

Secara keseluruhannya, di Malaysia terdapat lima Sekolah Sukan Malaysia (SSM) dan empat belas Sekolah Sukan Negeri (SSN). Walaubagaimanapun, penyelidik hanya memilih satu sahaja daripada SSN iaitu Sekolah Sukan Negeri Perak.

PERKARA	JUMLAH
Subpopulasi atlet murid (SSN Perak)	260
Sampel	162

Jadual 3.1 : Bilangan populasi dan persampelan kajian

Penyelidik mengambil sebilangan sampel dari populasi tersebut iaitu seramai 162 orang dari total 260 populasi Atlet Murid SMK Gunung Rapat 2017 berpandukan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan. Prosedur persampelan yang digunakan adalah rawak, mudah dan berstrata. Tujuan pemilihan sampel tersebut untuk mengukur kefahaman terhadap aurat dan solat.

¹²⁴ Penyelidik berhubung dengan Pengetua, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Sukan serta Penyelia Asrama untuk mendapatkan retan terkini atlet murid.

¹²⁵ Suharsimi Arikunto, *Manajemen Penelitian*, (Jakarta : Rineka Cipta, 2002), 108.

TINGKATAN	JUMLAH SAMPEL	PERATUS
MENENGAH RENDAH	100	61.7
MENENGAH TINGGI	62	38.3
JUMLAH	162	100

Jadual 3.2 : Taburan sampel mengikut tingkatan

c) LATAR BELAKANG RESPONDEN

Dalam kajian yang dilaksanakan ini, penyelidik memilih responden dari Atlet Murid Sekolah Sukan Negeri Perak, iaitu SMK Gunung Rapat, Ipoh. Justifikasi pemilihan SMK Gunung Rapat pula adalah kerana SMKGR merupakan satu-satunya yang diiktiraf sebagai Sekolah Sukan Negeri di Negeri Perak dan juga dalam masa yang sama SMKGR juga merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan kawalan Jabatan Pendidikan Negeri Perak antara yang terbaik dari aspek pencapaian akademik peringkat Negeri Perak. Semua murid harian yang belajar di SMKGR adalah murid yang telah melepassi saringan akademik. Keadaan ini akan memperlihatkan saingen akademik dan fokus terhadap pemilihan atlet murid itu sendiri dari aspek pencapaian akademiknya.

Pada tahun 2017, atlet murid seramai 260 lelaki dan perempuan yang kesemuanya menginap di asrama dan mendapat bimbingan latihan sukan mengikut disiplin sukan mereka oleh jurulatih bertauliah sepenuh masa. Jenis sukan yang ditawarkan di SMK Gunung Rapat ialah Bola Sepak Lelaki, Sepak Takraw Lelaki, Bola Jaring Perempuan, Hoki Lelaki dan Perempuan, Balapan dan Padang Lelaki dan Perempuan dan Memanah Lelaki dan Perempuan.

3.4.1.2 KAJIAN KEPUSTAKAAN

Kajian kepustakaan merupakan salah satu daripada metodologi dalam kajian iaitu dengan mengumpul maklumat dan dokumen dari rekod-rekod bertulis. Ia merujuk

kepada pengumpulan data dan maklumat berdasarkan pembacaan terhadap dokumen atau rekod-rekod yang mempunyai hubung kait dengan permasalahan serta kandungan terhadap kajian yang ingin dilaksanakan. Proses pengumpulan data dengan melakukan pengamatan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubung kait dengan masalah yang diteliti¹²⁶.

Dalam konteks ini, penyelidik membuat carian terhadap dokumen-dokumen berkaitan. Setelah dibaca, diamati dan dianalisa terhadap maklumat yang diperolehi, seterusnya dirumuskan dan membuat kesimpulan kepada persoalan terhadap kajian yang dilaksanakan. Dokumentasi ini banyak dinyatakan dalam bab pertama, bab kedua, bab ketiga, rumusan serta kesimpulan. Dokumentasi diaplikasi dengan peranan sangat penting bagi menyempurnakan kajian ini.

Penyelidik hanya mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi tujuan mengumpulkan data serta maklumat berkaitan. Antara bahan-bahan yang diperoleh merupakan tesis-tesis dari kajian lepas, buku-buku ilmiah, akhbar, jurnal dan lain-lain lagi. Antara perpustakaan yang dikunjungi ialah:

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- 2) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- 3) Perpustakaan Peringatan Za”ba, Universiti Malaya
- 4) Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 5) Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- 6) Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 7) Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM)

¹²⁶ Charles Issawi, Filsafat Islam Tentang Sejarah (terj.), (Jakarta : Tinta Emas, 1962), 36.

Selain dari itu, penyelidik juga berhubung dengan pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat dan Unit Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak untuk mendapatkan beberapa dokumen seperti Kertas Dasar Perlaksanaan Sekolah Sukan Negeri dan Profil Sekolah Sukan Negeri Perak dan dokumen-dokumen lain berkaitan Sekolah Sukan Negeri Perak yang merangkumi dasar, penubuhan dan pengurusan pentadbiran.

3.4.2 DATA SEKUNDER

a) Pengalaman Pengkaji sebagai Guru dan Warden Atlet Murid

Pengkaji mendapat pendidikan di SMA Kerajaan Johor, Kluang (1996-2000) dan menduduki Sijil Darjah Khas Johor (1997). Selepas memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam (2007) dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, penyelidik dilantik sebagai Guru Pendidikan Islam di SMK (Lelaki) Metodeist, Pulau Pinang (2007), SMK Dato“ Hj Mohd Taib, Chemor (2009) dan akhir sekali di SMK Gunung Rapat, Ipoh merupakan Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Sukan Negeri Perak (Disember 2011 hingga Ogos 2015). Penyelidik juga bertanggungjawab dalam pengurusan asrama para atlet murid berkenaan serta terlibat secara langsung dengan perkembangan disiplin serta ibadah para atlet murid berkenaan.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian merupakan alat atau medium yang digunakan untuk mengukur sesuatu kajian bagi memperoleh data untuk dianalisis. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen soal selidik terhadap sampel daripada responden dari Sekolah Sukan Negeri Perak.

a) SOAL SELIDIK

Soal selidik merupakan salah satu daripada instrumen yang digunakan untuk tujuan penyelidikan. Instrumen kajian merupakan suatu alat atau prosedur yang digunakan untuk mengumpul maklumat secara sistematis.¹²⁷ Instrumen yang jelas dan sistematis akan memudahkan untuk mengukur ketepatan pencapaian kajian yang dilaksanakan.

Penyelidik menggunakan instrumen soal selidik dengan sejumlah pertanyaan tertulis yang digunakan untuk memperoleh informasi dari responden dalam bentuk laporan tentang maklumat asas peribadinya atau hal-hal yang ia ketahui.¹²⁸ Melalui metode ini, penyelidik telah menyoal selidik para responden dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 160 orang atlet murid dari keseluruhan 260 populasi atlet murid di Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat Tingkatan Satu, Dua dan Empat bagi sesi 2017 berpandukan formula saiz sampel Krejcie dan Morgan. Para responden dipilih dengan kaedah Rawak Mudah dari kalangan atlet murid lelaki dan perempuan bagi setiap kumpulan aras tingkatan iaitu menengah rendah dari kalangan atlet murid tingkatan satu dan dua serta menengah tinggi dari tingkatan empat. Penyelidik mendapatkan senarai nama responden daripada Warden asrama dan penyelidik memilih responden lelaki mengikut aturan nombor ganjil, manakala responden perempuan daripada nombor genap. Borang soal selidik yang diedarkan berbentuk soalan tertutup iaitu pertanyaan dengan pilihan jawapan yang telah dibatasi oleh penyelidik dengan menggunakan lima skala likert, iaitu pernyataan sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Soal selidik yang disebarluaskan bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman atlet murid terhadap konsep penjagaan aurat dan pengamalan ibadah solat, faktor-faktor yang mempengaruhi pengamalan

¹²⁷ Lai Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan* (Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2012), 49.

¹²⁸ Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek* (Jakarta: Rineka cipta, 2002), 128.

dalam penjagaan aurat dan pengamalan solat serta penghayatan dalam penjagaan aurat dan pengamalan solat. Penyelidik memilih untuk menggunakan instrumen soal selidik kerana soal selidik ialah alat ukur yang paling popular dalam kajian tinjauan, selain kerana kos yang murah dan masa yang diperuntukkan singkat juga penyelidik boleh memperolehi data atau maklumat dari responden lebih ramai dan cepat. Skala, iaitu suatu alat untuk mengukur jawapan dari responden yang akan diolah menjadi data angka angka agar mudah dikira dengan SPSS.

Borang soal selidik ini dibuat berdasarkan objektif kajian yang ingin diukur oleh penyelidik. Instrumen ini terdiri daripada enam puluh item keseluruhannya dibahagikan kepada tiga bahagian. Soalan bahagian A adalah demografi berkaitan dengan maklumat diri para responden meliputi tahap kumpulan umur, menengah rendah dan menengah atas serta disiplin sukan yang mereka ceburi.

Bahagian B pula merupakan soalan berbentuk skala likert dengan lima skala dan responden hanya perlu memilih satu sahaja mengikut pilihan jawapan masing-masing bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman sedia ada responden terhadap perkara asas ibadah solat dan aurat berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam. Soalan berkenaan terdiri daripada dua puluh item yang dibahagikan kepada subtopik berkaitan aurat dan solat dengan sepuluh item bagi setiap subtopic berkenaan.

Manakala bahagian C pula terdiri daripada dua puluh item yang dibahagikan kepada subtopik berkaitan aurat dan solat bertujuan untuk melihat sejauh mana amalan ibadah yang dilaksanakan dan hubung kait dengan kefahaman responden tentang tuntutan perkara berkenaan. Instrumen yang dibekalkan dalam bentuk skala likert dengan lima skala dan responden hanya perlu memilih satu sahaja mengikut pilihan jawapan masing-masing. Dapatkan data ini akan diproses oleh penyelidik dan akan dianalisis dalam Bab Empat.

Bahagian D pula terdiri daripada dua puluh item yang dibahagikan kepada subtopik berkaitan aurat dan solat bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi terhadap amalan ibadah para atlet murid berkenaan. Instrumen yang dibekalkan dalam bentuk skala likert dengan lima skala dan responden hanya perlu memilih satu sahaja mengikut pilihan jawapan masing-masing. Dapatkan data ini akan diproses oleh penyelidik dan akan dianalisis dengan perisian *SPSS* untuk menganalisa faktor-faktor utama yang mempengaruhi amalan ibadah para atlet murid selain dari kolerasi dengan kurikulum Pendidikan Islam.

3.6 PROSEDUR KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan borang soal selidik ini disediakan khas oleh penyelidik. Bagi memastikan soal-soalan dan borang soal selidik boleh digunakan, penyelidik perlu mendapat kesahan dari pakar-pakar bidang berkaitan. Penyelidik memilih seorang pakar dari Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya iaitu Dr. Anuar Bin Ramli untuk berbincang dan mendapat kesahan berkaitan isi serta kandungan soal selidik berkenaan dan dua orang pakar dari Fakulti Pendidikan Universiti Malaya iaitu Dr. Ghazali Bin Darusalam dan Prof. Madya Dr. Zaharah Binti Hussin untuk mendapatkan kesahan berkaitan struktur soal selidik dan keboleh percayaannya.

Pada pringkat ujian rintis, penyelidik menggunakan borang soal selidik yang telah dibina dan yang telah mendapat kesahan daripada pakar-pakar seperti yang telah dinyatakan iaitu dengan empat bahagian, iaitu Bahagian A berkenaan maklumat demografi responden yang terdiri daripada item jantina, aras menengah rendah dan menengah atas, bidang sukan, dan tahap pencapaian akademik ibu, bapa atau penjaga responden. Namun, hasil perbincangan dan nasihat daripada pakar, item pencapaian akademik ibu, bapa dan penjaga digugurkan atas faktor tidak relevan item berkenaan

ditanya kepada responden. Selain daripada itu, item demografi, bahagian A, B, C dan D dikekalkan dan diguna pakai terhadap responden.

3.6.1 KEBENARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Setelah disemak oleh penyelia dan pakar, instrumen kajian ini perlu dikemukakan dan mendapatkan kebenaran dari pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia. Setelah memperolehi kebenaran bertulis dari KPM, Penyelidik perlu memohon kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara. Seterusnya mengadakan temu janji dengan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat, Ipoh dan Ketua Warden Asrama untuk berbincang waktu yang sesuai berjumpa dengan responden sekaligus mendapatkan data bagi tujuan kajian.

Penyelidik membuat temu janji dengan Pengetua setelah mendapat kebenaran dari pihak Jabatan Pendidikan Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara. Penyelidik berjumpa dan berbincang untuk tindakan seterusnya dalam mengumpul data kajian. Penyelidik diminta berhubung dengan Ketua Warden dan Penolong Kanan Sukan untuk membantu urusan mengumpul data murid. Penyelidik dibenarkan untuk berjumpa dengan responden pada waktu malam cuti di asrama dengan dibantu oleh warden bertugas. Hal ini agar tidak mengganggu kelas persediaan jika dilakukan pada waktu minggu persekolahan.

Setelah ditetapkan tarikh dan masa, penyelidik berjumpa dengan semua atlet murid yang beragama Islam yang juga merupakan populasi daripada kajian yang akan dilaksanakan. Responden dipilih dengan kaedah rawak bebas oleh penyelidik dengan memberikan borang soal selidik mengikut susunan nombor ganjil bagi perempuan dan nombor genap bagi lelaki daripada senarai nama responden yang telah diperolehi dari pihak sekolah. responden dengan responden lelaki di surau sekolah manakala responden

perempuan di bilik kelas persediaan dengan bantuan warden bertugas. Kesemua responden berkumpul mengikut aras menengah rendah dan menengah atas lelaki dan perempuan. Kemudian, mereka mengambil set borang soal selidik daripada kotak yang telah disediakan oleh penyelidik. Seterusnya, para responden diminta untuk mengisi dan jawapan bagi setiap soalan berkenaan dan dipulangkan kepada penyelidik pada hari yang sama. Semua data yang diperoleh akan diproses menggunakan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS)* untuk dianalisis oleh penyelidik.

3.7 UJIAN RINTIS

Sebelum kajian dilaksanakan terhadap sampel yang dipilih oleh penyelidik, ujian rintis perlu dilaksanakan bagi tujuan menguji kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen berkenaan. Altman dan rakal-rakan (2006) menyatakan ujian rintis merupakan eksperimen atau uji kaji kecil bagi menguji kelojikan dan memperbaiki kualiti maklumat atau item soal selidik yang dikumpul daripada kajian sebenar. Ujian berkenaan bertujuan memastikan instrumen yang dihasilkan mempunyai kesahan dan kesahihan yang tinggi serta dapat menjawab persoalan serta objektif daripada kajian yang dilaksanakan.¹²⁹

Bagi tujuan berkenaan, penyelidik memilih dari sampel iaitu Atlet Murid dari Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merupakan kategori sampel yang sama tetapi dari lokasi yang berbeza. Dalam kajian ini, penyelidik meneliti kepada populasi di SSM Bukit Jalil adalah populasi homogen dengan responden atlet murid daripada SSN Perak. Hal ini berikutan beberapa faktor yang telah dianalisis sebagaimana berikut :

¹²⁹ Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*, (Kuala Lumpur, Penerbitan Universiti Malaya, 2016), 93.

- a) Pengurusan Program di SSN adalah di bawah Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing. Manakala bahagian Sukan Seni dan Kokurikulum KPM akan bertindak sebagai penyelarasan program pembangunan sukan.
- b) Pembelajaran atlet murid di SSM Bukit Jalil menggunakan Kurikulum Pendidikan Islam yang sama dengan SSN Perak iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)
- c) Pemilihan atlet dilaksanakan oleh sebuah Panel Pemilihan Negeri berdasarkan sistem pemilihan atlet ke Sekolah Sukan Malaysia.
- d) Jurulatih SSM dan SSN adalah dari kalangan guru sekolah tersebut yang mempunyai kelayakan dan pengalaman dalam sesuatu sukan yang terpilih
- e) SSM dan SSN mempunyai objektif yang sama dengan meningkatkan tahap pengetahuan, pengalaman dan kemahiran atlet dalam bidang sukan berkenaan tanpa mengabaikan pencapaian akademik¹³⁰.

Bagi menyokong kenyataan di atas, ujian *Homegenity of Variance* dilakukan bagi melihat tahap signifikan kedua-dua populasi berkenaan. Ujian dilaksanakan terhadap kesemua 60 item yang terdiri 20 item setiap bahagian iaitu bahagian B, C dan D dipilih daripada 40 responden setiap sekolah secara rawak.

Test of Homogeneity of Variances

	Levene Statistic	df1	df2	Sig.
Bahagian B	3.440	1	78	.067
Bahagian C	.837	1	78	.363
Bahagian D	3.855	1	78	.053

Jadual 3.3 : Ujian Homogenity of Variances bagi menentukan tahap signifikan homogen antara kumpulan atlet murid Sekolah Sukan Malaysia (SSM) Bukit Jalil dengan Sekolah Sukan Negeri (SSN) Perak.

¹³⁰ Kementerian Pelajaran Malaysia, *Kertas Dasar Perlaksanaan Sekolah Sukan Negeri*, (Putrajaya : Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum, 2008).

Hasil daripada ujian ini, nilai *Levene Statistic* adalah 3.440 untuk bahagian B dengan nilai **Sig. (P-Value)** adalah 0.067. Manakala bahagian C dengan skor 0.363 dan bahagian D dengan skor 0.053. Oleh kerana nilai *p* lebih besar dari nilai **alpha 0.05**, maka ia memberi kesimpulan bahawa kedua-dua populasi varian adalah sama iaitu daripada atlet murid SSM Bukit Jalil dan SSN Perak.

Bagi ujian rintis, penyelidik memberikan sejumlah 40 soal selidik yang dipilih secara rawak dari pelbagai aras pendidikan sama ada menengah rendah dan menengah tinggi serta dari pelbagai disiplin sukan. Dapatan daripada soal selidik berkenaan, penyelidik akan memproses dan menganalisis data dengan menggunakan pekali *Alpha-croanbach* untuk mengukur kebolehpercayaan item dan *construct validity* (melalui *factor analysis*) dalam mengukur kesahan instrumen kuantitatif¹³¹.

Hasil daripada ujian rintis yang telah dijalankan terhadap enam puluh item daripada 40 responden, *Cronbach's Alpha* menunjukkan bacaan 0.829 seperti dalam jadual. Melalui Ghazali dan Suffean (2016), menurut Vierra & Pollock (1979) menganggap sebagai *acceptable reliability* dan menurut Borg dan Gall (1979) sebagai *customary coefficients* iaitu dengan kebolehpercayaan yang tinggi serta instrumen berkenaan boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Case Processing Summary

	N	%
Cases Valid	40	95.2
Excluded ^a	2	4.8
Total	42	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.829	60

Jadual 3.4 : Dapatan data daripada Cronbach's Alpha

¹³¹ Ghazali Darussalam dan Suffean Hussin (2016), *Op.Cit.*, 98.

3.8 METODE ANALISIS DATA

Analisis data merupakan suatu hal yang sangat penting dalam sebuah kajian.

Metode analisis data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah sebagai berikut:

3.8.1 Metode Induktif

Metode induktif ialah pola berfikir mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.¹³² Metode induktif ini digunakan pada bab dua dan tiga perbincangan iaitu perbincangan mengenai Kurikulum Pendidikan Islam, konsep aurat dan solat, konsep Sekolah Sukan, atlet murid, serta kajial-kajian kepustakaan yang dilaksanakan oleh penyelidik.

3.8.2 Metode Deduktif

Metode deduktif ialah suatu cara untuk menganalisi fakta-fakta untuk menjelaskan kesimpulan atau pengambilan suatu kesimpulan dari pernyataan yang bersifat umum menjadi suatu pernyataan yang bersifat khusus. Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan metode ini untuk mendapatkan kesimpulan dalam bab tiga dan bab empat secara lebih khusus mengenai kefahaman atlet murid dalam penjagaan aurat, kefahaman atlet murid dalam pengamalan ibadah solat, faktor yang mempengaruhinya, hubung kait kefahaman dengan penjagaan aurat dan pengamalan solat para atlet murid.

3.8.3 Metode Komparatif

Metode komparatif merupakan kaedah untuk menganalisis perbandingan dengan menilai semua jenis data yang dikumpul hasil pembacaan penyelidik terhadap bahan tersebut. Untuk menilai perbezaan ini, penyelidik menggunakan ujian T bagi melihat perbezaan kefahaman responden daripada kategori jantina, kumpulan sukan dan juga aras tingkatan.

¹³² Imam Barnadid, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta : Yayasan FIK-IKIP, 1982), 52-53.

3.8.4 Analisis SPSS

Metode SPSS (*Statistical Package for the Sosial Sciences*) digunakan dalam menganalisis borang soal selidik yang telah dikembalikan. Kaedah SPSS ini adalah sebuah program komputer yang digunakan untuk membuat analisis statistik. Seluruh data soal selidik dimasukkan ke dalam program SPSS, kemudian data dianalisis dalam bentuk *table* dan statistik. Data yang telah dimaksukkan dalam SPSS ini akan dianalisis dan dikemukakan dalam bentuk statistik . Menurut Chu Yan Piaw statistik deskriptif mempunyai fungsi menghuraikan ciri-ciri variabel yang digunakan untuk membuat kesimpulan mengenai data numerikal tidak membuat generalisasi daripada sampel kajian kepada populasi.¹³³ Skala pengukuran yang digunakan untuk mengumpulkan variabel kajian dengan menggunakan skala nominal dan ordinal. Skala nominal menggunakan simbol atau nombor untuk melebel, mengkategorii atau mengecam seseorang individu atau suatu objek. Sedangkan skala ordinal adalah skala pengukuran yang boleh dipatenkan secara bermakna dari nilai terkecil sampai nilai terbesar.¹³⁴

Penyelidik menggunakan kaedah korelasi Spearman's Rank Order (rho) sebagai analisis inferensi untuk melihat hubungan di antara kefahaman dan penjagaan aurat dan pengalaman solat. Ujian korelasi Spearman's Rank Order (rho) digunakan kerana data yang diperolehi adalah dalam bentuk skala ordinal. Dengan itu, nilai *r* merupakan penanda aras kepada kekuatan hubungan yang ditunjukkan berdasarkan analisis korelasi Spearman's Rank Order (rho) yang dijalankan.

Kaedah korelasi (*r*) merupakan pengukuran darjah linear antara dua pemboleh ubah. Nilai *r* yang positif bermaksud hubungan satu pemboleh ubah adalah berkadar terus dengan satu pemboleh ubah lain. Apabila nilai *r* adalah negatif, ini bermaksud

¹³³ Chu Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, buku 2, (Kuala Lumpur : Mc. Graw Hill Education, Malaysia, 2006), 3.

¹³⁴ Lai Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*, (Sabah : Penerbitan Universiti Malaysia Sabah, 2012), 66.

hubungan kedua-dua pemboleh ubah adalah berkadar songsang, iaitu nilai satu pemboleh ubah meningkat dan nilai satu pemboleh ubah yang lain menurun¹³⁵.

$r = .10$ kepada $.29$	atau $r = -.10$ kepada $-.29$	Kecil
$r = .30$ kepada $.49$	atau $r = -.30$ kepada $-.49$	Sederhana
$r = .50$ kepada 1.0	atau $r = -.50$ kepada -1.0	Besar

Jadual 3.5 : Nilai kekuatan hubungan korelasi seperti dicadangkan Cohen (1988) Sumber : Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016)

3.8.5 ANALISIS STATISTIK INFERENSI

Statistik inferensi ialah hasil daripada ujian statistik yang dapat digunakan untuk membuat inferens tentang data penyelidikan dan mengaitkan dapatan kepada populasi. Statistik inferensi dilaksanakan berdasarkan ujian hipotesis nol.

Bagi menguji tahap signifikan hipotesis, penyelidik menggunakan ujian *Mann-White U* bagi menguji perbezaan yang mempunyai dua pemboleh ubah iaitu faktor jantina terhadap kefahaman aurat, kefahaman ibadah solat, faktor aras tingkatan terhadap kefahaman aurat, kefahaman ibadah solat. Bagi menguji perbezaan signifikan terhadap lebih daripada dua pemboleh ubah, penyelidik menggunakan ujian *Kruskal-Wallis* iaitu faktor bidang sukan yang terdiri daripada enam disiplin sukan terhadap kefahaman aurat, kefahaman ibadah solat.

¹³⁵ Ghazali Darusalam & Sufean Hussin (2016), *Op.Cit.*, 280.

Hipotesis Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dalam kefahaman penjagaan aurat.	Ujian <i>Mann-White U</i>
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dalam kefahaman ibadah solat.	Ujian <i>Mann-White U</i>
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dalam kefahaman ibadah aurat.	Ujian <i>Mann-White U</i>
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dalam kefahaman ibadah solat.	Ujian <i>Mann-White U</i>
5. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori disiplin sukan dalam kefahaman ibadah aurat.	Ujian <i>Kruskal-Wallis</i>
6. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori disiplin sukan dalam kefahaman ibadah solat.	Ujian <i>Kruskal-Wallis</i>

BAB KEEMPAT – KEFAHAMAN, PENGAMALAN SERTA FAKTOR MEMPENGARUHI SERTA HUBUNG KAIT KEFAHAMAN DENGAN PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT ATLET MURID

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, penyelidik menilai kefahaman para atlet murid terhadap aurat dan solat yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam oleh atlet murid sekolah sukan negeri Perak. Penyelidik juga menganalisis korelasi di antara kefahaman aurat dengan penjagaan aurat dan kefahaman solat dengan pengamalan solat dalam kalangan atlet murid berkenaan. Penyelidik menganalisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi menggunakan perisian SPSS (*Statistic Package for Social Science*) versi 23. Dalam bahagian ini, penyelidik mengenal pasti beberapa maklumat penting daripada borang soal selidik dalam bahagian D yang dapat membantu dalam mengalisis data berkenaan. Ia merangkumi penyelidikan yang berbentuk kuantitatif melalui kaedah

ANALISIS SOAL SELIDIK

Dalam bahagian ini, penyelidik menjelaskan analisis data yang diperoleh daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden. Ini merupakan sumber utama bagi tujuan menganalisis data kajian yang dilaksanakan ini. Penyelidik memperolehi data hasil daripada edaran soal selidik yang diberikan kepada para Atlet murid di SMK Gunung Rapat, Sekolah Sukan Negeri Perak.


Melalui kaedah statistik deskriptif dan inferensi serta perisian SPSS (*Statistic Package for Social Science*) versi 23, penyelidik memperolehi beberapa maklumat penting yang dapat membantu dalam mengalisis data berkenaan. Ia merangkumi

penyelidikan yang berbentuk kuantitatif melalui kaedah penguraian daripada data kekerapan (*frequency*), peratus (*percentage*), purata atau min (*mean*) dan korelasi (*correlation*).

4.2 Demografi Responden


Penyelidik telah menggunakan 162 orang responden sebagai sampel kajian daripada 260 orang atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak sebagai populasi atlet murid di Sekolah Sukan Negeri berkenaan. Soal selidik berkenaan terbahagi kepada empat bahagian

Bahagian A : Maklumat asas responden (Demografi)




Rajah 4.1 : Pecahan responden lelaki dan perempuan

Berdasarkan daripada soal selidik secara rawak, 65 (40.1%) adalah daripada responden perempuan dan 97 (59.9%) adalah daripada lelaki daripada 162 keseluruhan responden daripada populasi 260 orang atlet murid.



Rajah 4.2 : Peratus bidang sukan responden

Bagi pecahan jenis sukan pula berdasarkan graf bar daripada rajah 4.2, 47 (29%) adalah daripada sukan Bola Sepak, 29 (17.9%) daripada sukan Sepak Takraw, 23 (14.2%) daripada sukan Bola Jaring, 24 (14.8%) daripada sukan Hoki, 30 (18.5%) dari sukan Balapan dan 9 (5.6%) adalah daripada sukan memanah. Walau bagaimanapun, penyelidik mengumpul dan membahagiakan semula kategori sukan berkenaan kepada dua kategori iaitu sukan yang melibatkan disiplin individu sebanyak 39 (24.1%) dan sukan melibatkan disiplin berpasukan 123 (75.9%) seperti dinyatakan dalam rajah 4.3 berikut.



Rajah 4.3 : Kumpulan disiplin sukan

Berdasarkan daripada demografi responden, taburan atlet murid yang melibatkan sukan berpasukan merupakan atlet majoriti tiga per empat daripada keseluruhan responden.

4.3 KEFAHAMAN ATLET MURID TERHADAP AURAT DAN SOLAT

4.3.1 Kefahaman para atlet murid terhadap aurat

Bagi mengukur tahap kefahaman para responden berkaitan aurat dan solat, penyelidik mengemukakan soal selidik berbentuk skala likert satu hingga lima. Berdasarkan jadual menunjukkan taburan bilangan, peratusan, min dan sisihan piawai berkaitan kefahaman atlet murid terhadap aurat.

Bagi perkara berkaitan aurat, skor min keseluruhannya daripada 162(N) responden adalah seperti jadual 4.1

Jadual 4.1 : Purata keseluruhan bagi item kefahaman aurat

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kumulatif min kefahaman aurat	4.01	0.435	Sangat Tinggi

Jadual 4.2 : Tahap kefahaman atlet murid terhadap ibadah aurat

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
B1 – Aurat adalah batasan tubuh saya yang	1	3	8	33	115	4.61	0.727
Wajib ditutup dari dilihat oleh orang yang tidak sepatutnya	0.6%	1.9%	5%	20.6%	71.9%		
B2 – Hukum menutup aurat adalah Wajib	-	-	25	31	104	4.49	0.752
Fardu Ain	-	-	15.6%	19.4%	65%		
B3 – Kewajipan menutup aurat adalah ketika baligh	18	46	19	28	49	3.28	1.440
	11.3%	28.8%	11.9%	17.5%	30.6%		

B4 – Mendedahkan aurat adalah berdosa di sisi Allah	3 1.9%	3 1.9%	4 2.5%	12 7.6%	135 85.4%	4.75	0.773
B5 – Terdapat perbezaan di antara aurat lelaki yang belum baligh dengan yang telah baligh	24 15.3%	19 12.1%	62 39.5%	26 16.6%	26 16.6%	3.07	1.251
B6 – Aurat wanita Islam dengan wanita bukan Islam adalah antara pusat hingga lutut	21 13.2%	27 17%	30 18.9%	15 9.4%	66 41.5%	3.49	1.492
B7 – Mahram adalah golongan yang haram dinikahi	16 10.2%	14 8.9%	67 42.7%	12 7.6%	48 30.6%	3.39	1.285
B8 – Aurat lelaki muslim dengan dengan lelaki bukan muslim adalah menutup kemaluan sahaja	6 3.8%	7 4.4%	33 20.8%	45 28.3%	68 42.8%	4.02	1.076
B9 – Menutup aurat wajib dilaksanakan ketika solat sahaja	6 3.7%	2 1.2%	1 0.6%	49 30.2%	104 64.2%	4.50	0.886
B10 – Pakaian yang menutup aurat adalah Yang mengikut tren semasa walaupun ia sangat ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan	5 3.1%	5 3.1%	8 5%	33 20.5%	110 68.3%	4.48	0.956

STS – Sangat Tidak Setuju, **TS** – Tidak Setuju, **TP** – Tidak Pasti, **S** – Setuju, **SS** – Sangat Setuju

Menurut Tschanen-Moran, M. & Gareis, C.R., (2004) melalui Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin (2016) menyatakan bagi min Skala Lima Likert seperti jadual berikut :

Jadual 4.3 : Interpretasi min bagi lima skala likert

Nilai Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Skor min 1.0 hingga 1.8 dikelaskan sebagai tahap sangat rendah, 1.81 hingga 2.60 adalah rendah, 2.61 hingga 3.40 sederhana, 3.41 hingga 4.20 adalah tinggi dan 4.21 hingga 5.00 adalah sangat tinggi.

Bagi item B6, B8, B9, B10, B15 dan B16 merupakan kenyataan negatif. Penyelidik telah mengekodkan semula semua item tersebut kepada kenyataan positif. Item yang mendapat skor min tertinggi adalah item B4 “Mendedahkan aurat adalah berdosa di sisi Allah” skor 4.75 dengan sisihan piawai 0.773. Sebanyak 135 (85.4%) responden sangat setuju mengenai pemberatan hukum bahawa mendedahkan aurat dengan sengaja adalah berdosa. Item kedua tertinggi adalah item B1 iaitu “Aurat adalah batasan tubuh saya yang wajib ditutup dari dilihat oleh orang yang tidak sepatutnya” mencatat skor min 4.61 dengan sisihan piawai 0.727. Sebanyak 115 (71.9%) responden sangat setuju dengan konsep dan definisi aurat. Manakala item ketiga tertinggi adalah B9 “ Menutup aurat wajib dilaksanakan ketika solat sahaja” dengan skor min 4.50 dan sisihan piawai 0.886. Sebanyak 104 (64.2%) daripada responden sangat setuju bahawa tuntutan menutup aurat adalah wajib ketika solat dan di luar solat dengan kadar ketentuan batasannya. Ketiga-tiga item berkenaan adalah merupakan perkara asas terhadap definisi, hukum serta aplikasi perlaksanaan menutup aurat.

Data ini menunjukkan bahawa kefahaman responden terhadap perkara berkaitan aurat adalah sangat tinggi. Penyelidik membahagikan kepada kepada tiga tema daripada sepuluh item soal selidik iaitu berkaitan dengan Hukum Aurat, Syarat Wajib dan Batas-Batas Aurat. Bagi pengetahuan berkaitan hukum aurat, daripada 162 (N) responden secara kumulatif min adalah 4.58 dengan sisihan piawai 0.465 menunjukkan bahawa kefahaman para responden secara keseluruhannya adalah sangat tinggi dengan kadar sisihan piawai sangat kecil. Bagi pengetahuan berkaitan Syarat Wajib pula, purata min adalah 3.72 menunjukkan bahawa kefahaman responden adalah tinggi dengan sisihan piawai kecil 0.776. Bagi kefahaman berkaitan batas aurat adalah dengan purata min

3.53 dengan sisihan piawai 0.875 menunjukkan bahawa kefahaman berada pada tahap tinggi.

Jika dilihat daripada ketiga-tiga kategori yang dinyatakan, menunjukkan bahawa kefahaman para responden adalah sangat baik, namun demikian, kefahaman berkaitan batasan aurat berada pada bacaan terendah dengan sisihan piawai yang paling tinggi. Ini menunjukkan bahawa taburan data responden adalah berselerak dengan taburan di antara 3 hingga 5.

4.3.2 Kefahaman para atlet murid terhadap ibadah solat

Berkenaan dengan kefahaman responden berkaitan solat pula, secara kumulatif min daripada 162 (N) responden seperti jadual 4.4 menunjukkan kefahaman responden berkaitan solat adalah sangat tinggi. Penyelidik membahagikan sepuluh item berkaitan kefahaman solat kepada 4 tema iaitu Hukum Solat, Syarat Sah Solat, Syarat Wajib Solat dan Rukun Solat. Hukum Solat menunjukkan kumulatif min tertinggi dengan bacaan 4.72 dengan sisihan piawai 0.896. Syarat Sah Solat dengan min 4.42 dengan sisihan piawai 0.52, Syarat Wajib Solat dengan min 4.30 dengan sisihan piawai 0.999 dan Rukun Solat dengan min 4.24 dengan sisihan piawai 0.710.

Jadual 4.4 : Purata keseluruhan bagi item kefahaman solat

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kumulatif min kefahaman solat	4.40	0.449	Sangat Tinggi

Jadual 4.5 : Tahap kefahaman atlet murid terhadap ibadah solat

Pernyataan	STS 1	TS 2	TP 3	S 4	SS 5	Min	SP
B11 – Solat Fardu wajib atas setiap mukallaf, iaitu Islam, Baligh dan Berakal	4	4	27	31	95	4.30	0.999
	2.5%	2.5%	16.8%	19.3%	59%		

B12 – Meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja merupakan dosa besar	8 5%	- -	- -	13	140	4.72	0.896
B13 – Solat Fardu wajib dilaksanakan dalam waktu yang telah ditetapkan	1 0.6%	5 3.1%	5 3.1%	29 18%	121 75.2%	4.64	0.746
B14 – Solat boleh dilaksanakan di mana-mana asalkan bersih dan suci dari najis	1 0.6%	1 0.6%	- -	22 13.7%	137 85.1%	4.82	0.511
B15 – Terbuka aurat dalam jangkamasa yang lama ketika dalam Solat Fardu tidak akan membatalkan solat	1 0.6%	5 3.1%	50 31.3%	31 19.4%	73 45.6%	4.06	0.976
B16 – Sengaja membelakangkan kiblat ketika solat tidak membatalkan solat	4 2.5%	2 1.3%	27 16.9%	21 13.1%	106 66.3%	4.39	0.978
B17 – Terkena najis yang jelas pada pakaian sewaktu solat boleh menyebabkan solat terbatal	14 8.7%	4 2.5%	12 7.5%	33 20.5%	98 60.9%	4.22	1.235
B18 – Meninggalkan salah satu daripada rukun Solat menyebabkan solat terbatal	7 4.4%	8 5%	55 34.4%	42 26.3%	48 30%	3.73	1.081
B19 – Surah Al-Fatiyah wajib dibaca ketika solat pada setiap rakaat	2 1.2%	4 2.5%	1 0.6%	18 11.2%	136 84.5%	4.75	0.707
B20 – Berwuduk dengan sempurna adalah cara Bersuci daripada hadas kecil yang merupakan syarat sah solat	- -	5 3.1%	24 14.9%	41 25.5%	91 56.5%	4.35	0.847

STS – Sangat Tidak Setuju, **TS** – Tidak Setuju, **TP** – Tidak Pasti, **S** – Setuju, **SS** – Sangat Setuju

Item yang mendapat skor min tertinggi adalah item B14 “ Solat boleh dilaksanakan di mana-mana asalkan bersih dan suci dari najis” skor 4.82 dengan sisihan piawai 0.511. Sebanyak 137 (85.1%) responden sangat setuju bahawa perlaksanaan solat fardu boleh dilaksanakan di mana-mana tempat sama ada di padang, gelanggang, trek asalkan lokasi berkenaan suci daripada najis tidak semestinya di musolla atau surau. Item kedua tertinggi adalah item B19 “ Surah Al-Fatiyah wajib dibaca ketika solat pada setiap rakaat” mencatat skor min 4.75 dengan sisihan piawai 0.707. Sebanyak

136 (84.5%) responden sangat setuju bahawa meninggalkan salah satu daripada rukun solat memberikan implikasi solat terbatal dan perlu mengulangi solat berkenaan. Responden juga memahami bahawa surah al-Fatihah merupakan salah satu daripada rukun solat yang perlu dipelihara bagi memastikan solat dilaksanakan dengan sempurna. Manakala item ketiga tertinggi adalah B12 “ Meninggalkan solat fardu dengan sengaja merupakan dosa besar” dengan skor min 4.72 dan sisihan piawai 0.896. Sebanyak 140 (87%) daripada responden sangat setuju bahawa tuntutan menutup solat fardu lima waktu adalah wajib dilaksanakan dan meninggalkan dengan sengaja merupakan dosa besar. Ketiga-tiga item berkenaan adalah merupakan perkara asas mengenai solat iaitu hukum, syarat sah serta rukun solat.

4.3.3 Perbezaan kefahaman responden berkenaan aurat dan solat berdasarkan faktor demografi

Faktor demografi yang dikaji ialah jantina, aras tingkatan dan kategori sukan. Ini adalah untuk menjawab hipotesis kajian seperti berikut:

H_o 1 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman aurat

H_o 2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman solat

H_o 3 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman aurat

H_o 4 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman solat

H_o 5 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bidang sukan dengan kefahaman aurat

H_o 6 : Tidak terdapat perbezaan signifikan antara bidang sukan dengan kefahaman solat

Ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* yang dilaksanakan untuk mengetahui kesan signifikan faktor demografi jantina terhadap kefahaman aurat dan solat, dan faktor demografi aras tingkatan terhadap kefahaman aurat dan solat.

- i. **H₀ 1:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan kefahaman aurat.

H₁ 1: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan kefahaman aurat.

Jadual 4.6 : Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan jantina terhadap kefahaman aurat

Ranks				
	Jantina	N	Min Rank	Sum of Ranks
Kefahaman Aurat	Perempuan	65	80.70	5245.50
	Lelaki	97	82.04	7957.50
	Total	162		

Test Statistics ^a	
	Kefahaman Aurat
Mann-Whitney U	3100.500
Wilcoxon W	5245.500
Z	-.178
Asymp. Sig. (2-tailed)	.859

a. Grouping Variable: Jantina

Bahagian pertama adalah laporan (Ranks) melaporkan maklumat berkaitan dengan ringkasan nilai min bagi kedua-dua kumpulan jantina terhadap kefahaman aurat.

Merujuk kepada nilai $Z = -1.78$ dengan paras signifikan pada .0859 [rujuk pada baris Asymp. Sig. (2-tailed)]. Keputusan ini menyatakan nilai p (.0859) $>$ α (.05). Oleh kerana nilai p lebih besar daripada nilai alpha (α), maka keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah. Maka, kita menerima hipotesis nol .

ii. **H₀ 2:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan kefahaman solat.

H₁ 2: Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor jantina dengan kefahaman solat.

Jadual 4.7 : Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan jantina terhadap kefahaman solat

Ranks				
	Jantina	N	Min Rank	Sum of Ranks
Kefahaman Solat	Perempuan	65	89.46	5815.00
	Lelaki	97	76.16	7388.00
	Total	162		

Test Statistics ^a	
	Kefahaman Solat
Mann-Whitney U	2635.000
Wilcoxon W	7388.000
Z	-1.774
Asymp. Sig. (2-tailed)	.076

a. Grouping Variable: Jantina

Bahagian pertama adalah laporan (Ranks) melaporkan maklumat berkaitan dengan ringkasan nilai min bagi kedua-dua kumpulan jantina terhadap kefahaman solat.

Merujuk kepada nilai Z = -1.774 dengan paras signifikan pada .076 [rujuk pada baris Asymp. Sig. (2-tailed)]. Keputusan ini menyatakan nilai p (.076) > α (.05). Oleh kerana nilai p lebih besar daripada nilai alpha (α), maka keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah. Maka, kita **menerima hipotesis nol**.

4.3.3.1 Perbezaan kefahaman atlet murid mengikut jantina

Berdasarkan dapatan data yang diproses oleh penyelidik terhadap perbezaan kefahaman responden mengikut jantina adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4.8 : Perbezaan kefahaman responden mengikut kumpulan jantina

	Jantina	N	Min	Std. Deviation	Std. Error Min
Kefahaman Solat	Lelaki	97	4.3490	.48451	.04919
	Perempuan	65	4.4848	.37783	.04686
Kefahaman Aurat	Lelaki	97	4.0077	.45361	.04606
	Perempuan	65	4.0222	.36828	.04568

Jadual 3.8 menunjukkan min kefahaman responden mengikut jantina lelaki dan perempuan. Bagi kefahaman keseluruhan berkaitan ibadah solat, min bagi responden lelaki adalah 4.349 dengan sisihan piawai 0.4845 berbanding min responden perempuan 4.4848 dengan sisihan piawai 0.3778. Kedua-dua kategori jantina lelaki dan perempuan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dan berada pada tahap kefahaman yang sangat tinggi dengan sisihan piawai kecil.

Bagi kefahaman berkaitan aurat pula, masih menunjukkan tidak terdapat perbezaan ketara di antara responden lelaki dan perempuan. Responden lelaki menunjukkan skor 4.01 dengan sisihan piawai 0.454 manakala bagi perempuan pula dengan skor 4.02 dengan sisihan piawai 0.368. Kedua-dua angka ini jelas menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden lelaki dan perempuan adalah tinggi berkaitan solat dan aurat tidak terdapat perbezaan yang jelas dengan bacaan sisihan piawai kecil.

Keadaan ini bertentangan daripada kajian yang dilaksanakan oleh Jasmin Jasman (2003) yang menjelaskan terdapat perbezaan dari sudut jantina dan pendidikan. Andaian boleh dibuat bahawa terdapat responden pelajar perempuan yang terdedah

dengan pengaruh fesyen tambahan anggota aurat wanita lebih rumit berbanding lelaki.¹³⁶

iii. **H₀ 3 :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dengan kefahaman aurat.

H₁ 3 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dengan kefahaman aurat.

Jadual 4.9 : Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan aras tingkatan terhadap kefahaman aurat

Ranks				
	Tingkatan	N	Min Rank	Sum of Ranks
Kefahaman Aurat	Menengah Rendah	102	74.67	7616.00
	Mengah Tinggi	60	93.12	5587.00
	Total	162		

Test Statistics ^a	
	Kefahaman Aurat
Mann-Whitney U	2363.000
Wilcoxon W	7616.000
Z	-2.424
Asymp. Sig. (2-tailed)	.015

a. Grouping Variable: Tingkatan

Bahagian pertama adalah laporan (Ranks) melaporkan maklumat berkaitan dengan ringkasan nilai min bagi kedua-dua kumpulan aras tingkatan terhadap kefahaman aurat. Merujuk kepada nilai Z = -2.424 dengan paras signifikan pada .015 [rujuk pada baris Asymp. Sig. (2-tailed)]. Keputusan ini menyatakan nilai *p* (.015) < α (.05). Oleh kerana nilai *p* lebih kecil daripada nilai alpha (α), maka keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah. Maka, kita menerima hipotesis alternatif.

¹³⁶ Jasmin Jasman, *Amalan menutup aurat di kalangan remaja : Kajian di Sekolah-sekolah menengah di sekitar zon Gombak*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003) 105.

iv. **H₀ 4 :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dengan kefahaman solat.

H₁ 4 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor aras tingkatan dengan kefahaman solat.

Jadual 4.10 : Analisis ujian T dan ujian *non-parametric Mann-Whitney U* perbezaan aras tingkatan terhadap kefahaman solat

Ranks				
	Tingkatan	N	Min Rank	Sum of Ranks
Kefahaman Solat	Menengah Rendah	102	83.95	8563.00
	Mengah Tinggi	60	77.33	4640.00
	Total	162		

Test Statistics ^a	
	Kefahaman Solat
Mann-Whitney U	2810.000
Wilcoxon W	4640.000
Z	-.870
Asymp. Sig. (2-tailed)	.384

a. Grouping Variable: Tingkatan

Bahagian pertama adalah laporan (Ranks) melaporkan maklumat berkaitan dengan ringkasan nilai min bagi kedua-dua kumpulan aras tingkatan terhadap kefahaman solat.

Merujuk kepada nilai Z = -0.870 dengan paras signifikan pada .384 [rujuk pada baris Asymp. Sig. (2-tailed)]. Keputusan ini menyatakan nilai *p* (.384) > α (.05). Oleh kerana nilai *p* lebih kecil daripada nilai alpha (α), maka keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah. Maka, kita **menerima hipotesis nol**.

4.3.3.2 Perbezaan kefahaman atlet murid mengikut aras tingkatan

Jika dinilai kefahaman responden mengikut aras tingkatan pula adalah seperti jadual berikut :

Jadual 4.11 : Perbezaan kefahaman responden mengikut kumpulan jantina

	Tingkatan	N	Min	Std. Deviation	Std. Error Min
Kefahaman Solat	Menengah Rendah	102	4.4144	.47990	.04752
	Mengah Tinggi	60	4.3850	.39266	.05069
Kefahaman Aurat	Menengah Rendah	102	3.9588	.43746	.04332
	Mengah Tinggi	60	4.1065	.37483	.04839

Bagi perbezaan kefahaman mengikut aras pembelajaran tidak menunjukkan perbezaan signifikan. Kefahaman solat bagi aras menengah rendah daripada 102 (N) sampel skor min 4.414 dengan sisihan piawai .48 manakala menengah tinggi daripada 60 (N) sampel dapatan skor min 4.385 dengan sisihan piawai .323. kefahaman aurat pula daripada 102 (N) sampel menengah rendah dapatan skor min adalah 3.96 dengan sisihan piawai .437 manakala menengah tinggi daripada 60 (N) skor min 4.107 dengan sisihan piawai .375.

Data ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan yang ketara terhadap kefahaman mengenai perkara berkaitan aurat dan juga solat sama ada dari peringkat menengah rendah mahupun menengah tinggi. Namun demikian, bagi kefahaman berkenaan item aurat peringkat menengah rendah bacaan min sedikit rendah berbanding yang lain. Jika dilihat daripada kumulatif min kefahaman aurat daripada 4 temanya, bahagian item batas aurat mencatatkan bacaan min terendah iaitu dengan 3.529 dengan sisihan piawai .875, data ini menunjukan taburan purata kefahaman responden berada pada tahap sederhana di antara min 2.654 hingga 4.404.

Analisis ujian *non-parametric Kruskal-Wallist* pula dilaksanakan bagi mengetahui kesan signifikan faktor demografi bidang sukan terhadap kefahaman aurat. Penyelidik menggunakan ujian berkenaan kerana perbandingan yang dinilai lebih daripada dua kategori.

v. **H₀ 5 :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang sukan dengan amalan ibadah aurat.

H₁ 5 : Terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang sukan dengan amalan ibadah aurat.

Jadual 4.12 : Analisis ujian T dan *non-parametric Kruskal-Wallist* bidang sukan terhadap kefahaman aurat

Ranks			
	Bidang Sukan	N	Min Rank
Kefahaman Aurat	Bola Sepak	47	86.90
	Sepak Takraw	29	72.00
	Bola Jaring	23	82.83
	hoki	24	70.33
	Balapan / Padang	30	83.22
	Memanah	9	104.56
	Total	162	

Test Statistics ^{a,b}	
	Kefahaman Aurat
Chi-Square	5.436
df	5
Asymp. Sig.	.365

a. Kruskal Wallis Test

b. Grouping Variable: Bidang Sukan

Merujuk kepada jadual Ranks, maklumat berkenaan adalah berkaitan dengan min ranks bagi setiap kumpulan bidang sukan dan bilangan responden (N).

Melalui pemerhatian pada nilai *Min Ranks* bagi setiap bidang sukan, didapati wujud perbezaan tahap kefahaman di antara bidang sukan. Bagi mengesahkan kewujudan perbezaan ini, rujuk kepada jadual *Test Statistics*. Ujian *statistic Kruskal Wallis (Chi-Square)* ialah 5.436 dengan paras signifikan (Asymp. Sig.) pada .365 (nilai $p > 0.05$). Maka kita **menerima hipotesis nol**.

Hasil daripada analisis ini, jelas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara bidang sukan dengan kefahaman aurat. Bagi menentukan kumpulan yang mempunyai tahap kefahaman tertinggi adalah atlet bidang sukan Bola Sepak (*Min Ranks* = 86.90) daripada 47 (N) responden manakala kumpulan paling rendah tahap kefahaman aurat adalah dari atlet bidang sukan memanah (*Min Ranks* = 104.56) daripada 9 (N).

vi. **H₀ 6 :** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang sukan dengan amalan ibadah solat.

H₁ 6: Terdapat perbezaan yang signifikan antara bidang sukan dengan amalan ibadah solat.

Jadual 4.13 : Analisis ujian *non-parametric Kruskal-Wallist* bidang sukan terhadap kefahaman aurat

Ranks			
	Bidang Sukan	N	Min Rank
Kefahaman Solat	Bola Sepak	47	75.73
	Sepak Takraw	29	79.66
	Bola Jaring	23	93.74
	hoki	24	73.73
	Balapan / Padang	30	82.95
	Memanah	9	102.17
	Total	162	

Test Statistics ^{a,b}	
	Kefahaman Solat
Chi-Square	4.786
df	5
Asymp. Sig.	.443

a. Kruskal Wallis Test

b. Grouping Variable: Bidang Sukan

Merujuk kepada jadual Ranks, maklumat berkenaan adalah berkaitan dengan min ranks bagi setiap kumpulan bidang sukan dan bilangan responden (N).

Melalui pemerhatian pada nilai *Min Ranks* bagi setiap bidang sukan, didapati wujud perbezaan tahap kefahaman di antara bidang sukan. Bagi mengesahkan kewujudan perbezaan ini, rujuk kepada jadual *Test Statistics*. Ujian statistic *Kruskal Wallis (Chi-Square)* ialah 4.786 dengan paras signifikan (Asymp. Sig.) pada .443 (nilai $p > 0.05$). Maka kita **menerima hipotesis nol**.

Hasil daripada keputusan ini, boleh dinyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik di antara bidang sukan dengan kefahaman solat. Bagi menentukan kumpulan yang mempunyai tahap kefahaman tertinggi adalah atlet bidang sukan Bola Sepak (Min Ranks = 75.73) daripada 47 (N) responden manakala kumpulan paling rendah tahap kefahaman aurat adalah dari atlet bidang sukan memanah (Min Ranks = 102.17) daripada 9 (N).

Jika dilihat dari statistik berkenaan, ini menunjukkan kumpulan atlet yang menyertai disiplin individu seperti balapan, padang serta memanah dan juga yang menyertai disiplin sukan dalam kategori berpasukan seperti bola sepak, hoki, sepak takraw dan bola jarring tidak terdapat perbezaan yang signifikan dengan kefahaman aurat dan solat. Ia selari dengan kenyataan Mohd Salleh Aman yang mendapati disiplin sukan itu sendiri yang mendorong terhadap kecemerlangan, penguasaan keupayaan

individu dan toleransi serta kerjasama dalam berpasukan contohnya atlet yang menyertai sukan secara individu lebih cemerlang dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi dan Sejarah dan Matematik dengan baik berbanding sukan secara berpasukan. Meskipun demikian, dapatan daripada kajian yang telah yang telah dilaksanakan, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan atlet murid dari aspek pencapaian akademik secara keseluruhan. Namun, dari aspek penguasaan matematik menunjukkan kecenderungan yang lebih kepada atlet sukan individu¹³⁷.

Berikut dengan itu, pecahan analisis data yang melibatkan kefahaman para responden yang dilihat secara kumulatif adalah berada pada tahap tinggi dengan min 3.72 bagi item berkaitan Syarat Wajib dan min 3.53 berkaitan batas aurat. Ini menunjukkan para responden kurang memahami dengan jelas berkaitan batas aurat antara mahram, sesama muslim dan antara Islam dan bukan Islam. Meskipun demikian, secara keseluruhannya atlet yang menceburi sama ada sukan secara individu maupun berpasukan tidak menunjukkan dengan jelas perbezaan yang ketara terhadap kefahaman sama ada mengenai ibadah solat maupun aurat.

Kesimpulan bagi semua hipotesis adalah seperti jadual 4.14 berikut

Jadual 4.14 : Keputusan hipotesis melalui ujian yang telah dilaksanakan

BIL	HIP.	PERKARA	KEPUTUSAN
1	H_o 1	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman aurat	Menerima hipotesis nol
	H₁ 1	Terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman aurat	

¹³⁷ Mohd Salleh Aman, *Hubungan antara penglibatan dalam sukan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Sembilan*, (Kuala Lumpur : Disertasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1996).

2	H_0 2	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman solat	Menerima hipotesis nol
	H_1 2	Terdapat perbezaan signifikan antara jantina atlet murid dengan kefahaman solat	
3	H_0 3	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman aurat	Menerima hipotesis alternatif
	H_1 3	Terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman aurat	
4	H_0 4	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman solat	Menerima hipotesis nol
	H_1 4	Terdapat perbezaan signifikan antara aras tingkatan dengan kefahaman solat	
5	H_0 5	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara jenis sukan dengan kefahaman aurat	Menerima hipotesis nol
	H_1 5	Terdapat perbezaan signifikan antara jenis sukan dengan kefahaman aurat	
6	H_0 6	Tidak terdapat perbezaan signifikan antara disiplin sukan dengan kefahaman solat	Menerima hipotesis nol
	H_1 6	Terdapat perbezaan signifikan antara disiplin sukan dengan kefahaman solat	

4.3.3 Perbandingan kefahaman atlet murid terhadap aurat dan solat

Berdasarkan dapatan daripada kajian, jika dilihat daripada kefahaman responden terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat terdapat sedikit perbezaan di antara dua item berkenaan.

Jadual 4.15 : Perbandingan purata (min) keseluruhan bagi item kefahaman aurat dan solat

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kumulatif min kefahaman aurat	4.01	0.435	Sangat Tinggi
Kumulatif min kefahaman solat	4.40	0.449	Sangat Tinggi

Purata keseluruhan bagi kefahaman aurat adalah 4.01 berbanding solat 4.40 dengan sisihan piawai masing-masing 0.435 dan 0.449. Dari segi interpretasi data kedua-duanya berada pada paras sangat tinggi. Namun masih terdapat perbezaan skor sebanyak 0.39. Meskipun tahap kefahaman para responden terhadap perkara aurat dan solat berada pada paras tinggi, namun kefahaman berkaitan solat lebih tinggi berbanding aurat. Ini berlaku kerana penekanan ibadah solat lebih banyak ditekankan dalam kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Analisis tajuk menunjukkan bahawa penekanan tajuk solat sejak dari tahun dua sehingga tingkatan tiga secara teori, dan tingkatan lima secara amali.

Penekanan ibadah solat juga turut diberi perhatian khusus oleh ibu bapa dan penjaga dari rumah serta guru-guru di peringkat sekolah. Manakala bagi aspek penjagaan aurat pula, penekanan juga diberi kepada murid-murid, namun kekangan dalam acara sukan dan persekitaran mempengaruhi tahap penjagaan aurat. Analisis daripada soal selidik yang dijalankan menunjukkan secara purata atlet murid kurang faham dari aspek batas-batas aurat serta aplikasi dalam penjagaan aurat di dalam solat serta di luar solat sahaja. Batas-batas aurat ini merangkumi aurat di antara lelaki dengan perempuan, aurat perempuan dengan lelaki, aurat di antara muslim dengan bukan muslim dan pengetahuan asas berkaitan tuntutan kewajipan penjagaan aurat. Item B3 berkaitan tuntutan menutup aurat ketika usia baligh dengan min 3.28, item B5 berkaitan perbezaan antara aurat lelaki yang sudah baligh dan belum baligh dengan min 3.07, item B6 berkaitan aurat wanita Islam dengan wanita bukan Islam dengan min 3.49, dan item

B7 pengetahuan berkaitan mahram dengan min 3.39. Kesemua perkara ini adalah kefahaman dan aplikasi penjagaan aurat di luar solat yang sangat berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari serta aktiviti kesukaran para responden.

Meskipun demikian, secara keseluruhan kefahaman asas para responden terhadap aurat dan solat adalah sangat baik. Ini kerana pendekatan yang diberi oleh para guru dan jurulatih, didikan awal dari ibu bapa dan penjaga di rumah serta pengaruh persekitaran yang kondusif berperanan penting dalam membentuk kefahaman ibadah berkenaan seterusnya pengamalan mereka dalam kehidupan sehari-hari.

4.4 FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI AMALAN PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT ATLET MURID

4.4.1 Faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat

Hasil daripada soal selidik yang telah diberi kepada responden, penyelidik memproses data menggunakan *SPSS* bagi memperoleh nilai min, peratus dan kekerapan bagi setiap item soal selidik yang dibuat. Dapatkan daripadanya adalah seperti jadual 4.16 berikut.

Jadual 4.16 : Nilai keseluruhan bagi soal selidik bahagian D item D1 hingga D10 berkaitan faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat atlet murid

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
D1 – Saya menutup aurat ketika bersukan walaupun rimas	2	9	21	40	89	4.27	0.975
	1.2%	5.6%	13.0%	24.8%	55.3%		
D2 – Saya menutup aurat hanya ketika bersama jurulatih	59	59	25	12	5	2.03	1.055
	36.9%	36.9%	15.6%	7.5%	3.1%		
D3 – Ibu, bapa dan penjaga saya melarang saya berpakaian mendedahkan aurat	4	1	12	40	102	4.48	0.863
	2.5%	0.6%	7.5%	25.2%	64.2%		
D4 – Saya menutup aurat kerana sedar tentang hukum menutup aurat adalah wajib	1	3	7	41	109	4.58	0.721
	0.6%	1.9%	4.3%	25.5%	67.7%		
D5 – Saya menutup aurat kerana rakan-	40	56	24	24	17	2.52	1.300

rakan saya menutup aurat	24.8%	34.8%	14.9%	14.9%	10.6%		
D6 – Saya berasa malu jika berpakaian mendedahkan aurat	5 3.1%	3 1.9%	16 9.9%	43 26.7%	94 58.4%	4.35	0.956
D7 – Saya terpaksa menutup aurat kerana mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak sekolah	63 39.1%	50 31.1%	26 16.1%	14 8.7%	8 5.0%	2.09	1.161
D8 – Saya menutup aurat kerana kesedaran setelah menghadiri kem ibadah	15 9.3%	22 13.7%	38 23.6%	54 33.5%	32 19.9%	3.41	1.217
D9 – Saya menutup aurat kerana bimbingan dari keluarga saya sejak kecil	3 1.9%	5 3.1%	22 13.7%	41 25.5%	90 55.9%	4.30	0.949
D10 – Saya menutup aurat kerana kesan dari pengajaran guru di sekolah	7 4.3%	15 9.3%	23 14.3%	62 38.5%	54 33.5%	3.88	1.111

Petunjuk : STS – Sangat Tidak Bersetuju, TS – Tidak Setuju, TP – Tidak Pasti, S – Setuju, SS – Sangat Setuju

Daripada analisis keseluruhan nilai min bagi faktor mempengaruhi penjagaan aurat setiap item, penyelidik menyusun mengikut susunan min tertinggi seperti jadual 4.17 berikut.

Jadual 4.17 : Menunjukkan min bagi faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan aurat¹³⁸

Item	Label	Min	Interpretasi
D4	JD2	4.58	Sangat tinggi
D3	IB1	4.48	Sangat tinggi
D6	JD3	4.35	Sangat tinggi
D9	IB2	4.30	Sangat tinggi
D1	JD1	4.27	Sangat tinggi
D10	GS4	3.88	Tinggi
D8	JD4	3.41	Tinggi
D5	GS2	2.52	Sederhana
D7	GS3	2.09	Sederhana
D2	GS1	2.03	Sederhana

¹³⁸ Petunjuk : JD – Faktor Jati diri, IB –Faktor Ibu Bapa dan Penjaga, GS – Faktor Guru dan Persekutaran sekolah

Berdasarkan daripada dapatan min untuk item berkenaan, item D4, D3 dan D6 mendapat skor min tertinggi bagi keseluruhan faktor yeang mempengaruhi penjagaan aurat. Bagi item yang merujuk kepada faktor jati diri, item D4, D6 dan D1 mencatat bacaan tertinggi iaitu masing-masing 4.58, 4.35 dan 4.27. Kenyataan item D4 adalah “Saya menutup aurat kerana sedar tentang hukum menutup aurat adalah wajib”. 67.7% responden sangat bersetuju dengan kenyataan berkenaan manakala 25.5% lagi bersetuju. Keseluruhan ini menunjukkan 93.2% responden bersetuju dengan kenyataan. Angka ini menunjukkan responden menutup aurat adalah atas faktor mereka faham dengan kewajipan dan tuntutan menutup aurat. Item D6 pula dengan kenyataan “Saya berasa malu jika berpakaian mendedahkan aurat” dengan 58.4% responden sangat bersetuju, 26.7% bersetuju dengan kenyataan berkenaan menjadikan jumlahnya 85.1% responden bersetuju. Manakala item D1 dengan kenyataan “Saya menutup aurat ketika bersukan walaupun rimas” menunjukkan 55.3% daripada responden sangat bersetuju, 24.8% lagi bersetuju menjadikan jumlahnya 80.1% responden bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Dapatan ini tidak seiring dengan kenyataan daripada Jasman Jasmin (2003) dengan kajiannya menunjukkan 62% daripada respondennya tidak menutup aurat kerana tidak selesa dengan 29% kerana rimas, 8% kerana panas, 18.7% kerana pergerakan terbatas dan 7.1% tidak sesuai dengan semua keadaan. Faktor perbezaan kumpulan responden membawa kepada perbezaan dapatan meskipun para atlet murid aktiviti hariannya lebih aktif dan mudah berpeluh, faktor cuaca yang panas setiap kali menjalani latihan yang agak aggressif mahupun ketika pertandingan. Dengan bacaan 67.7%, 58.4% dan 55.3% daripada keseluruhan responden sangat bersetuju bahawa faktor jati diri adalah penyumbang utama kepada amalan menutup aurat berkenaan.

Walau bagaimanapun, faktor kesedaran dan jati diri terhadap kewajipan menutup aurat menunjukkan kematangan para responden dalam melaksanakan perintah

Allah. Jika dilihat faktor utama yang membantu ke arah jati diri para atlet murid berkenaan merupakan faktor didikan awal dari ibu bapa sangat berkait rapat seperti kenyataan item D3 dan D9 masing-masing dengan min 4.48 dan 4.30. Kenyataan D3 adalah “Ibu bapa dan penjaga saya melarang berpakaian mendedahkan aurat” dengan 64.2% daripada responden sangat bersetuju, 25.2% lagi bersetuju dengan menjadikan keseluruhan 89.3% daripada responden bersetuju dengan kenyataan berkenaan bahawa penerapan penjagaan aurat sejak dari kecil bermula daripada teguran dan didikan ibu bapa dari rumah. Didikan berbentuk tegahan sejak dari kecil akan mempengaruhi amalan anak-anak mereka apabila mereka dewasa. Walaupun pada asasnya perbuatan melarang merujuk kepada peneguhan negatif seperti teori psikologi Skinner, namun atas kesedaran dan kesungguhan dari ibu bapa dan penjaga sejak kecil perlu terhadap penekanan kewajipan tuntutan aurat meskipun perlaksanaannya dilihat dari aspek paksaan. Hal ini selari dengan hadith Rasulullah yang menyeru kepada ibu bapa untuk menyuruh anak-anak mereka solat seawal usia lapan tahun dan dirotan apabila berusia sepuluh tahun. Meskipun rotan dilihat dari satu persepektif adalah bentuk peneguhan yang negatif, namun, ia satu tuntutan sebagai tujuan pendidikan tanpa memberikan kesan kecederaan. Kenyataan D9 adalah “Saya menutup aurat kerana bimbingan dari keluarga sejak kecil” dengan 55.9% daripada responden sangat bersetuju dengan kenyataan berkenaan, 25.5% lagi bersetuju menjadikan jumlahnya 81.4% bersetuju dengan kenyataan berkenaan sebagaimana tuntutan dari hadith Rasulullah bahawa pendidikan awal adalah dari ibubapa dan penjaganya.

(قال النبي صلى الله عليه و سلم ”كل مولود يولد على الفطرة فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسان“

“ Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah (suci), ibu bapa akan mencorakkannya sama ada menjadi Yahudi, Nasrani mahupun Majusi.”¹³⁹

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Jika dilihat dari perspektif psikologi, kanak-kanak membina perspektif daripada orang dewasa dengan meniru tingkah laku dan tindakan ibu bapa yang dinyatakan oleh Bandura serta teori pembelajaran sosial ini turut disokong oleh Lev Vygotsky dengan teori „scaffolding’ bahawa acuan yang dibentuk oleh ibu bapa akan mempengaruhi perkembangan sikap serta tingkah laku anak-anak berkenaan.

Dari perspektif pengaruh guru dan persekitaran kawasan persekolahan, pengaruh daripada keberkesanannya pengajaran guru turun memberi pengaruh kepada penjagaan aurat. Jika dilihat kepada jumlah min, item D10 memcatat bacaan min 3.88 diikuti D5, D7 dan D2 dengan bacaan min 2.52, 2.09 dan 2.03. Kenyataan item D10 ialah “Saya menutup aurat kerana kesan daripada pengajaran guru di sekolah”. Manakala item D8 memcatat bacaan 3.41 dengan kenyataan “Saya menutup aurat kerana rasa kesedaran setelah menghadiri kem ibadah”. Pengaruh daripada institusi pendidikan memainkan peranan yang besar selepas ibu bapa. 19.9% daripada responden sangat bersetuju dan 33.5% daripada responden bersetuju menjadikan jumlahnya 53.4% daripada responden menunjukkan keyakinan terhadap program kem ibadah yang dilaksanakan sama ada peringkat sekolah mahupun peringkat yang lebih tinggi. Jika dilihat daripada taburan disiplin sukan, 58% adalah daripada responden yang menceburi disiplin sukan berbentuk pasukan yang besar iaitu Bola Sepak 29%, Bola Jaring 14.2% dan Hoki 14.8%. Bakinya adalah dari sukan sepak takraw 17.9%, Balapan Padang 18.5% dan Memanah 5.6% menjadikan jumlahnya 42%. Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Jais Fairus (2007) bahawa pengaruh sukan berpasukan menunjukkan hubungan sosial

¹³⁹ Al-Muwaqi” Ar-Rasmi, Sahih Bukhari, hadith no. 1385

yang lebih baik berbanding sukan yang berbentuk individu. Oleh yang demikian, program-program kem ibadah yang dilaksanakan anjuran institusi pendidikan mampu memberi impak yang positif terhadap atlet murid terutama yang melibat aktiviti pembelajaran sosial.

Kenyataan D5 adalah “Saya menutup aurat kerana rakal-rakan asrama saya menutup aurat”. Item ini merujuk kepada pengaruh rakal-rakan yang tinggal di asrama dan juga institusi pendidikan. Sebanyak 10.6% sangat bersetuju, 14.9% bersetuju menjadikan jumlahnya 25.5% menyokong dengan kenyataan bahawa pengaruh persekitaran rakan sebaya mempengaruhi amalan menutup aurat. Manakala 34.8% tidak bersetuju, 24.8% sangat tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa pengaruh persekitaran dan rakan sebaya sebagai faktor utama dalam amalan menutup aurat. Bagi kenyataan D7 pula “saya menutup aurat kerana mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah” 31.1% tidak bersetuju, 39.1% lagi sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Hanya 5% sangat bersetuju dan 8.7% lagi bersetuju dengan faktor desakan dari peraturan sebagai penyumbang terhadap amalan menutup aurat.

Bagi kenyataan D2 pula “saya menutup aurat hanya ketika bersama jurulatih” hanya 3.1% responden sangat bersetuju, 7.5% lagi bersetuju bahawa jurulatih sebagai faktor yang mendorong kepada mereka menutup aurat. Bakinya pula 36.9% tidak bersetuju dan 36.9% sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Walaupun pada asasnya mereka banyak bersama jurulatih dan hubungan sangat rapat, tetapi 73.8% bersetuju bahawa jurulatih bukan faktor penyumbang terhadap amalan menutup aurat berkenaan.

Jadual 4.18 : Menunjukkan kumulatif min bagi pecahan faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan aurat

Statistics				
		Aurat (Jati Diri)	Aurat (Ibu bapa)	Aurat (Guru & Sekolah)
N	Valid	162	162	162
	Missing	0	0	0
Mean		4.1559	4.3889	2.6343
Std. Deviation		.58648	.74350	.77125

Kesimpulannya, daripada keseluruhan dapatan min terhadap sepuluh faktor-faktor yang dikumpulkan oleh penyelidik mendapati bahawa faktor utama terhadap amalan menutup aurat berkenaan adalah di atas faktor didikan awal dari ibu bapa, diikuti dengan faktor jati diri dan terakhir adalah faktor guru dan persekitaran sekolah. Dapatan nilai min secara kumulatif dari faktor ibu bapa adalah 4.3889 berbanding faktor diri sendiri 4.1559. Manakala dapatan terendah adalah faktor guru dan persekitaran sekolah dengan dapatan nilai min 2.6343. Data ini menunjukkan secara keseluruhan, responden bersetuju bahawa faktor utama penjagaan aurat adalah dari faktor didikan ibu bapa yang membawa kepada jati diri.

Meskipun tidak selesa dengan aktiviti yang dilaksanakan dengan faktor cuaca dan pakaian berkenaan, mereka masih memilih untuk menutup aurat. Namun demikian, asas pendidikan awal bermula dari ibu bapa dan penjaga di rumah sangat memberi pengaruh terhadap amalan dan persepsi pemikiran anak-anak sehingga mereka dewasa. Kefahaman dan kesungguhan ibu bapa dan penjaga dalam penerapan nilai dan amalan agama sepanjang didikan awal anak-anak adalah sangat penting dalam menyumbang ke arah pengamalan ibadah anak-anak.

4.4.2 Faktor yang mempengaruhi pengamalan solat

Dari pada analisis borang soal selidik yang telah diberi kepada para responden, berikut adalah analisis daripada dapatan bahagian D berkaitan faktor yang mempengaruhi ibadah solat atlet murid seperti dalam jadual 4.19

Jadual 4.19 : Nilai keseluruhan bagi soal selidik bahagian D item D12 hingga D20 berkaitan faktor yang mempengaruhi pengamalan solat atlet murid

Pernyataan	STS	TS	TP	S	SS	Min	SP
	1	2	3	4	5		
D11- Saya melaksanakan solat fardu lima waktu kerana memahami kewajipan perlaksanaannya	1 0.6%	5 3.1%	7 4.3%	40 24.8%	108 67.1%	4.55	0.774
D12 – Saya hanya mendirikan solat fardu apabila disuruh oleh ibu bapa penjaga saya	68 42.5%	49 30.6%	27 16.9%	9 5.6%	7 4.4%	1.99	1.105
D13 – Amalan ibadah di rumah mempengaruhi perlaksanaan solat fardu saya	1 0.6%	9 5.6%	34 21.1%	58 36.0%	59 36.6%	4.02	0.926
D14 – Pengajaran guru di kelas mempengaruhi perlaksanaan solat fardu saya	2 1.3%	8 5.0%	35 21.9%	66 41.3%	49 30.6%	3.95	0.917
D15 – Saya melaksanakan solat fardu apabila disuruh oleh guru atau jurulatih	67 41.6%	62 38.5%	20 12.4%	9 5.6%	3 1.9%	1.88	0.960
D16 – Saya melaksanakan solat fardu kerana rakan-rakan saya melakukannya	66 41.0%	47 29.2%	19 11.8%	19 11.8%	10 6.2%	2.13	1.246
D17 – Saya tetap melakukan solat fardu walaupun orang sekeliling tidak melakukannya	3 1.9%	1 0.6%	10 6.3%	42 26.4%	103 64.8%	4.52	0.802
D18 – Saya melakukan solat fardu kerana kemauan saya sendiri	11 6.8%	9 5.6%	17 10.6%	49 30.4%	75 46.6%	4.04	1.190
D19 – Guru dan jurulatih merupakan pembimbing dan pendorong utama saya melaksanakan solat fardu	6 3.7%	26 16.1%	36 22.4%	43 26.7%	50 31.1%	3.65	1.185
D20 – Saya melaksanakan solat fardu kerana patuh dengan peraturan asrama	59 36.6%	34 21.1%	30 18.6%	17 10.6%	21 13.0%	2.42	1.408

Manakala dapatan daripada analisis SPSS daripada soal selidik yang dibuat adalah seperti jadual 4.20 menunjukkan bahawa faktor terbesar bagi amalan ibadah solat adalah dari faktor jati diri, diikuti oleh ibu, bapa keluarga dan diikuti oleh faktor guru dan persekitaran pendidikan.

Jadual 4.20 : Min bagi faktor-faktor mempengaruhi terhadap pengamalan ibadah solat.

Item	Label	Min	Interpretasi
D11	JD1	4.55	Sangat tinggi
D17	JD2	4.52	Sangat tinggi
D18	JD3	4.04	Tinggi
D13	IB2	4.02	Tinggi
D14	GS1	3.95	Tinggi
D19	GS4	3.65	Tinggi
D20	GS5	2.42	Rendah
D16	GS3	2.13	Rendah
D12	IB1	1.99	Rendah
D15	GS2	1.88	Rendah

Berdasarkan daripada dapatan min untuk item faktor yang mempengaruhi ibadah solat dengan dapatan tertinggi daripada item D11, D17 dan D18 di mana ketiga-tiga item berkenaan adalah faktor jati diri. Item D11 dengan skor min tertinggi 4.55 dengan sisihan piawai 0.774. Kenyataan “Saya melaksanakan solat fardu lima waktu kerana memahami kewajipan perlaksanaannya”, daripada 161 (N), 108 (67.1%) daripada responden sangat bersetuju, 40 (24.8%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Bagi item D17 “Saya tetap melakukan solat fardu walaupun orang sekeliling saya tidak melakukannya” memperolehi skor min 4.52 dengan sisihan piawai 0.802. Daripada 159(N) 103 (64.8%) daripada responden sangat bersetuju, 42 (26.4%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Kenyataan D18 pula “Saya melakukan solat fardu kerana kemahuan saya sendiri” merupakan skor min ketiga tertinggi dengan dapatan min 4.04

sisihan piawai 1.190. 75(46.6%) daripada responden sangat bersetuju, 49 (30.4%) bersetuju, 17 (10.6%) tidak pasti, 9(5.6%) tidak bersetuju dan 11(6.8%) sangat tidak bersetuju. Kenyataan item D18 ini mendapat taburan data yang berselerak dengan kesemua skala mendapat bilangan bacaan yang agak tinggi. Ini juga jelas dapat dilihat daripada nilai sisihan piawai min yang agak tinggi.

Bagi yang mendapat skor min terendah adalah kenyataan dari item D16, D12 dan D15. Item D16 “Saya melaksanakan solat fardu kerana rakal-rakan saya melaksanakannya” memperoleh skor min 2.13 dengan sisihan piawai 1.246. Daripada 161 (N), 66(41%) daripada responden sangat tidak bersetuju dan 47 (29.2%) tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan manakala 19 (11.8%) tidak pasti. Hanya 19 (11.8%) yang lain bersetuju dan hanya 10 (6.2%) sahaja yang sangat bersetuju dengan kenyataan bahawa pengamalan solat dilakukan atas faktor pengaruh daripada rakal-rakan sebaya.

Item D12 “saya mendirikan solat fardu apabila disuruh oleh ibu bapa penjaga saya”. Daripada keseluruhan responden 160 (N), 68(42.5%) sangat tidak bersetuju, 49 (30.6%) tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Hanya 9(5.6%) bersetuju dan 7(4.4%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Hal ini menunjukkan bahawa suruhan daripada ibu bapa dan penjaga bukan merupakan faktor yang mendorong responden bagi pengamalan solat fardu.

Item D15 “Saya hanya melaksanakan solat fardu apabila disuruh oleh guru atau jurulatih saya”. Daripada 161(N), 67 (41.6%) daripada responden sangat tidak bersetuju, 62(38.5%) tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Hanya 9 (5.6%) daripada responden bersetuju dan 3(1.9%) sangat bersetuju dengan kenyataan berkenaan.

Kesemua tiga kenyataan berkenaan yang mendapat skor min tertinggi adalah faktor jati diri para responden dan bertentangan dengan tiga faktor terendah yang

menyatakan bahawa faktor pengamalan solat adalah daripada desakan daripada ibu, bapa, penjaga, guru serta jurulatih. Daripada dapatan kajian yang diperoleh, dapat disimpulkan bahawa para atlet murid dari Sekolah Sukan Negeri Perak dalam aspek penjagaan aurat serta pengamalan solat fardu adalah atas faktor kesedaran, kefahaman serta jati diri. Walaubagaimanapun, pengaruh didikan, asuhan dan bimbingan dari ibu, bapa dan penjaga di rumah sejak kecil dilihat sebagai faktor kedua yang menyokong faktor dari jati diri responden. Peranan guru, pendidik, jurulatih dan suasana persekitaran yang kondusif yang mendorong terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat ini tetap menyumbang dan dilihat sebagai faktor yang memberi impak terhadapnya.

Penyelidik telah mengecilkan skop faktor-faktor yang terlibat terhadap amalan ibadah para atlet murid kepada tiga kategori. Pertama merupakan faktor kesedaran dan kefahaman dari diri sendiri, kedua faktor ibu bapa dan penjaga, iaitu pengaruh daripada didikan awal dari rumah. Ketiga merupakan faktor daripada institusi pendidikan sama ada formal mahupun tidak formal, iaitu merangkumi keberkesanan pengajaran daripada guru, program-program berbentuk ibadah yang dilaksanakan oleh guru dan ajuran institusi pendidikan mauhupun persekitaran yang wujud daripadanya. Memandangkan responden ini merupakan seratus peratus menginap di asrama, lantaran itu, persekitaran merupakan satu faktor yang dianggap penting oleh penyelidik.

4.4.3 Faktor jati diri

Berdasarkan daripada dapatan skor min daripada soal selidik terhadap responden, kedua-dua konstruk berkaitan penjagaan aurat serta kefahaman solat menunjukkan faktor jati diri adalah faktor terkuat jika dibandingkan dengan faktor didikan ibu bapa dan faktor guru dan jurulatih. Hal ini berikutan daripada pengamalan daripada kefahaman terhadap penjagaan aurat serta pengamalan solat.

Faktor jati diri ini tidak datang secara semula jadi, ia datang dari beberapa pengaruh dan faktor lain yang mendorong kepada kekuatan jati diri. Oleh kerana para atlet murid seratus peratus tinggal di asrama dan tinggal berjauhan daripada ibu bapa dan keluarga, pengaruh didikan awal dari rumah akan mempengaruhi proses perkembangan jati diri di samping mereka perlu adaptasi dengan persekitaran baru di asrama bersama guru, jurulatih dan rakan sebaya.

Setiap peringkat perkembangan manusia terdiri daripada lapan tahap perkembangan psikososial. Dalam konteks ini, murid-murid sekolah menengah yang berusia di antara 12 hingga 18 tahun. Pada peringkat ini, mereka berusaha mewujudkan identiti dan persepsi sendiri terhadap dunia mereka dan cuba mendapatkan kestabilan diri dalam masyarakat. Sekiranya menemui kegagalan, mereka akan mula meragui peranan dan fungsi mereka dalam masyarakat¹⁴⁰. Pengaruh didikan awal dari ibu bapa serta persekitaran yang baik akan menyumbang terhadap pembentukan nilai-nilai murni sekaligus pengamalan dan penghayatan ibadah dengan baik.

Bentuk asuhan ibu bapa dan keluarga akan memberi kesan terhadap tingkah laku dan personaliti anak-anaknya. Ibu bapa yang mendidik anak-anak mereka secara *authoritative* iaitu dengan menggalakkan anak-anak mereka berdikari di samping memberi sedikit kawalan ke atas tingkah laku mereka, diberi kebebasan berkomunikasi secara lisan dengan ibu bapa mereka serta menyokong perkembangan anak-anak mereka akan mempamirkan kebolehan sosial yang baik, dapat berdikari, bergaul dengan rakan sebaya dengan baik di samping mempunyai harga dan jati diri yang tinggi¹⁴¹.

¹⁴⁰ Kamarudin Husin, *Psikologi Pembelajaran*, (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd, 2010), 31.

¹⁴¹ Khadijah Yunus, Mahani Razali dan Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*, (Kuala Lumpur : Open University Malaysia, 2008), 63.

Keadaan ini dibuktikan dengan ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah berasrama sekolah sukan bukan sahaja bertujuan membina keupayaan dalam bidang sukan, malahan mendidik anak-anak mereka dengan sistem sosial, komunikasi dan keyakinan diri persekitaran institusi pendidikan. Meskipun mereka dikumpulkan dalam satu komuniti sebagai atlet murid, namun atas didikan awal daripada ibu bapa, guru-guru, jurulatih serta persekitaran yang baik sangat memberi pengaruh terhadap perkembangan dan nilai jati diri dalam kalangan mereka. Pertambahan nilai ini digarap dengan kefahaman yang jelas dalam soal perkara asas ibadah memberi impak yang positif terhadap penjagaan aurat serta pengamalan solat.

4.4.4 Faktor didikan awal dari ibu bapa

Faktor pendidikan awal daripada ibu, bapa adalah antara faktor yang tertinggi selepas faktor jati diri. Dari perspektif penyelidik, pendidikan dan penerapan nilai yang baik adalah sangat penting bermula dari pendidikan di rumah. Pendidikan solat dan penjagaan aurat merupakan satu perkara asas yang sangat penting terhadap persepsi kanak-kanak yang sedang dalam proses pembesaran. Melihat betapa serius dan pentingnya ibadah solat ini adalah seperti mana sebuah hadith Rasulullah SAW sangat menitik beratkan ibadah solat bermula dari usia lapan tahun seperti yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW

حدثنا مؤمل بن هشام يعني اليشكري، حدثنا إسماعيل، عن سوار أبي حمزة - قال أبو داود: وهو سوار بن داود أبو حمزة المزني الصيرفي - عن عمرو بن شعيب، عن أبيه، عن جده، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: مروا أولادكم بالصلاوة وهم أبناء سبع سنين، واضربوهم عليها، وهم أبناء عشر وفرقوا بينهم في المضاجع

“Dari gelang Abu Hamza - Abu Dawood berkata: seorang anak gelang

Daud Abu Hamza Muzani Sairafi - Amr bin Shuaib, daripada bapanya, datuknya, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda : Ajar anak-anak anda untuk solat ketika mereka berusia tujuh tahun, dan memukul mereka apabila mereka telah sepuluh tahun serta pisahkan mereka dari tempat tidur mereka.”¹⁴²

Rasulullah SAW telah membimbing kepada kita terhadap kaedah dalam pendidikan anak-anak. Pada peringkat usia lapan tahun disuruh untuk solat dan pada usia sepuluh tahun hendaklah di rotan atas tujuan pengajaran kepada anak-anak. Proses pembelajaran manusia berlaku hasil daripada rangsangan dan gerak balas dan dikawal oleh hukuman pembelajaran. Namun hukum-hukum pembelajaran dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu hukum kesediaan, hukum latihan dan hukum kesan¹⁴³. Hal ini bertepatan dengan kaedah pendidikan yang diajar oleh Baginda Rasulullah SAW bahawa bentuk hukuman merupakan satu proses pendidikan yang bertujuan menjelaskan bahawa solat merupakan satu bentuk ibadah yang serius dan wajib dilaksanakan.

Ibu bapa yang berupaya berkomunikasi secara baik dengan anak-anaknya akan membentuk sikap, persepsi, tingkah laku positif dan lebih fleksibel dalam menyelesaikan sesuatu masalah¹⁴⁴.

Sokongan sosial dan moral akan memberi keyakinan kepada individu terhadap keupayaan untuk melakukan sesuatu tingkah laku dan seterusnya meningkatkan pencapaian dan kecekapan dalam tingkah laku. Ini jelas dalam kajian Annathurai mendapati 78.2% atlet elit menyatakan galakan daripada bapa mereka adalah salah satu faktor pendorong penglibatan mereka dalam sukan. Hal ini membuktikan bahawa

¹⁴² Al-Muwaqi’i” Ar-Rasmi, Sunan Abi Daud. Abu Daud meriwayatkan dalam As-Solat 495 dan 496 dengan sanad Hasan.

¹⁴³ Kamarudin Husin (2010). *Op.Cit.*, 364

¹⁴⁴ Abd Aziz, *Tahap Komunikasi Murid Tingkatan Dua Dengan Bapa dan Ibu : Satu Kajian Kes. Dalam Jurnal Penyelidikan Pendidikan.* (Selangor : Institut Perguruan Islam, 2007)

pengaruh ibu bapa dan penjaga amat penting dalam pembentukan dan persepsi kepada anak-anak¹⁴⁵.

Pendidikan awal dari ibu bapa di rumah amat penting terhadap perkembangan anak-anak. Islam mendidik ke arah melahirkan generasi yang berkualiti bermula dari asas pemilihan calon suami dan isteri sehingga kepada pendidikan berterusan terhadap anak-anak yang akan berkeluarga. Zaman kanak-kanak perlu dilihat sebagai tempoh masa persiapan untuk menerima pertanggungjawaban apabila telah tiba usia balighnya kelak. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Taha ayat 132

وَأَمْرُ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبَرَ عَلَيْهَا لَا نَسْعَلُكَ رِزْقًا حَنْ نَرْزُقُكَ

وَالْعِقِبَةُ لِلتَّقْوَىٰ

“ Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadaMu, (bahkan) Kamilah Yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan Yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa.”¹⁴⁶

Dua elemen yang mempengaruhi perkembangan anak adalah Warisan dan Persekutaran Pendidikan. Warisan adalah sifat-sifat ibu bapa sama ada baik atau pun tidak yang diturunkan kepada anak. Walaubagaimanapun, sifat-sifat berkenaan boleh berubah kerana manusia adalah tertakluk kepada perubahan setelah lahir ke dunia seperti mana firman Allah SWT dalam Surah al-A’raf ayat 58

وَالْبَلْدُ الْطَّيِّبُ تَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي حَبَثَ لَا تَخْرُجُ إِلَّا نِكَدًا

كَذَلِكَ تُصَرِّفُ الْأَيَتِ لِقَوْمٍ يَشْكُرُونَ

“ Dan negeri yang baik (tanahnya), tanamal-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur.”¹⁴⁷

¹⁴⁵ Annathurai (2001), *Op. Cit.*, 116.

¹⁴⁶ Al-Quran 20:132

¹⁴⁷ Al-Quran 7:58

Intipati daripada ayat berkenaan menjelaskan bahawa bapa yang baik adalah seumpama tanah yang baik, maka tanaman di atasnya (anak-anak) akan hidup subur. Sebaliknya jika seorang bapa yang tidak baik adalah seumpama tanah yang tidak subur, maka tanaman di atasnya (anak-anak) akan hidup merana¹⁴⁸.

Ibadah akan membentuk kekuatan hubungan jiwa kepada Allah SWT dengan mengendalikan hawa nafsu. Hati akan beroleh ketenangan terutama ketika membaca Al-Quran, mengerjakan solat dan perlaksanaan ibadah yang lain. Terlalu banyak rahsia ibadah yang akan mempengaruhi perkembangan anak-anak sama ada kekuatan fizikal, mental dan spiritual.¹⁴⁹

4.4.5 Faktor guru dan persekitaran sekolah

Bagi para atlet murid, mereka tinggal di asrama sepenuhnya. Sebahagian besar masa mereka adalah bersama rakal-rakan, guru dan persekitaran institusi pendidikan. Jika menurut teori psikologi perkembangan. Majoriti atlet bersetuju peranan jurulatih dalam membantu meningkatkan kemahiran, penyediaan program sukan yang efektif. Jurulatih merupakan insan yang terpenting dalam kejayaan seseorang atlet meskipun atlet berkenaan berada pada peringkat dunia. Meskipun pada tahap tertinggi, atlet masih lagi memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar dari jurulatih¹⁵⁰.

Guru merupakan insan paling berpengaruh dan penting dalam industri pendidikan kerana pengamal dan penyebar nilai-nilai kebudayaan masyarakat dan merupakan *,role model’* kepada atlet murid terutama ketika berada di sekolah.¹⁵¹ Keadaan ini, memberikan gambaran bahawa peranan guru dan jurulatih merupakan individu yang berperanan besar terhadap pembentukan peribadi, sahsiah dan juga kecemerlangan murid dalam semua lapangan sama ada sukan mahupun akademik.

¹⁴⁸ Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak*, (Selangor : Alam Pintar Enterprise, 2003), 102.

¹⁴⁹ Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid, *Cara Nabi Mendidik Anak*, (Jakarta : Al-I'tishom Cahaya Umat, 2004), 218.

¹⁵⁰ Fauziah Mail (2015), *Op.Cit.*, 252.

¹⁵¹ Fauziah Mail (2007), *Op. Cit.*, 95.

Guru berperanan penting di mana segala galakan yang diberi olehnya akan menjadi asas kepada seseorang atlet untuk terus maju dalam bidang sukan. Kajian menunjukkan bahawa 86.2% atlet elit dapat galakan yang kuat daripada guru masing-masing. Interaksi persekitaran yang konsisten adalah pengaruh terdekat terhadap tindakan pelajar di samping kemahiran, sikap, pengetahuan aktiviti fizikal pelajar banyak dipengaruhi daripada ibu bapa, guru-guru dan rakan sebaya yang aktif secara fizikal¹⁵².

Guru berperanan sebagai pengganti kepada ibu bapa terhadap pelajarnya di sekolah dalam tugas mendidik, menjaga kesihatan, mengurus dan lain-lain¹⁵³. Peranan guru sangat besar dan disifatkan sebagai bapa rohani atau *spiritual father* bagi seorang pelajar kerana mereka memberi santapan jiwa dengan ilmu pengetahuan dan pendidikan¹⁵⁴.

Bukan sahaja dari perspektif guru, persekitaran atlet murid ini banyak mempengaruhi sikap dan tingkah lakunya. Atlet memilih rakan atlet sebagai faktor utama dalam pencapaian sukan dengan majoriti daripadanya menyatakan bahawa rakan atlet memberi dorongan, semangat dan sokongan secara mental dan fizikal kerana rakan atlet adalah orang yang paling rapat dan amat dipercayai dalam kehidupan seseorang atlet sama ada di sekolah maupun di padang. Kajian juga menunjukkan perkembangan kemahiran sosial, moral, kompeten dan kemahiran intelektual apabila kanak-kanak menerima sokongan rakan sebaya di sekolah.¹⁵⁵

Meskipun jika dilihat daripada disiplin sukan atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak ini, 75.9% adalah daripada atlet berpasukan dan 24.1% lagi adalah dari sukan individu, namun kerana mereka tinggal di asrama yang sama, menjalani aktiviti

¹⁵² Annathurai (2001), *Op. Cit.*, 115.

¹⁵³ Abdul Kadir Ismail, *Prinsip-Prinsip Pendidikan*, (Kota Bharu, Pustaka Aman Press,1981),179.

¹⁵⁴ Isyah Radhiah Ismail (2004), *Op. Cit.*, 79.

¹⁵⁵ Fauziah Mail (2015), *Op. Cit.*, 251.

serta latihan sukan bersama, kelas pengajian di kelas yang sama, keadaan ini menjadikan mereka lebih cenderung kepada perkembangan sosial yang baik. Mungkin disiplin sukan mereka adalah dari acara individu, namun sokongan moral dan aktiviti sosial harian mereka mereka lebih kepada berpasukan dan bekerjasama.

Faktor persekitaran tidak kurang pentingnya terhadap perkembangan anak-anak dan murid-murid. Meskipun daripada analisis yang diperoleh, majoriti daripada responden tidak bersetuju bahawa faktor daripada guru dan persekitaran institusi pendidikan iaitu sekolah dan asrama sebagai penyumbang utama terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat, namun ia masih penting bukan sahaja dari aspek pengamalan ibadah, namun lebih lagi terhadap penghayatan ibadah yang dapat diterjemah daripada nilai peribadi serta akhlak yang mulia.

Terdapat lima elemen ransangan yang boleh memberi kesan atau pengaruh terhadap stail pembelajaran individu iaitu persekitaran, emosi, sosial, fisiologi dan psikologi¹⁵⁶.

Penyelidik-penyalidik psikologi barat seperti Lundberg dan Tanner mengakui bahawa keadaan persekitaran mempengaruhi psikologi manusia. Cloninger yang mengkaji anak-anak angkat lelaki dan perempuan di Sweden mendapati bahawa 40% anak-anak angkat terlibat dengan jenayah sekiranya kedua-dua ibu bapa angkat mereka adalah penjenayah¹⁵⁷. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya persekitaran yang baik dalam membentuk nilai yang baik terhadap diri anak-anak berkenaan.

Dalam konteks atlet murid di sini, faktor persekitaran lebih bertumpu kepada faktor penekanan aturan jadual seperti yang telah diprogramkan di sekolah di samping pengaruh rakan sebaya dari kalangan atlet murid juga.

¹⁵⁶ Kamarudin Husin (2010), *Op. Cit.* 348.

¹⁵⁷ Saedah Siraj (2003), *Op.Cit.*, 107.

Jadual 4.21 : Menunjukkan kumulatif min bagi pecahan faktor-faktor mempengaruhi terhadap penjagaan aurat

Statistics				
		Solat (Jati diri)	Solat (Ibu bapa)	Solat (Guru dan Sekolah)
N	Valid	162	162	162
	Missing	0	0	0
Mean		4.3652	3.0123	2.8056
Std. Deviation		.63960	.64257	.75414

Kesimpulannya, daripada keseluruhan dapatan min terhadap sepuluh faktor-faktor yang dikumpulkan oleh penyelidik mendapati bahawa faktor utama terhadap pengamalan solat adalah faktor jati diri, diikuti faktor didikan ibu bapa dan akhir sekali faktor guru dan persekitaran sekolah. Dapatan nilai min secara kumulatif adalah 4.3652 bagi faktor jati diri, diikuti faktor ibu bapa dengan dapatan nilai min 3.0123, dan 2.8056 bagi faktor guru dan persekitaran sekolah.

4.5 PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT DALAM KALANGAN ATLET MURID

4.5.1 Penjagaan aurat para atlet murid berdasarkan kefahaman terhadap aurat

Jadual 4.22 : Purata keseluruhan bagi item amalan penjagaan aurat

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kumulatif min amalan penjagaan aurat	3.97	0.435	Tinggi

Bahagian C adalah mengukur tahap amalan para responden melalui kefahaman daripada item aurat. Secara keseluruhan min adalah seperti berikut :

Jadual 4.23 : Dapatan Min bagi bahagian C1 hingga C10 berkaitan amalan aurat

	Statistics										
	C1	C2	C3	C4	C5	C6	C7	C8	C9	C10	
Valid	161	162	162	161	160	161	161	161	162	161	
Missing	1	0	0	1	2	1	1	1	0	1	
Min	4.32	4.25	4.38	4.52	3.38	3.85	4.10	2.64	4.07	4.22	
Std. Deviation	.794	.908	.849	.653	1.009	.970	1.163	1.081	.902	.859	

Soalan 1 (C1) : “Saya sentiasa menutup aurat kerana saya tahu batas aurat saya walaupun kadangkala tidak selesa ketika menjalani latihan sukan”.

Kenyataan C1 ini merujuk kepada kesedaran dalam diri responden mengenepikan soal keselesaan dalam menutup aurat. Para responden adalah terdiri daripada atlet murid yang menjalani aktiviti secara fizikal dengan keadaan cuaca yang panas pasti memberikekangan terhadap pemakaian menutup aurat. Namun demikian, daripada 161 (N) responden, skor min yang diperolehi adalah 4.32 dengan sisihan piawai .794 . 76 (47.2%) daripada responden sangat bersetuju, 67 (41.6%) pula bersetuju menjadikan jumlahnya 88.8% responden menerima dengan kenyataan berkenaan. 12 (7.5%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan manakala hanya 5 (3.1%) tida bersetuju dan 1 (0.6%) yang sangat tidak setuju.

Kenyataan ini menggambarkan bahawa kesedaran dalam diri dan amalan responden terhadap tuntutan aurat sangat tinggi dan keselesaan bukanlah menjadi keutamaan meskipun menjalani aktiviti berbentuk fizikal dengan keadaan yang tidak selesa.

Soalan 2 (C2) : “Saya menutup aurat setiap kali saya bersukan di padang atau gelanggang kerana saya faham hukum menutup aurat”.

Kenyataan C2 adalah berkaitan dengan amalan menutup aurat kerana kefahaman responden terhadap kewajipan menutup aurat. Daripada 162 (N) skor min adalah 4.25 dengan sisihan piaawai 0.908, 79 (48.8%) daripada responden sangat bersetuju, 56 (34.6%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. 18 (11.1%) tidak pasti, 7 (4.3%) tidak bersetuju dan 2 (1.2%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan. Nilai skor responden yang bersetuju adalah tinggi.

Hal ini menggambarkan bahawa amalan daripada kefahaman dan kesedaran terhadap kewajipan menutup aurat adalah tinggi meskipun terdapatkekangan dari sudut aktiviti yang dilaksanakan oleh responden.

Soalan 3 (C3) : “Saya berpakaian menutup aurat kerana telah baligh walaupun tanpa arahan jurulatih dan guru”.

Bagi soalan C3, skor min diperoleh dari 162 (N) adalah 4.38 dengan sisihan piaawai .849. 92(56.8%) daripada responden sangat bersetuju, 46(28.4%) setuju dengan kenyataan berkenaan. 18(11.1%) tidak pasti manakala 5(3.1%) tidak bersetuju dan 1(0.6%) sangat tidak bersetuju.

Soalan 4 (C4): “Saya sentiasa menutup aurat kerana menutup aurat adalah wajib bagi saya”.

Dapatan min dari kenyataan C4 adalah yang tertinggi iaitu 4.52 dengan sisihan piaawai terendah .653. daripada 161 (N), 97(60.2%) responden sangat bersetuju, 50 (31.1%) bersetuju manakala 14(8.7%) yang lain tidak pasti dengan kenyataan berkenaan.

Dari pada kenyataan C1,C2,C3 dan C4 menunjukkan bahawa peratusan tertinggi daripada responden bersetuju bahawa amalan menutup aurat adalah daripada jati diri mereka sendiri, daripada kefahaman dan keyakinan terhadap hukum menutup aurat tanpa dipengaruhi secara total daripada persekitaran, paksaan daripada jurulatih, guru

mahupun faktor sampingan yang lain. Ini menjelaskan bahawa nilai jati diri responden terhadap tuntutan amalan menutup aurat adalah sangat tinggi dan sangat baik.

Soalan 5 (C5): “Lelaki dianggap telah baligh apabila mencapai usia 15 tahun hijrah walaupun belum bermimpi (ihtilam) atau keluar mani”.

Skor min yang dperoleh daripada 160(N) adalah 3.38 dengan sisihan piawai 1.01 dengan 89 (55.6%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. 21 (13.1%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan dan 32 (20%) sangat bersetuju. Manakala 12 (7.5%) tidak bersetuju dan 6 (3.8%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan.

Hal ini menunjukkan bahawa 55.6 % daripada responden tidak mengetahui bahawa usia 15 tahun hijrah adalah usia yang telah baligh walaupun belum mempunyai tanda-tanda fizikal seperti keluar mani, bermimpi (ihtilam). Keadaan ini menunjukkan bahawa responden tidak mengetahui bahawa aras usia 15 tahun hijrah merupakan salah satu petunjuk akil baligh menjadikan tanggungjawab melaksanakan ibadah fardu sebagai satu kewajipan bagi dirinya.

Soalan 6 (C6): “Atlet wanita muslim perlu menjaga batas aurat dengan wanita bukan muslim sama seperti lelaki bukan mahram”.

Daripada 161 (N) , 62 (38.5%) daripada responden tidak pasti dengan kenyataan bahawa batas aurat di antara wanita islam dengan wanita bukan islam adalah tidak sama dengan aurat wanita islam. 40 (24.8%) daripada responden bersetuju dan 53 (32.9%) sangat bersetuju. Manakala 3 (1.9%) daripada responden tidak bersetuju dan 3(1.9%) responden sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan menjadikan skor min 3.85 dengan sisihan piawai 0.970

Skor min yang tinggi menunjukkan purata kefahaman responden adalah baik, namun sisihan piawai yang besar menunjukkan taburan data yang diperoleh secara purata di antara 2.88 hingga 4.82 iaitu antara tidak pasti sehingga ke sangat setuju.

Hanya 6 sahaja responden yang jelas tidak mengetahui batasan aurat antara wanita muslim dengan wanita bukan muslim. Selebihnya nilai terbesar adalah 38.5% tidak mengetahui batasan aurat berkenaan. Keadaan ini rentetan daripada situasi kediaman di asrama dan persekitaran adalah dari kalangan beragama Islam. Asasnya para responden memahami batas aurat adalah dari pusat hingga lutut bagi lelaki dan menutup keseluruhan kecuali muka dan tangan hingga pergelangan.

Soalan 7 (C7): “abang kandung, kakak kandung, adik kandung, ibu kandung dan bapa kandung adalah mahram saya”.

Kenyataan C7 menunjukkan tahap amalan responden terhadap kumpulan mahram. Daripada 161(N), 84 (52.2%) bersetuju, 33 (20.5%) daripada responden bersetuju dengan kenyataan berikut. Manakala 29 (18%) tidak pasti, 6 (3.7%) tidak bersetuju dan 9(5.6%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan menjadikan skor min bagi item berkenaan adalah 4.10 dengan sisihan piawai 1.163.

Ini menunjukkan bahawa 72.7% daripada responden memahami dan dapat aplikasi terhadap definisi serta kumpulan mahram. Manakala bakinya tidak dapat mengaplikasi kumpulan mahram terhadap golongan yang sewajarnya. Hal ini berlaku dari kerana mereka tidak memahami dengan jelas istilah mahram. Namun dari aspek aplikasi, responden dapat menjelaskan golongan yang sewajarnya diperlihara.

Soalan 8 (C8): “Aurat antara lelaki dengan perempuan mahram dan lelaki dengan perempuan bukan mahram adalah sama”.

Kenyataan C8 adalah berkaitan dengan item C7 namun perbezaan item adalah aplikasi antara aurat wanita dengan lelaki. Bagi item ini, responden dilihat kurang kefahaman yang jelas bahawa aplikasi aurat bagi lelaki adalah sama sama ada terhadap lelaki muslim, lelaki bukan muslim, wanita muslim dan wanita bukan muslim. Skor min diperoleh adalah 2.64 dengan sisihan piawai 1.081. skor diperoleh ini menunjukkan

tahap aplikasi daripada kefahaman responden adalah rendah hingga tahap sederhana. Daripada 161 (N), 12 (7.5%) responden sangat bersetuju, 10 (6.2%) responden bersetuju dan 76 (47.2%) responden tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. Manakala 34 (21.1%) tidak bersetuju dan 29 (18%) sangat tidak bersetuju.

Hal ini menunjukkan secara purata responden tidak dapat membezakan batasan aurat antara lelaki muslim adalah sama dalam semua keadaan iaitu antara pusat hingga lutut.

Soalan 9 (C9): “Saya tidak memakai pakaian ketat yang jelas menampakkan bentuk tubuh badan saya ketika menjalani latihan dan pertandingan, bukan hanya menutup aurat dalam solat sahaja”.

Bagi item C9 menunjukkan skor min yang tinggi 4.07 dengan sisihan piawai .902 daripada 162 (N). 65 (40.1%) responden sangat bersetuju, 50 (30.9%) responden bersetuju dan 42 (25.9%) tidak pasti. Bakinya 4 (2.5%) tidak bersetuju dan 1 (0.6%) sangat tidak bersetuju.

Dari aspek amalan ini jelas menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa pakaian yang ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh adalah bersalah dengan hukum syarak. Responden juga melihat aplikasi penjagaan aurat bukan sahaja tertakluk semasa melaksanakan ibadah solat, namun aurat juga perlu diperlihara di luar solat meskipun ketika menjalani latihan ataupun sedang bertanding. Jika dilihat dari item C1 hingga C3, responden juga bersetuju bahawa menutup aurat adalah wajib dan perlu dilaksanakan meskipun faktor cuaca dan gaya hidup sebagai atlet menyebabkan keadaan tidak selesa, panas, berpeluh dan sebagainya.

Soalan 10 (C10) : “Saya tidak memakai pakaian yang jarang sehingga menampakkan warna kulit saya ketika bersukan walaupun ia adalah trend pakaian terkini”.

Daripada 161 (N), 68 (42.2%) daripada responden sangat bersetuju, 72 (44.7%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. 12 (7.5%) tidak pasti, 7 (4.3%) tidak bersetuju dan 2 (1.2%) sangat tidak setuju dengan kenyataan berikut.

Meskipun para responden tinggal di sekolah yang terletak dalam kawasan bandar dan mereka bertanding di merata tempat dan berhadapan dengan pelbagai latar belakang atlet, mereka lebih melihat keutamaan menjaga batas aurat berbanding *trend* pakaian semasa yang menjadi ikutan remaja seusia mereka.

4.5.2 Pengamalan solat para atlet murid berdasarkan kefahaman terhadap ibadah solat

Jadual 4.24 : Purata keseluruhan bagi item amalan penjagaan aurat

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kumulatif min pengamalan solat	4.18	0.474	Tinggi

Jadual 4.25: Dapatan Min bagi bahagian C11 hingga C20 berkaitan ibadah solat

Statistics										
	C11	C12	C13	C14	C15	C16	C17	C18	C19	C20
N	Valid	162	161	161	162	162	161	162	162	162
	Missing	0	1	1	0	0	1	0	0	0
Min		4.76	4.71	3.95	4.01	4.01	4.50	3.89	3.91	3.78
Std. Deviation		.577	.619	.865	.826	.942	.690	1.081	1.187	1.162
										1.053

Soalan 11 (C11) : “Saya melaksanakan solat fardu kerana saya faham kewajipan solat ke atas diri saya”.

Daripada 162 (N), 131 (80.9%) daripada responden sangat bersetuju, 26 (16%) bersetuju menjadikan kumulatif min adalah 96.9% bersetuju dengan kenyataan perlaksanaan ibadah solat fardu adalah berdasarkan kefahaman yang jelas bahawa solat

fardu perlu dilaksanakan atas sebab kewajipan melaksanakannya. Kenyataan ini memperoleh skor min 4.76 dengan sisihan piawai .577.

Soalan 12 (C12) : “Saya berasa berdosa dan bersalah jika saya meninggalkan solat fardu lima waktu dengan sengaja”.

Daripada 161 (N) 124 (77%) sangat bersetuju, 30(18.6%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. 5 (3.1%) tidak pasti dan 1(0.6%) masing-masing tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan skor min diperoleh 4.71 dengan sisihan piawai 0.619. Secara keseluruhannya para responden mempunyai rasa berdosa dan bersalah dalam diri jika ibadah solat tidak dilaksanakan atau ditinggalkan dengan sengaja.

Soalan 13 (C13) : “Saya menunaikan solat fardu lima waktu apabila telah masuk waktunya walaupun ketika sedang menjalani latihan”.

Bagi item C13, skor min diperoleh adalah 3.95 dengan sisihan piawai 0.865 dengan 49 (30.4%) daripada responden sangat bersetuju, 60 (37.3%) daripada responden bersetuju manakala 49 (30.4%) tidak pasti dan 1 (0.6%) tidak bersetuju, 2 (1.2%) sangat tidak bersetuju. Daripada data yang diperoleh menunjukkan bahawa 67.7% daripada para responden bersetuju untuk melaksanakan solat pada awal waktu meskipun menjalani latihan atau pertandingan. Namun, kekangan daripada keadaan persekitaran, peraturan pertandingan serta masalah pakaian menjadikan tidak memilih untuk terus melaksanakan solat dengan segera meskipun telah masuk waktu. Kelazimannya di SSN Perak, para atlet murid akan terlibat dalam latihan pada waktu solat asar dan subuh kerana mereka menjalani latihan sebelum waktu asar dan seawal dinihari selepas solat subuh.

Soalan 14 (C14) : “Saya akan solat di padang, gelanggang, trek atau mana-mana tempat yang suci jika tiada surau berhampiran dan telah masuk waktu solat”.

Item C14 memperolehi skor min 4.01 dengan sisihan piawai 0.826. Daripada 162(N) 50 (30.9%) sangat bersetuju, 69 (42.6%) bersetuju dan 39 (24.1%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. 3 (1.9%) tidak setuju dan 1 (0.6%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Pada asasnya, para responden memahami tentang kewajipan solat serta solat boleh dilaksanakan di mana-mana tempat asalkan suci pada badan, pakaian dan tempat solat. Namun, 26.6% daripada responden mengatakan tidak pasti dan tidak bersetuju mungkin kerana keadaan di Malaysia lebih selesa untuk melaksanakan solat fardu di surau atau di musolla yang telah disediakan. Meskipun keadaan berkenaan tidak menyalahi hukum syarak, namun keadaan di Malaysia masih belum dapat menerima sepenuhnya untuk solat di mana-mana lokasi atas faktor kemudahan surau dan musolla banyak disediakan.

Soalan 15 (C15) : “Saya akan solat dengan sebarang pakaian walaupun tidak bertelekung (bagi perempuan) atau tidak berpakaian solat asalkan menutup aurat”.

Bagi item C15 merujuk kepada mengukur sejauh mana responden bersetuju bahawa pakaian solat bagi wanita dan lelaki adalah fleksibel asalkan dapat menutup aurat dengan sempurna serta tidak mudah terbuka semasa perlaksanaan kesemua rukun solat. Skor min yang diperolehi daripada item ini adalah 4.01 dengan sisihan piawai 0.942. Daripada 161 (N), 61 (37.7%) daripada responden sangat bersetuju, 50 (30.9%) bersetuju dan 44 (27.2%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. Jika dilihat secara kumulatif frekensi, 68.6% bersetuju bahawa tidak semestinya solat perlu untuk berpakaian solat seperti telekung bagi wanita, kain pelikat dan baju melayu atau berjubah dengan berkopiah bagi lelaki. Perkara asas hanya kepada menutup aurat dengan sempurna meskipun dengan pakaian sukan yang mereka gunakan.

Soalan 16 (C16) : “Saya akan pastikan solat dengan mengadap kiblat jika bukan di surau atau di masjid”.

Item C16 adalah bagi menilai amalan solat mengenai perkara dalam syarat sah solat iaitu mengadap ke arah kiblat. Skor min yang diperoleh adalah 4.50 dengan sisihan piawai 0.69. Daripada 161(N), 97(60.2%) sangat bersetuju, 50 (31.1%) bersetuju manakala 12 (7.5%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. Ini menunjukkan bahawa 91.3% daripada responden melihat bahawa dalam perlaksanaan solat, penentuan arah kiblat merupakan satu prioriti dalam melaksanakan ibadah solat yang merupakan syarat sah solat.

Soalan 17 (C17) : “Saya boleh solat walaupun pakaian saya kotor asalkan ia suci dari najis”.

Daripada 162 (N), skor min yang diperoleh adalah 3.89 dengan sisihan piawai 1.081. 56 (34.6%) daripada responden sangat bersetuju, 55 (34%) bersetuju manakala 35 (21.6%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. 9 (5.6%) tidak bersetuju dan 7 (4.3%) sangat tidak bersetuju. Item C17 adalah untuk menilai dari aspek amalan solat dari aspek syarat sah solat iaitu suci daripada najis pada pakaian, badan dan tempat solat. Meskipun begitu, penilaian utama adalah tahap amalan dari aspek pembezaan antara bersih dan suci. 68.6% daripada responden dapat membezakan antara bersih dan suci di mana kesucian menjadi keutamaan dalam syarat sah solat.

Soalan 18 (C18) : “Jika saya mengalami kecederaan, saya tetap perlu melaksanakan solat dengan tertib rukun yang sempurna”.

Daripada 162 (N) 61(37.7%) daripada responden sangat bersetuju, 59 (36.4%) bersetuju dengan kenyataaan tersebut manakala 22 (13.6%) tidak pasti dan masing-masing 7 (4.3%) tidak bersetuju, 13 (8%) sangat tidak bersetuju. skor min diperoleh adalah 3.91 dengan sisihan piawai 1.187.

Soalan 19 (C19) : “Solat saya akan batal jika saya terlupa membaca surah al-fatihah”.

Item C19 menunjukkan surah Al-Fatihah sebagai salah satu daripada rukun solat di mana tanpa membacanya solat akan terbatal. Skor min yang diperoleh adalah 3.78 dengan sisihan piaawai 1.162. 60 (37%) sangat bersetuju, 34 (21%) bersetuju manakala 49(30.2%) tidak pasti dengan kenyataan berkenaan. 11(6.8%) tidak bersetuju dan 8 (4.9%) sangat tidak bersetuju.

Soalan 20 (C20) : “Solat saya akan terbatal jika wudhuk saya terbatal ketika solat”.

Dari pada 162 (N), 91 (56.2%) sangat bersetuju dan 44 (27.2%) bersetuju dengan kenyataan berkenaan. 16 (9.9%) tidak pasti, 3 (1.9%) tidak bersetuju dan 8 (4.9%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan berkenaan menjadikan jumlah skornya 4.28 dengan sisihan piaawai 1.053.

4.6 HUBUNG KAIT KEFAHAMAN ATLET MURID DENGAN PENJAGAAN AURAT DAN PENGAMALAN SOLAT

Dari pada total kumulatif min berkaitan kefahaman aurat para responden 162 (N) dengan kumulatif min terhadap amalan responden berkaitan aurat, dengan menggunakan korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* seperti Jadual 4.26

Jadual 4.26 : Korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* antara kefahaman aurat dengan amalan aurat

Correlations			Kefahaman Aurat	Amalan Aurat
Spearman's rho	Kefahaman Aurat	Correlation Coefficient	1.000	.301 **
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	162	162
	Penjagaan Aurat	Correlation Coefficient	.301 **	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	162	162

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Merujuk kepada jadual *Correlation*, Pekali korelasi bagi pasangan kefahaman aurat dan penjagaan aurat adalah sederhana seperti jadual 4.27 yang dinyatakan oleh Cohen iaitu 0.301 hingga 0.49 dimana nilai *Correlation Coefficient(r)* = **.301** dan paras signifikan .000 (sig. (2-tailed)). Ini membuktikan bahawa pemboleh ubah kefahaman dan amalan bagi aurat mempunyai perkaitan korelasi positif.

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kefahaman aurat dan penjagaan aurat mempunyai satu perkaitan korelasi positif .301 dan nilai varian bagi kedua pemboleh ubah adalah 9.06% [($.301 \times .301$) $\times 100$]. Hubungan *linear* positif (.301) menggambarkan tahap penjagaan aurat bertambah mengikut kefahaman aurat tetapi di dalam keadaan yang sederhana pada kadar 9.06%.

Jadual 4.27 : Nilai kekuatan hubungan korelasi seperti dicadangkan Cohen (1988)

$r = .10$ kepada .29	atau $r = -.10$ kepada -.29	Kecil
$r = .30$ kepada .49	atau $r = -.30$ kepada -.49	Sederhana
$r = .50$ kepada 1.0	atau $r = -.50$ kepada -1.0	Besar

Daripada total kumulatif min berkaitan kefahaman solat para responden 162 (N) dengan kumulatif min terhadap amalan responden berkaitan aurat, dengan menggunakan Korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* seperti Jadual 4.26,

Jadual 4.28 : Korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* antara kefahaman solat dengan amalan solat

Correlations			Kefahaman Solat	Amalan Solat
Spearman's rho	Kefahaman Solat	Correlation Coefficient	1.000	.349 **
		Sig. (2-tailed)	.	.000
		N	162	162
	Amalan Solat	Correlation Coefficient	.349 **	1.000
		Sig. (2-tailed)	.000	.
		N	162	162

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Daripada pekali korelasi *Spearman's Rank Order (rho)* bagi pasangan pemboleh ubah kefahaman solat dan amalan solat adalah sederhana iaitu dimana nilai *Correlation Coefficient(r)* = 0.349 hingga 0.49 dan paras signifikan .000 (sig. (2-tailed)). Ini membuktikan bahawa pemboleh ubah kefahaman solat dan amalan solat mempunyai perkaitan korelasi positif **.349**.

Keputusan ujian ini menunjukkan bahawa pemboleh ubah kefahaman solat dan amalan solat mempunyai satu perkaitan korelasi positif .349 dan nilai varian bagi kedua pemboleh ubah adalah 1.22% [(.349 X .349) X 100]. Hubungan *linear* positif (.349) menggambarkan tahap bertambah mengikut kefahaman solat tetapi di dalam keadaan yang sederhana pada kadar 1.22%.

Data korelasi menunjukkan bahawa semakin tinggi kefahaman responden terhadap aurat dan solat, semakin tinggi tahap pengamalan dari aspek penjagaan aurat serta pengamalan solat. Implikasinya, penekanan terhadap kefahaman berkaitan perkara asas dalam aurat serta solat perlu diberi penerapan secara teori dan amali agar dapat menjadikan penjagaan aurat serta pengamalan solat sebagai amalan harian.

4.7 KESIMPULAN

Berdasarkan daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh penyelidik dapat disimpulkan bahawa kefahaman yang jelas terhadap aurat akan mempengaruhi penjagaan aurat. Kefahaman ibadah solat juga mempengaruhi pengamalan solat dalam kalangan atlet murid sekolah sukan negeri Perak. Semakin tinggi kefahamannya, maka semakin tinggi tahap pengamalannya. Walaupun demikian, peringkat pembelajaran formal yang telah dilaksanakan di institusi pendidikan sama ada dari aspek kurikulum secara teori dan praktikal, tidak dapat menyumbang sepenuhnya terhadap penjagaan aurat serta pengamalan solat terhadap atlet murid. Perlaksanaan program yang berbentuk amali seperti kem-kem ibadah atau pun peraturan-peraturan yang digariskan oleh pihak sekolah juga tidak akan dapat memaksimumkan hasilnya jika tiada didikan awal secara berterusan daripada ibu bapa dan penjaga murid-murid berkenaan. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya didikan awal di rumah kerana ia akan memberikan impak jangka panjang terhadap pengamalan ibadah sama ada dari kalangan atlet murid mahupun murid-murid bukan atlet yang lain. Ini selari dengan hadith berikut

حدثنا مؤمل بن هشام يعني اليشكري، حدثنا إسماعيل، عن سوار أبي حمزة - قال أبو داود: وهو سوار بن داود أبو حمزة المزني الصيرفي - عن عمرو بن شعيب، عن أبيه، عن جده، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:

مرروا أولادكم بالصلاوة وهم أبناء سبع سنين، واضربوهم عليها، وهم أبناء عشر وفرقوا بينهم في المضاجع

“ Dari gelang Abu Hamza - Abu Dawood berkata: seorang anak gelang Daud Abu Hamza Muzani Sairafi - Amr bin Shuaib, daripada bapanya, datuknya, dia berkata: Rasulullah SAW bersabda : Ajar anak-anak anda untuk solat ketika mereka berusia tujuh tahun, dan memukul mereka apabila mereka telah sepuluh tahun serta pisahkan mereka dari tempat tidur mereka. ”¹⁵⁸

¹⁵⁸ Al-Muwaqi“ Ar-Rasmi, Sunan Abi Daud. Abu Daud meriwayatkan dalam As-Solat 495 dan 496 dengan sanad Hasan.

Hadis berkenaan menyatakan betapa pentingnya didikan ibu bapa terhadap ibadah solat sehingga perlu dipukul bagi tujuan mendidik apabila anak-anak telah berusia sepuluh tahun, tetapi masih enggan menunaikan solat. Ini menunjukkan bahawa pembentukan sahsiah diri dan jati diri perlu dibentuk sejak kecil supaya kanak-kanak akan terdidik tentang kepentingan ibadah terutama penjagaan aurat dan pengamalan solat apabila mencapai usia baligh.

Kefahaman mengenai aurat dan solat dalam kalangan atlet murid Sekolah Sukan Negeri Perak kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa atlet murid memahami dengan jelas perkara asas berkaitan aurat dan solat. Hasil daripada ujian T dan analisis inferensi yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman atlet murid sama ada dari perspektif perbezaan jantina mahupun perbezaan disiplin sukan. Namun terdapat sedikit perbezaan dari aras tingkatan, iaitu aras menengah rendah dan aras menengah tinggi terhadap kefahaman aurat, tetapi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek kefahaman solat. Hal ini kerana perkara berkaitan penjagan aurat di luar solat dan di dalam solat adalah berbeza. Para responden mempunyai purata kefahaman yang tinggi dalam aspek aurat di dalam solat kerana ia termasuk dalam syarat sah solat, namun perkara-perkara yang melibatkan praktikal di luar solat terdapat sedikit kurang kefahaman terutama dari kalangan atlet murid menengah rendah terutama dalam perkara batasan aurat. Meskipun demikian, bagi kefahaman berkaitan ibadah solat, tiada perbezaan yang signifikan meskipun berbeza dari aras tingkatan. Penerapan ilmu dan nilai ibadah sangat perlu dari aspek pengetahuan, kefahaman dan amalan sejak dari kecil sehingga dewasa agar penjagaan aurat dan pengamalan solat dijadikan amalan dalam kehidupan.

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Bab ini mengandungi kesimpulan keseluruhan hasil kajian dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak tertentu bagi tujuan penambahbaikan kepada penjagaan aurat dan pengamalan solat melalui kurikulum Pendidikan Islam dalam kalangan atlet murid.

5.2 DAPATAN KAJIAN

Dapatan daripada kajian ini dibahagi kepada empat bahagian utama iaitu analisis kefahaman atlet murid terhadap aurat dan solat, faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat, analisis penjagaan aurat dan pengamalan solat serta hubung kait antara kefahaman dan penjagaan serta pengamalan solat.

a) Kefahaman atlet murid terhadap aurat dan solat

Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan terhadap responden, penyelidik menyimpulkan bahawa secara statistik kefahaman terhadap aurat dalam kalangan atlet murid Sekolah Sukan Perak adalah sangat tinggi meliputi perkara-perkara asas aurat iaitu hukum menutup aurat, syarat wajib dan batas aurat. begitu juga halnya dengan kefahaman solat, para responden mempunyai kefahaman yang baik meliputi hukum solat, syarat sah solat, syarat wajib solat dan rukun solat. Hal ini menunjukkan keberkesanan daripada kurikulum Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah atau Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) di Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah.. Kesemua kurikulum yang dilalui oleh para atlet murid ini meliputi pembelajaran secara teori dan amali.

Penyelidik juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan antara jantina iaitu antara atlet murid lelaki dan perempuan dengan kefahaman aurat dan solat. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan signifikan di antara aras tingkatan dengan kefahaman aurat, iaitu antara kumpulan menengah rendah dari tingkatan satu dan dua dengan menegah tinggi tingkatan empat kerana peringkat menengah atas lebih memahami aspek-aspek aurat yang lebih kompleks. Bagi kefahaman solat pula, tiada perbezaan yang signifikan di antara aras tingkatan meliputi menengah rendah dan menengah tinggi berikutan kesemua perkara asas solat telah menerima pendedahan sejak dari rumah, sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah. Bagi bidang sukan pula, penyelidik mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara atlet yang menceburi bidang sukan secara individu seperti balapan padang dan memanah dengan atlet yang menceburi bidang sukan secara berpasukan seperti bola sepak, bola jaring, hoki dan sepak takraw.

b) Faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat

Analisis terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat dan pengamalan solat dibincangkan dalam bab keempat. Penyelidik membahagikan faktor-faktor berkenaan kepada tiga kumpulan iaitu faktor jati diri, faktor ibu bapa dan faktor guru serta persekitaran sekolah. Penyelidik juga mendapati para responden bersetuju faktor-faktor yang mempengaruhi penjagaan aurat adalah faktor jati diri dan didikan awal ibu bapa dari rumah berbanding pengaruh dari guru dan persekitaran institusi pendidikan. Manakala faktor-faktor pengamalan solat pula responden bersetuju bahawa faktor jati diri, ibu bapa serta guru dan persekitaran institusi pendidikan menjadi penyumbang utama pengamalan solat. Hal ini menunjukkan kepentingan didikan awal dari ibu bapa di rumah diikuti didikan daripada guru dan persekitaran institusi pendidikan yang akan membentuk jati diri para atlet berkenaan. Disiplin yang dibentuk

oleh para guru dan jurulatih memberi kesan yang mendalam kepada perkembangan para atlet murid sebagai ibu bapa kedua kerana masa yang mereka luangkan lebih banyak di sekolah lantaran mereka tinggal di asrama berjauhan dari ibu bapa mereka.

c) Penjagaan aurat dan pengamalan solat

Analisis terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat ini dijelaskan dalam bab keempat. Dari aspek amalan pula, penyelidik mendapati bahawa penjagaan aurat dan pengamalan solat berada pada tahap tinggi.

Namun demikian, pengamalan bermula dari bimbingan ibu bapa di rumah sebagai didikan awal diikuti oleh pengaruh guru, jurulatih, persekitaran sekolah dan rakan sebaya yang akan mempengaruhinya. Kesemua elemen ini perlu digabung jalin dan berperanan sepenuhnya terhadap atlet murid ini bagi membentuk jati diri agar mereka bukan sahaja dapat cemerlang dalam bidang sukan, malahan tahap penjagaan aurat serta pengamalan solat.

d) korelasi kefahaman aurat dengan penjagaan aurat serta korelasi kefahaman solat dengan pengamalan solat

Analisis terhadap korelasi antara kefahaman aurat dengan penjagaan aurat dan kefahaman solat dengan pengamalan solat ini dijelaskan dalam bab keempat. Kedua-dua hasil ujian korelasi di antara kefahaman aurat dengan penjagaan aurat dan kefahaman solat dengan pengamalan solat menunjukkan korelasi positif dengan nilai kekuatan sederhana. Ini menunjukkan bahawa semakin tinggi kefahaman aurat semakin tinggi penjagaan aurat. Begitu juga dengan solat dengan korelasi positif sederhana yang menunjukkan semakin tinggi kefahaman mengenai solat, maka semakin tinggi tahap pengamalan solat atlet murid berkenaan.

5.3 KESIMPULAN

Berdasarkan keseluruhan dapatan yang diperoleh oleh penyelidik, dapat disimpulkan bahawa atlet murid Sekolah Sukan Negeri Perak mempunyai kefahaman yang baik terhadap aurat dan solat. Hasil daripada kefahaman yang baik disulam dengan persekitaran akademik yang baik serta bimbingan dan dorongan daripada para guru dan jurulatih menjadikan atlet murid berkenaan dapat menjadikan penjagaan aurat serta pengamalan solat sebagai suatu keutamaan dalam ibadah yang dapat diaplikasi dalam kehidupan sebagai atlet murid.

Jika dinilai dari perbincangan masaalah kajian dalam bab pertama, data yang diperoleh menunjukkan bahawa penjagaan aurat pengamalan solat ini menjadi satu masalah dalam kalangan atlet-atlet yang terlibat dalam pertandingan dan latihan seolah-olah berpakaian patuh syariah ini memberi kesan terhadap prestasi sukan yang mereka tandingi. Begitu juga halnya dengan pengamalan solat yang seolah-olah menjadikan ibadah berkenaan sebagai satu kekangan masa dan tempat untuk melaksanakannya.

Dari perspektif atlet murid yang berbeza dengan murid harian biasa dan murid sekolah berasrama penuh, mereka dalam kumpulan yang dikategorikan sebagai *kinesthetic intelligence* oleh Howard Gardner yang bergiat aktif dengan aktiviti fizikal dan penguasaan pembelajarannya lebih cenderung kepada keupayaan psikomotor. Keadaan ini akan memberi kesan keupayaan kognitif yang memerlukan kefahaman dalam kurikulum itu sendiri tambahan pula dalam kalangan atlet murid ini lebih banyak peruntukan masa untuk bergiat dalam sukan daripada pembelajaran formal di kelas.

Meskipun demikian, kajian yang dilaksanakan ini memberi kesimpulan bahawa kefahaman yang jelas terhadap aurat dan solat ini dipengaruhi oleh faktor didikan ibu bapa, guru, jurulatih serta persekitaran institusi pendidikan yang baik ke arah membentuk jati diri atlet murid berkenaan. Implikasi dari pembentukan jati diri ini akan

membentuk atlet murid yang berkualiti bukan sahaja dari aspek kesukunan, malahan terhadap pembentukan sahsiah dan pengamalan ibadah khasnya ibadah-ibadah khusus seperti penjagaan aurat dan pengamalan solat.

5.4 SARANAN

a) Penekanan Pendidikan awal di rumah

Dalam konteks ini, ibu, bapa dan penjaga adalah *murabbi* pertama yang memberi pengaruh besar terhadap tingkah laku anak-anaknya. Menurut Saedah Siraj (2003), ibu bapa yang inginkan anak-anak mereka memiliki akhlak yang baik seharusnya melakukan perkara-perkara berikut :

- i. Bertaqwa, iaitu mendidik anak-anak selari dengan perintah Allah dan Rasul serta menghalang mereka daripada terlibat dengan perbuatan dosa
- ii. Memiliki keyakinan sewaktu mendidika anak iaitu dengan mendidik, menasihat dan membimbing supaya mereka melakukan kebaikan
- iii. Ibu bapa yang berakhhlak mulia akan membentuk anak-anak yang berakhhlak mulia
- iv. Berdoa setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam mendidik anak-anak.¹⁵⁹

b) Pembentukan persekitaran yang baik

Mewujudkan persekitaran dalam pembudayaan ibadah yang baik. Peranan daripada ibu bapa dan penjaga dalam membentuk jiwa anak-anak ke arah perlaksanaan ibadah khususnya dalam aspek penjagaan aurat dan pengamalan solat.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Nisa“ ayat 140

¹⁵⁹ Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak*, (Selangor : Alam Pintar Enterprise, 2003), 101.

وَقَدْ نَزَّلَ عَلَيْكُمْ فِي الْكِتَابِ أَنِ إِذَا سَمِعْتُمْ إِيمَانَ اللَّهِ يُكَفِّرُ بِهَا وَيُسْتَهْزِئُ^١
 بِهَا فَلَا تَقْعُدُوا مَعَهُمْ حَتَّىٰ تَخُوضُوا فِي حَدِيثٍ غَيْرِهِ^٢ إِنَّكُمْ إِذَا مِثْلُهُمْ
 إِنَّ اللَّهَ جَامِعُ الْمُنَافِقِينَ وَالْكَافِرِينَ فِي جَهَنَّمَ جَمِيعًا

“ Dan Sesungguhnya Allah telahpun menurunkan kepada kamu (perintahNya) di dalam kitab (Al-Quran), iaitu: apabila kamu mendengar ayat-ayat keterangan Allah diingkari dan diejek-ejek (oleh kaum kafir dan munafik), maka janganlah kamu duduk (bergaul) dengan mereka sehingga mereka masuk kepada memperkatakan soal yang lain; kerana Sesungguhnya (jika kamu melakukan Yang demikian), tentulah kamu sama seperti mereka. Sesungguhnya Allah akan menghimpunkan sekalian orang manufik dan orang kafir di dalam neraka jahannam. ”¹⁶⁰

Dalam ayat berkenaan boleh dikaitkan kepada kita bahawa larangan Allah untuk bergaul dengan golongan kafir dan munafik yang mempersendakan al-Quran. Hal ini berikutan pengaruh daripada kumpulan yang negatif akan memberi impak yang negatif terhadap diri kita hasil daripada pergaulan bersama. Dalam konteks ini, pihak sekolah dan institusi pendidikan amnya boleh mewujudkan pembudayaan ibadah dalam kalangan atlet murid. Guru-guru bersama para jurulatih serta semua pihak dari institusi pendidikan mampu memberikan teguran dan peringatan kepada murid-murid tentang keperluan, kewajipan dan kepentingan dalam aspek penjagaan aurat serta pengamalan solat supaya penjagaan aurat dan pengamalan solat ini dijadikan sebagai satu rutin.

Pihak institusi pendidikan juga, boleh meneruskan program-program kem ibadah bagi memberi kefahaman yang jelas serta amali yang lebih sesuai dan praktikal terhadap atlet murid kerana kefahaman yang baik mempunyai hubungan perkaitan yang positif terhadap amalan ibadah.

¹⁶⁰ Al-Quran 4:140

Perlaksanaan kem ibadah anjuran pihak sekolah, pihak kerajaan maupun swasta dapat yang dilaksanakan bukan sahaja dapat mendidik kefahaman yang jelas terhadap perkara aurat dan solat ini, bahkan membentuk satu persekitaran pendidikan yang secara tidak langsung memberikan satu penerapan ke arah pengamalan ibadah berkenaan.

c) Pembinaan jati diri

Pembinaan jati diri adalah kunci terhadap penjagaan aurat dan pengamalan solat. Asas kepada kefahaman yang tinggi membawa kepada pengamalan yang baik. Nilai jati diri yang tinggi merupakan faktor terpenting kerana setiap perlaksanaan ibadah atau pun meninggalkannya adalah bermula dari diri sendiri.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Ra“dayat 11

...إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ
سُوءًا فَلَا مَرْدَلَهُ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰٰ

“ Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpaan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya.”¹⁶¹

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum ataupun nasib diri kita sendiri melainkan atas usaha dan ikhtiar kita sendiri. Meskipun demikian, peranan ibu bapa sangat penting dalam mencorak personaliti anak-anak. Guru-guru dan jurulatih juga merupakan insan paling rapat dengan atlet murid ini sangat mempengaruhi perubahan dan perkembangan atlet murid. Kesinambungan daripada kesemua faktor didikan daripada ibu bapa di rumah dan guru serta jurulatih di

¹⁶¹ Al-Quran 13:11

sekolah ini memberi impak yang positif terhadap terhadap penerapan penjagaan aurat serta pengamalan solat.

5.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Di sini, penyelidik ingin mencadangkan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan oleh mana-mana penyelidik

- i. Kajian terhadap pengamalan ibadah puasa dalam kalangan atlet murid
- ii. Kajian terhadap keberkesanan kem ibadah yang dilaksanakan terhadap atlet murid
- iii. Pembudayaan ibadah solat dalam kalangan atlet murid Sekolah Sukan Negeri
- iv. Pembudayaan pemakaian patuh syariah dalam pertandingan sukan

5.5 PENUTUP

Sebagai penutup kepada perbincangan ini, penyelidik ingin menegaskan bahawa penjagaan aurat dan pengamalan solat merupakan perkara asas yang sangat penting sebagai seorang muslim dan muslimah. Penjagaan aurat tidak hanya dilihat sebagai cara berpakaian di dalam solat, bahkan lebih kepada pengamalan di luar solat. Aktiviti bersukan dengan faktor cuaca yang tidak menentu bukanlah dijadikan sebagai alasan untuk mendedahkan aurat, sebaliknya ia wajar dilihat dari aspek penjagaan maruah diri dan agama sebagaimana tuntutan *maqasid syariah*. Pemakaian yang sesuai ketika menjalani latihan menepati kehendak penjagaan aurat yang sempurna bukan sahaja memberikan implikasi terhadap diri sendiri, bahkan ia juga merupakan satu medium dakwah yang berkesan dan memberikan persepsi yang positif terhadap Islam.

Pengamalan solat juga tidak hanya dilihat dari aspek menunaikan tanggungjawab fardu ain, malahan solat yang sempurna merupakan tunjang kepada kejayaan dan kesempurnaan ibadah-ibadah yang lain. Ibu bapa, guru-guru, jurulatih, institusi pendidikan perlu sama-sama berganding bahu kerana semua pihak berperanan penting terhadap pembangunan modal insan cemerlang yang merupakan aset penting Negara ke arah melahirkan atlet bertaraf dunia yang cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim El-Muhammady, *Pendidikan Islam, Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, (Petaling Jaya : Dewan Pustaka Alam, 1991).
- Abdul Halim Mat Diah, *Filsafat Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*, (Yogyakarta : Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga, 1986).
- Abdul Kadir Ismail, *Prinsip-Prinsip Pendidikan*, (Kota Bharu : Pustaka Aman Press, 1981).
- Abdul Rasyid Ahmad, *Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) : Satu analisis dari perspektif Pendidikan Luqman*, Jurnal Usuluddin Jil. 4, (Kuala Lumpur : Universiti Malaya, 1996).
- Aerisuli Awang, *Penghayatan ibadah dan kesannya terhadap hubungan sosial di kalangan pelajar SMKA Tok Jiring, Kuala Terengganu*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011).
- Ahmad HishamAzizan, *Solat dan nilai-nilai spiritual dalam menangani gelisah dalam kalangan remaja Islam : kajian di sekolah berasrama penuh integrasi (SBPI), Selangor*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010).
- Ahmad Sabri Bin Osman, *SistemPendidikan Islam : Suatu Kajian tentang keberkesan penghayatannya di kalangan mahasiswa UiTM Arau, Perlis*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002).
- Al-Marbawi, Muhammad Idris Abd Ra'uf, *Kamus al-Marbawi*, Juz“1, (Mesir : Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi, 1350).
- Anita Woolfolk, *Psikologi Pendidikan*, Diterjemah oleh Norma Saad, Sarimah Shaik Abdullah, Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail, Wan Zalina Wan Din, (Sintok : UUM Press, 2012).
- Annathurai A/L Ranganathan, *Pengalaman Persaraan Atlet Elit Malaysia dari perspektif psikologi*, (Kuala Lumpur : Institut Pengajian Siswazah, 2002)
- Azhar Yusuf, *Keberkesan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah dalam pembentukan akhlak pelajar*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007)
- Bandura, A., *Social Learning Theory*, (Englewood, NJ : Prentice Hall, 1977).
- Bernama, KBS Tidak Halang Atlet Wanita Islam Tutup Aurat Sertai Kejohanan. Dicapai pada 10 September 2016, dari : (<http://www.mstar.com.my/sukan/2011/07/07/kbs-tidak-halang-atlet-wanita-islam-tutup-aurat-sertai-kejohanan/>, 2011)
- Chu Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, buku 2, (Kuala Lumpur : Mc. Graw Hill Education, 2006)

Ee Ah Meng, *Psikologi Pendidikan 1, Psikologi Perkembangan*, (Selangor : Fajar Bakti, 2002)

Fadzliyah Hashim, *Kesan Pendidikan Islam terhadap cara hidup Pelajar : Satu Kajian di SMK Tunku Abd. Aziz Simpang Empat, Alor Setar, Kedah*, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004)

Fauziah Mail, *Semangat Patriotisme dalam kalangan masyarakat atlet sekolah sukan Malaysia* Tesis Ph.D, (Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2015).

Fauziah Mail, *Sikap atlet pelajar terhadap matapelajaran pendidikan moral di sebuah sekolah sukan*, (Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2007).

Ghazali Darussalam dan Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2016).

H.A Hafizah Dasuki, *Ensiklopedia Islam*, jil.2, (Jakarta : PT IchtiarBaru Van Hoeve, 1994)

Hafidzah Md Shah, *Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pelajar Meninggalkan Solat : Satu Kajian Di Daerah Segamat, Johor*, Disertasi Sarjana Pendidikan Islam, (Bangi : Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004)

HAMKA, *Tafsir Al-Azhar*, jil.9 (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 1990)

Hassan Langgulung, *Penghayatan Nilai-nilai Islam Di Tinjau Dari Proses Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Masa Kini*, Jurnal Pendidikan Islam, Bil. 5, September 1987.

Hassan Langgulung, *Perubahan Paradigma Dalam Pendidikan Islam Dan Sains Sosial*, (Jakarta : Gaya Media Pertama, 2002)

Hilmi Ismail, *Pengamalan solat fardu di kalangan mahasiswa di TATi University College (TATiUC), Kemaman, Terengganu*, Disertasi, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010)

Imam Barnadid, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, (Yogyakarta : Yayasan FIK-IKIP, 1982)

Isyah Radhiah Idris, *Pendidikan Solat Oleh Ibubapa Terhadap Anak-Anak Dan Remaja Di Kota Bharu, Kelantan*, Disertasi (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004)

Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-7) 1996-2000*, (Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, 1999)

Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-8) 2001-2005*. (Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, 2003)

Jabatan Perdana Menteri, *Rancangan Malaysia Ketujuh (RMKe-9) 2006-2010.*
(Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, 2006)

Jais Sairus, *Hubungan Penglibatan Dalam Sukan dengan pencapaian akademik di kalangan Atlet Sekolah Menengah*, Disertasi, (Tanjung Malim : Fakulti Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007)

Jasmin Jasman, *Amalan menutup aurat di kalangan remaja : kajian di Sekolah-Sekolah Menengah di SekitarZon Gombak*, Disertasi Sarjana, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2003)

Juhaidah Ismail, *Kefahaman dan Penghayatan di Kalangan Remaja Wanita di Mukim Jeneri* Disertasi, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1999)

Kamarudin Husin, *Psikologi Pembelajaran*, (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors, 2010)

Kamarulzaman Kamaruddin, *Psikologi Perkembangan : Panduan untuk guru*, (Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2008).

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Laporan Jawatankuasa Kabinet : Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979*, (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979).

Kementerian Pelajaran Malaysia , *Laporan Jawatankuasa Kabinet : Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan 1979*, (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 1984)

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pekeling Ikhtisas Bil. 7/1988*, (Kuala Lumpur, Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988)

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Kurikulum Pendidikan Sekolah Menengah*, (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2000)

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010* , (Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

Kementerian Pelajaran Malaysia, *Sekolah Sukan Malaysia*, (Dalam <http://www.moe.gov.my/v/sekolah-sukan-malaysia>, 2012)

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah, Pendidikan Islam, 1988*, (Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988)

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Jemaah Nazir dan Kualiti*, (Putrajaya : Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015)

Khadijah Yunus, Mahani Razali & Ramlah Jantan, *Psikologi Pendidikan*, (Kuala Lumpur : Open University Malaysia, 2008)

Lai Yoon Fah dan Khoo Chwee Hoon, *Pengenalan Kepada Pendekatan Kuantitatif Dalam Penyelidikan Pendidikan*, (Sabah : Universiti Malaysia Sabah, 2012)

Lokman Musa, *Penguasaan Rukun Solat Menerusi Kem Bestari Solat (KBS) : Kajian Di Sekolah Rendah Daerah Gua Musang, Kelantan*, Disertasi, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014)

Lotfiah Zainal Abidin, *Aurat : Kod Pakaian Islam*, (Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors, 2004)

Luqman Hakimi Ahmad, *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam dalam pembentukan sahsiah muslim : Kajian terhadap pelajar Politeknik Pantai Timur*, Dissertas, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014)

M. Abdul Mujieb, Mabruri Tholhah, Syafia“h Am, *Kamus Istilah Fiqh*, (Selangor : Advance Publication, 1997)

Mamduh Mahmud, *Al-Zinah Wa al-Jamal Fi Mizan al-Islam*, (Kaherah : Maktabah al-Zahra, 1996)

Mohamad Maliki Haji Ali, *Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM terhadap masalah akhlak dan disiplin pelajar : Satu kajian di SMK Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan*, Disertasi, (Kuala Lumpur : Univerisiti Malaya, 1999)

Mohamad Zaki Abd Ghani, *Penerapan nilai-nilai kerohanian dalam pengajaran Pendidikan Islam di beberapa buah sekolah menengah daerah Seremban*, M.Princ, (Kuala Lumpur : IPP Universiti Malaya, 2006)

Mohd Salleh Aman, *Hubungan antara penglibatan dalam sukan dan pencapaian akademik di kalangan pelajar sekolah menengah Negeri Sembilan* , Disertasi, (Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 1996)

Mohd Sopian Salleh, *Aurat Wanita : Satu Kajian Khusus Mengenai Kefahaman Dan Sikap Beliawanis di FELDA Jerangau*, Tesis B.A. Syariah, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1992)

Mohd Suhardi Mat Jusoh, *Pengabaian solat fardu di kalangan remaja : kajian di sekolah menengah di sekitar Pasir Puteh, Kelantan*, Disertai Sarjana, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2004)

Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*, Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2004)

Muhammad Ibnu Abdul Hafidh Suwaid, *Cara Nabi Mendidik Anak*, (Jakarta : Al-I'tishom Cahaya Umat, 2004)

Mustafa Al-Khin dan Mustafa Al-Bugha“, *Al-Fiqh Al-Manhaji A 'la Mazhab Imam Asy-Syafie Rahimahullah*, (Damsyik : Dar Al-qalam, 2000)

Nor Azira Yusoff , *Hubung kait antara pengabaian solat dengan buruk laku individu : kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur*, Disertasi, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008)

Nor Dalilah Zakaria, *Pelaksanaan ibadat solat dan hubungannya dengan konflik rumahtangga : kajian di Unit Runding cara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*, Disertasi, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012)

Norhisham Muhammad, *Faktor yang Mempengaruhi Kecemerlangan Pelajar dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam PMR*, Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan, (Kuala Lumpur : Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 2005)

Norida Mat Yusoff, *Aurat Wanita Masa Kini Antara Tuntutan Syariah dan Fahaman Masyarakat Pelajar-Pelajar : Kajian di Akademi Pengajian Islam*, Tesis B.A. Syariah, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998)

Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid, *Pendekatan dan kaedah pengajaran Ibadah solat guru Pendidikan Islam menurut perspektif murid*, Online Jurnal Islamic Education, Jil. 4 Bil 2. (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016)

Omar Mohammad Al-Toumy Al-Syaibany, *Falsafah Pendidikan Islam*, Diterjemah oleh Hasan Langgulung, (Shah Alam : HIZBI, 1991)

Rohidzir Rais, Fuad Ismail & Mohd. Wahid Abd Hanif, *Ensiklopedia Solat*, (Kuala Lumpur : Telaga Biru, 2011)

Saedah Siraj, *Pendidikan Anak-Anak*, (Selangor : Alam Pintar Enterprise, 2003)

Sayyid Sabiq, *Fiqh Sunnah*, (Beirut : Dar al-Fikr, 1990)

Shofian Ahmad dan Lotfiah Zainol Abidin, *Aurat, Kod Pakaian Islam*, (Kuala Lumpur : Utusan Publication, 2004)

Sidik Ahmad Abdul Ghani, *Hubungan Penglibatan Atlet Sukan dengan pencapaian akademik dua buah sekolah di Pasir Puteh, Kelantan*, Disertasi Sarjana, (Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003)

Siti Fatimah Tasir, *Pengaruh Pendidikan Islam Terhadap Akhlak Pelajar-Pelajar UiTM : Satu Kajian Khusus di UiTM Kampus Machang, Kelantan*, Tesis Sarjana, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2005)

Siti Rokiah Abdul Ghani, *Amalan Solat Di Kalangan Pelajar : Kajian Di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan Ciast*, Shah Alam, Selangor, Disertasi Sarjana, (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia 2007)

Suharsimi Arikunto, *Manajemen Penelitian*, (Jakarta : Rineka Cipta, 2002)

Suharsimi Arikunto, *Prosedur Penelitian Suatu Pendekatan Praktek*, (Jakarta : Rineka cipta, 2002)

T K Letchumy Tamboo Biarlah Tuhansahaja yang menghakimi Farah Ann – Khairy Jamaluddin. Dicapaipada 10 September 2016, dari : (<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/biarlah-tuhal-sahaja-yang-menghakimi-farah-ann-khairy-jamaluddin-62364>, 2015)

Walijah Ahmad Jamburi, *Penghayatan ibadah dalam kalangan pelajar Islam : Kajian di beberapa buah Sekolah Menengah Kebangsaan di Petaling Jaya*, Dissertasi Sarjana, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2010)

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam, Syed M. Naquib Al-Attas Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*, (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2005)

Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, *Kursus Pendidikan Islam di IPGM di Zon Utara : Kajian Kaedah dan Keberkesanan*, Tesis Ph.D, (Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012)

LAMPIRAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
EDUCATIONAL PLANNING AND RESEARCH DIVISION
ARAS 1-4, BLOK E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 6000
Faks : 03-8884 6439
Portal : www.moe.gov.my
Website : <http://www.moe.gov.my/bppdp>

Ruj. Kami : KPM.600-3/2/3 Jld 15 (s)
Tarikh : 16 Januari 2017

Faiz Syarin bin Abdul Muin
K.P.:830117016659

No 106 Jalan Sepakat
Taman Rapat Murni
31350 Ipoh
Perak

Tuan,

**KELULUSAN BERSYARAT UNTUK MENJALANKAN KAJIAN: PENGHAYATAN AMALAN
IBADAH MELALUI KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM OLEH ATLET MURID : SATU KAJIAN
DI SMK GUNUNG RAPAT, SEKOLAH SUKAN NEGERI PERAK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan untuk menjalankan kajian seperti tersebut di atas telah diluluskan dengan syarat:
 - i. Penyelidik tidak menggunakan sampel murid Tingkatan 3 dan 5
 3. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada kertas cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang dikemukakan oleh tuan kepada Bahagian ini. Walau bagaimanapun kelulusan ini bergantung kepada kebenaran Jabatan Pendidikan Negeri dan Pengetua / Guru Besar yang berkenaan.
 4. Surat kelulusan ini sah digunakan bermula dari **01 Februari 2017 hingga 30 Jun 2017**.
 5. Tuan juga mesti menyerahkan senaskhah laporan akhir kajian dalam bentuk *hardcopy* bersama salinan *softcopy* berformat Pdf. di dalam CD kepada Bahagian ini. Tuan diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya daptan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum, seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR ROSLI BIN ISMAIL)
Ketua Sektor
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO: AR 3166

No 106, Jalan Sepakat,
Taman Rapat Murni,
31350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Pengarah,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak,
Jalan Tun Abdul Razak,
30640 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
UP : Unit Perhubungan dan Pendaftaran

2 FEBRUARI 2017

Tuan,

**MOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SMK GUNUNG RAPAT, SEKOLAH SUKAN
NEGERI PERAK**

Perkara di atas adalah dirujuk

2. Sehubungan dengan itu, saya ingin menjalankan kajian terhadap sampel atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak bagi memenuhi keperluan Disertasi kajian Sarjana
3. Bersama ini juga dilampirkan surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Nombor Rujukan **KPM.600-3/2/3 Jld 3S (S1)** bertarikh **16 Januari 2017**
4. Sekian dimaklumkan dan kerjasama dari pihak tuan di akhiri dengan ribuan terima kasih

Sekian, Terima Kasih

Yang Benar,

.....
(FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN)



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN



Tel : +605 501 5000
Faks : +605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"IMALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : J. Pel. Pk (AM)5114/4 Jld.24 (15)

Tarikh : 7 Februari 2017

FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN,
No. 106, Jalan Sepakat,
Taman Rapat Murni,
31350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

**KELULUSAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH - SEKOLAH
DI NEGERI PERAK DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK**

Sukacitanya perkara di atas di rujuk dan surat tuan bertarikh 2 Februari 2017 serta surat dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Rujukan : KPMS.P.600-3/2/3 Jld 35 (51), bertarikh 16 Januari 2017 adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Perak tiada **halangan** untuk membenarkan pihak tuan menjalankan kajian "**Penghayatan Amalan Ibadah Melalui Kurikulum Pendidikan Islam Oleh Atlek Murid : Satu Kajian di SMK Gunung Rapat, Sekolah Sukan Negeri Perak**" seperti dinyatakan dalam surat tuan dengan syarat-syarat berikut :-

- 2.1 Pihak tuan perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah untuk menggunakan sampel kajian;
- 2.2 Kajian yang dijalankan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah;
- 2.3 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini;
- 2.4 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos kajian;
- 2.5 Guru-guru/ murid tidak boleh dipaksa terlibat dengan kajian ini;

Perak EXcellent

Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung




- 2.6 Pihak tuan dipohon agar mengemukakan **satu (1) salinan laporan kajian dalam tempoh 30 hari** ke jabatan ini selepas kajian tersebut dilaksanakan; dan
- 2.7 Tiada sebarang implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah.
3. Sukacita juga dingatkan sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa, pihak tuan perlulah **mendapatkan kebenaran terlebih dahulu** daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan satu salinan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
4. Kebenaran permohonan ini adalah untuk tujuan yang dipohon dan melibatkan sekolah dalam daerah yang dinyatakan sahaja dan luput selepas tarikh 30 Jun 2017.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MOHD ROSLI BIN AHMAD, AMP., PPT.)
Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

- s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
 2. Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
 3. Pegawai Pendidikan Daerah Kinta Utara

No 106, Jalan Sepakat,
Taman Rapat Murni,
31350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Pegawai Pendidikan Daerah,
Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara,
Lebuh Cator,
30450 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
UP : Penolong PPD Perhubungan

28 FEBRUARI 2017

Tuan,

**MOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SMK GUNUNG RAPAT, SEKOLAH SUKAN
NEGERI PERAK**

Perkara di atas adalah dirujuk

2. Sehubungan dengan itu, saya ingin menjalankan kajian terhadap sampel atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak bagi memenuhi keperluan Disertasi kajian Sarjana

3. Bersama ini juga dilampirkan surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Nombor Rujukan **KPM.600-3/2/3 Jld 3S (S1)** bertarikh **16 Januari 2017** dan surat kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan Nombor Rujukan **J.Pel.Pk(AM)5114/4Jld 24 (15)** bertarikh **7 Februari 2017**.

4. Sekian dimaklumkan dan kerjasama dari pihak tuan di akhiri dengan ribuan terima kasih

Sekian, Terima Kasih

Yang Benar,

.....
(FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN)



PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KINTA UTARA
LEBUH CATOR,
30450 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN



Telefon (Am) : 05-254 4877, 05-243 7295, Faks : 05-241 9154
Portal : <http://jpnperak.moe.gov.my/ppdkinta>
Email : ppdku@moe.gov.my

"1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj. Kami : PPDKU 100-2/43/1 (82)
Tarikh : 30 Mac 2017
02 Rejab 1438H

**FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN,
NO. 106, JALAN SEPAKAT,
31350, IPOH.**

Tuan,

**KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH DI DAERAH
KINTA UTARA.**

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan bertarikh **28 Mac 2017** dan surat dari Jabatan Pendidikan Perak **J.Pel. Pk (AM) 5114/4 Jld 24 (15)** bertarikh **7 Februari 2017**.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara **tiada halangan** membenarkan tuan untuk berurusan dengan Sekolah-sekolah di dalam Daerah Kinta Utara untuk menjalankan kajian **“Penghayatan Amalan Ibadah Melalui Kurikulum Pendidikan Islam oleh Atlet Murid : Satu Kajian di SMK Gunug Rapat, Sekolah Sukan Negeri Perak”** seperti dinyatakan dalam surat tuan dengan syarat-syarat berikut :-

- 2.1 Mendapatkan kebenaran dan persetujuan Pengetua/Guru Besar Sekolah berkeraan untuk menggunakan sampel kajian;
- 2.2 Kajian yang dijalankan hendaklah tidak mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah;
- 2.3 Pihak tuan bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebijakan guru-guru yang terlibat dalam kajian ini;
- 2.4 Pihak tuan hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos kajian;
- 2.5 Murid-murid perlu mendapat kebenaran ibubapa atau penjaga dan Pengetua/Guru Besar sekolah sebelum terlibat dalam kajian ini;
- 2.6 Guru-guru dan murid-murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan kajian ini;
- 2.7 Tiada sebarang implikasi kewangan terhadap pihak Jabatan Pendidikan Perak, Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara dan pihak sekolah.


"CINTAILAH BAHASA KITA"
(Silacatatkanrujukanjabataniniapabilaberhubung)

3. Kebenaran permohonan ini adalah untuk tujuan yang dipohon dan melibatkan pelajar dan guru di sekolah-sekolah dalam Daerah Kinta Utara sahaja dan **luput selepas tarikh 30 Jun 2017**.

Sekian dimaklumkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI AMERUDIN BIN MOHD KHAIRI, AMP.)
Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah,
b/p Pegawai Pendidikan Daerah Kinta Utara.

sk - Fail timbul

No 106, Jalan Sepakat,
Taman Rapat Murni,
31350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

Pengetua,
SMK Gunung Rapat,
Jalan Teoh Kim Swee,
31350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan

17 APRIL 2017

Tuan,

MOHON KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SMK GUNUNG RAPAT, SEKOLAH SUKAN NEGERI PERAK

Perkara di atas adalah dirujuk

2. Sehubungan dengan itu, saya ingin menjalankan kajian terhadap sampel atlet murid di Sekolah Sukan Negeri Perak bagi memenuhi keperluan Disertasi kajian Sarjana

3. Bersama ini juga dilampirkan surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Nombor Rujukan KPM.600-3/2/3 Jld 3S (S1) bertarikh 16 Januari 2017, surat kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan Nombor Rujukan J.Pel.Pk(AM)5114/4Jld 24 (15) bertarikh 7 Februari 2017 dan juga surat kebenaran dari Pejabat Pendidikan Daerah Kinta Utara dengan nombor rujukan PPDKU 100-2/4/3/1 (82) bertarikh 30 Mac 2017.

4. Sekian dimaklumkan dan kerjasama dari pihak tuan di akhiri dengan ribuan terima kasih

Sekian, Terima Kasih

Yang Benar,

.....
(FAIZ SYAHRIN BIN ABDUL MUIN)

ARAHAN

Sila baca dengan teliti dan berikan respon setiap bahagian A,B,C dan D.

Segala maklumat peribadi adalah kerahsiaan dan hanya bagi tujuan penyelidikan. Kejayaan kajian ini bergantung sepenuhnya kepada kelengkapan dan keikhlasan anda memberikan respon.

TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN ANDA

BAHAGIAN A : Maklumat Profil dan Latar Belakang Responden

Panduan : Sila Tandakan (**v**) bagi pilihan anda di ruang berkenaan

1. Jantina :	Lelaki :	<input type="checkbox"/>
	Perempuan :	<input type="checkbox"/>

2. Tingkatan :	Menengah Rendah :	<input type="checkbox"/>
	Menengah Tinggi :	<input type="checkbox"/>

3. Bidang Sukan :	Bola Sepak :	<input type="checkbox"/>
	Sepak Takraw :	<input type="checkbox"/>
	Bola Jaring :	<input type="checkbox"/>
	Hoki :	<input type="checkbox"/>
	Balapan / Padang :	<input type="checkbox"/>
	Memanah :	<input type="checkbox"/>
	Lain-lain :	<input type="checkbox"/>
	Nyatakan _____	

BAHAGIAN B

Soalan 1 hingga 20 merupakan soalan yang mengukur kefahaman anda mengenai ibadah solat dan aurat.

Sila tandakan **bulatkan** jawapan yang sesuai. Pilih **SATU** jawapan sahaja.

1	SANGAT TIDAK SETUJU
2	TIDAK SETUJU
3	TIDAK PASTI
4	SETUJU
5	SANGAT SETUJU

BIL	ITEM	SKALA				
		STS	TS	TP	S	SS
B1	Aurat adalah batasan tubuh badan saya yang wajib ditutup walaupun saya TIDAK selesa	1	2	3	4	5
B2	Hukum menutup aurat adalah Wajib Fardu Ain	1	2	3	4	5
B3	Kewajipan menutup aurat adalah ketika baligh	1	2	3	4	5
B4	Mendedahkan aurat adalah berdosa di sisi Allah	1	2	3	4	5
B5	Terdapat perbezaan di antara aurat lelaki yang belum baligh dengan yang telah baligh	1	2	3	4	5
B6	Aurat wanita Islam dengan wanita bukan Islam adalah antara pusat hingga lutut	1	2	3	4	5
B7	Mahram adalah golongan yang haram dinikahi	1	2	3	4	5
B8	Aurat antara lelaki muslim dengan lelaki bukan muslim adalah menutup kemaluan sahaja	1	2	3	4	5
B9	Menutup aurat wajib dilaksanakan ketika solat sahaja	1	2	3	4	5
B10	Pakaian yang menutup aurat adalah yang mengikut trend semasa walaupun ia sangat ketat sehingga menampakkan bentuk tubuh badan	1	2	3	4	5
B11	Solat Fardu wajib atas setiap Mukallaf, iaitu Islam, Baligh dan Berakal	1	2	3	4	5
B12	Meninggalkan Solat Fardu dengan sengaja merupakan dosa besar	1	2	3	4	5
B13	Solat Fardu wajib dilaksanakan dalam waktu yang telah ditetapkan	1	2	3	4	5
B14	Solat boleh dilaksanakan di mana-mana asalkan bersih dan suci	1	2	3	4	5

	dari najis					
B15	Terbuka aurat dalam jangkamasa yang lama ketika dalam solat TIDAK akan membatalkan solat	1	2	3	4	5
B16	Sengaja membelakangkan Kiblat ketika solat TIDAK membatalkan solat	1	2	3	4	5
B17	Terkena najis yang jelas pada pakaian sewaktu solat boleh menyebabkan solat terbatal	1	2	3	4	5
B18	Meninggalkan salah satu daripada Rukun Solat menyebabkan Solat terbatal	1	2	3	4	5
B19	Surah Al-Fatihah wajib dibaca ketika solat pada setiap rakaat	1	2	3	4	5
B20	Berwudhuk dengan sempurna adalah cara bersuci daripada hadas kecilyang merupakan syarat sah solat	1	2	3	4	5

BAHAGIAN C

Soalan 21 hingga 40 merupakan soalan yang mengukur kolerasi antara kefahaman anda dengan penghayatan ibadah mengenai aurat dan solat.

Sila tandakan **bulatkan** jawapan yang sesuai. Pilih **SATU** jawapan sahaja.

1	SANGAT TIDAK SETUJU
2	TIDAK SETUJU
3	TIDAK PASTI
4	SETUJU
5	SANGAT SETUJU

BIL	ITEM	SKALA				
		STS	TS	TP	S	SS
C1	Saya sentiasa menutup aurat kerana saya tahu batas aurat saya walaupun kadangkala TIDAK SELESA ketika menjalani latihan sukan	1	2	3	4	5
C2	Saya menutup aurat setiap kali saya bersukan di padang atau gelanggang kerana saya faham hukum menutup aurat	1	2	3	4	5
C3	Saya berpakaian menutup aurat kerana telah baligh walaupun tanpa arahan jurulatih atau guru	1	2	3	4	5
C4	Saya akan sentiasa menutup aurat kerana menutup aurat adalah wajib bagi saya	1	2	3	4	5
C5	Lelaki dianggap telah baligh apabila telah mencapai usia 15 tahun hijrah walaupun belum bermimpi (ihtilam) atau keluar mani.	1	2	3	4	5
C6	Atlet wanita muslim perlu menjaga batas aurat dengan wanita bukan muslim sama seperti lelaki bukan mahram.	1	2	3	4	5
C7	Abang kandung, kakak kandung, adik kandung, ibu kandung dan bapa kandung adalah mahram saya	1	2	3	4	5
C8	Aurat antara lelaki dengan perempuan mahram dan lelaki dengan perempuan bukan mahram adalah sama	1	2	3	4	5
C9	Saya TIDAK memakai pakaian ketat yang jelas menampakkan bentuk tubuh badan saya ketika menjalani latihan dan pertandingan, bukan hanya menutup aurat dalam solat sahaja	1	2	3	4	5

C10	Saya tidak memakai pakaian yang jarang sehingga menampakkan warna kulit saya ketika bersukan walaupun ia adalah trend pakaian terkini	1	2	3	4	5
C11	Saya melaksanakan solat fardu kerana saya faham kewajipan solat ke atas diri saya	1	2	3	4	5
C12	Saya berasa berdosa dan bersalah jika saya meninggalkan solat fardu lima waktu dengan sengaja	1	2	3	4	5
C13	Saya menunaikan solat fardu lima waktu apabila telah masuk waktunya walaupun ketika sedang menjalani latihan	1	2	3	4	5
C14	Saya akan solat di padang, gelanggang, trek atau mana-mana tempat yang suci jika tiada surau berhampiran dan telah masuk waktu solat.	1	2	3	4	5
C15	Saya akan solat dengan sebarang pakaian walaupun tidak bertelekung (bagi perempuan) atau tidak berpakaian solat asalkan menutup aurat	1	2	3	4	5
C16	Saya akan pastikan solat dengan mengadap kiblat jika bukan di surau atau di masjid.	1	2	3	4	5
C17	Saya boleh solat walaupun pakaian saya kotor asalkan ia suci dari najis	1	2	3	4	5
C18	Jika saya mengalami kecederaan, saya tetap perlu melaksanakan solat dengan tertib rukun yang sempurna	1	2	3	4	5
C19	Solat saya akan batal jika saya terlupa membaca surah Al-Fatihah	1	2	3	4	5
C20	Solat saya akan terbatal jika wudhuk saya terbatal ketika solat	1	2	3	4	5

BAHAGIAN D

Soalan 41 hingga 60 merupakan soalan yang faktor sampingan yang mempengaruhi penghayatan ibadah mengenai aurat dan solat.

Sila tandakan **bulatkan** jawapan yang sesuai. Pilih **SATU** jawapan sahaja.

BIL	ITEM	SKALA				
		STS	TS	TP	S	SS
D1	Saya menutup aurat ketika bersukan walaupun rimas	1	2	3	4	5
D2	Saya menutup aurat hanya ketika latihan bersama jurulatih	1	2	3	4	5
D3	Ibu, bapa dan penjaga saya melarang saya berpakaian mendedahkan aurat	1	2	3	4	5
D4	Saya menutup aurat kerana sedar tentang hukum menutup aurat adalah wajib	1	2	3	4	5
D5	Saya menutup aurat kerana rakal-rakan asrama saya menutup aurat	1	2	3	4	5
D6	Saya berasa malu jika berpakaian mendedahkan aurat	1	2	3	4	5
D7	Saya terpaksa menutup aurat kerana mematuhi peraturan yang ditetapkan pihak sekolah	1	2	3	4	5
D8	Saya menutup aurat kerana rasa kesedaran setelah menghadiri kem ibadah	1	2	3	4	5
D9	Saya menutup aurat kerana bimbingan dari keluarga saya sejak kecil	1	2	3	4	5
D10	Saya menutup aurat kerana kesan dari pengajaran guru di sekolah	1	2	3	4	5
D11	Saya melaksanakan solat fardu lima waktu kerana memahami kewajipan perlaksanaannya	1	2	3	4	5
D12	Saya hanya mendirikan solat fardu apabila disuruh oleh ibu bapa penjaga saya	1	2	3	4	5
D13	Amalan ibadah di rumah mempengaruhi perlaksanaan solat fardu saya	1	2	3	4	5

D14	Pengajaran guru di kelas mempengaruhi perlaksanaan solat fardu saya	1	2	3	4	5
D15	Saya hanya melaksanakan solat fardu apabila disuruh oleh guru atau jurulatih	1	2	3	4	5
D16	Saya melaksanakan solat fardu kerana rakal-rakan saya melakukannya	1	2	3	4	5
D17	Saya tetap melakukan solat fardu walaupun orang sekeliling saya tidak melakukannya	1	2	3	4	5
D18	Saya melakukan solat fardu kerana kemahuan saya sendiri	1	2	3	4	5
D19	Guru dan jurulatih merupakan pembimbing dan pendorong utama saya melaksanakan solat fardu	1	2	3	4	5
D20	Saya melaksanakan solat fardu kerana perlu patuh dengan peraturan asrama	1	2	3	4	5

SOAL SELIDIK SELESAI

TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN, PERHATIAN DAN KERJASAMA ANDA